Jilid IV
Bil. 39



Hari Selasa
1hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid IV
Bil. 39

Hari Selasa
1hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli — Kebenaran

Y.B. Dr V. David (Puchong) [Ruangan 6457]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6457]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 6490]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1995 [Ruangan 6490]

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1999

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.1., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

,, Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

,, Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M., D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun–Langkawi).

,, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

,, Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

,, Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

" Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

" Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).

" Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

" Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

" Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

" Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

,, Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

,, Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

,, Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

,, Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

,, Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

,, Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

,, Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).

,, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

,, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

,, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

,, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim–Bandar Baharu).

,, Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

,, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

,, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

,, Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).

" Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).

" Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., (Kemaman).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

,, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

,, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

,, TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

,, TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

,, DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

,, TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

,, DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

,, TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

,, TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

,, TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

,, TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

,, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

,, DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

,, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

,, TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

,, DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

,, TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

,, TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

,, TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

,, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

,, TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

,, DR V. DAVID (Puchong).

,, TUAN FONG KUI LUN (Klang).

,, TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

,, TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

,, TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

,, TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

Yang Berhormat TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

" DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

" TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

" CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

" LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

" PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

" TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

" DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).

" TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

" TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).

" TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).

" TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

" TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

" TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

" DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

" TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).

" TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

" TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

" TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

" TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

" TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

" TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

" PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

" DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

" TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

" DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

" TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

" TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

" DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

" TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

" TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

" DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

" DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

" DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

" DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

" TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N. S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

" TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

" DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

" DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

" TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

" DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

" DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

" TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

" DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

" DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).

" DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

" TUAN RADIN MALLEH (Padas).

" DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

" MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

" TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

" PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

" TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

" TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

" TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Yang Berhormat Dr Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang).

„ Tuan Shahidan bin Kassim, a.m.p. (Arau).

„ Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching).

„ Cik Siti Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau).

„ Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas).

„ Tuan Taimin bin Lumaing (Pensiangan).

„ Datuk Daniel Tajem anak Miri, p.n.b.s., j.m.n. (Sri Aman).

„ Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi).

„ Dr Tan Seng Giaw (Kepong).

„ Tuan Thomas Salang Siden (Julau).

„ Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong).

„ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar).

„ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar).

„ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat).

„ Wan Omar bin Wan Majid (Pasir Puteh).

„ Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang).

„ Datuk Amar James Wong Kim Min (Bintulu).

„ Tuan Jason Wong Sing Nang (Lanang).

„ Tuan Wong Wing On (Kampar).

„ Tuan Woon See Chin, s.m.j., a.m.n., p.i.s. (Senai).

„ Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon (Tanjong Aru).

„ Tuan Geoffrey Yee Ling Fook (Tawau).

„ Tuan Yim Chee Chong (Seremban).

„ Tuan Philip Yong Chiew Lip (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Pemangku Ketua Penolong Setiausaha	:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 1hb November, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Cuti kepada Ahli — Kebenaran Y.B. Dr. V. David (Puchong)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961 saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dr. V. David, Ahli Parlimen bagi kawasan Puchong dari 17hb Oktober sehingga 20hb Disember, 1994.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

SKIM VENDOR — KEJAYAAN

1. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana kejayaan yang dicapai melalui Skim Vendor jikalau dibandingkan dengan objektifnya dan selain daripada Syarikat PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom yang menyertai skim tersebut dan Syarikat MAS, HICOM, KTMB dan SME Industri bagi Skim Vendor Fasa Kedua, sudahkah kerajaan mengenal pasti syarikat-syarikat lain untuk skim-skim berikutnya khasnya syarikat-syarikat milik PKN-PKN di peringkat negeri-negeri.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Jun tahun lalu Fasa Pertama Program Pembangunan Usahawan Melalui Perolehan Syarikat-syarikat Kerajaan yang dikenali juga sebagai Program Vendor telah dilaksanakan. Matlamat program ini adalah untuk melantik 30 usahawan bumiputera setiap tahun selama dua tahun sebagai pembuat dan pembekal produk barangan yang digunakan oleh tiga syarikat tersebut. Syarikat-syarikat ini ialah Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan PETRONAS.

Sehingga sekarang seramai 16 usahawan telah dilantik oleh tiga syarikat kerajaan berkenaan. Tenaga Nasional Berhad telah melantik 7 usahawan, Telekom 5 dan PETRONAS 4. Beberapa permohonan baru sedang dalam pertimbangan iaitu 4 oleh Tenaga Nasional Berhad dan 4 oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Anggaran nilai kerja untuk 16 usahawan yang telah dilantik ini ialah RM177.48 juta. Pembahagian mengikut syarikat ialah Tenaga Nasional Berhad RM50.4 juta, Syarikat Telekom Malaysia Berhad RM119.28 juta dan PETRONAS RM7.8 juta.

Rundingan sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan dengan 5 buah syarikat lagi iaitu MAS, KTMB, HICOM, SME dan Perwaja Steel untuk melancarkan Fasa Kedua Program Pembangunan Vendor ini.

Di samping Program Vendor, Kementerian Kewangan juga mengadakan program khas yang meliputi beberapa bidang. Setakat ini dua bidang telah dikenal pasti iaitu pembinaan loji janakuasa tenaga elektrik dan Projek Pembetungan Negara. Dalam bidang pembinaan loji janakuasa, sebuah syarikat bumiputera telah dilantik sebagai syarikat utama (anchor company) yang dipertanggungjawabkan untuk memilih dan melantik 39 usahawan kecil dan sederhana bumiputera untuk membekalkan komponen atau perkhidmatan kepada syarikat anchor. Seterusnya bagi Projek Pembetungan Negara, syarikat yang telah diberikan konsesi melaksanakan projek berkenaan sedang menyediakan pelan pelaksanaan program ini. Setakat ini Program Vendor yang dilancarkan oleh Kementerian Kewangan tidak melibatkan Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri iaitu selain daripada syarikat-syarikat milik kerajaan yang mengadakan skim vendor ini, adakah kerajaan juga memastikan syarikat-syarikat persendirian atau pelabur-pelabur luar telah mengadakan skim vendor ini. Dan berapa banyakkah syarikat-syarikat terutamanya bumiputera ini yang telah dapat menikmati daripada skim vendor yang dijalankan oleh syarikat-syarikat pelabur dari negara-negara asing.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah skim vendor ini juga kita buat ke seluruh negara kerana didapati setakat ini banyaknya di Lembah Kelang ataupun di ibu-ibu negeri, tetapi di kawasan-kawasan luar bandar macam di kawasan Yan, Kota Setar dan sebagainya tidak ada peluang dan kalau ada pun sangat sedikit. Ini juga sejajar dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu "satu kampung satu barang". Jadi saya minta kalau boleh Timbalan Menteri tolong jelaskan sedikit.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkaitan dengan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam Skim Pembangunan Vendor ini, Kementerian Kewangan terlibat dalam Skim Vendor ini yang berkaitan dengan syarikat-syarikat milik kerajaan. Tiga setakat ini dan lima dalam rundingan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Selain dari itu pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ada juga melaksanakan Program Pembangunan Vendornya walaupun ini melibatkan kesemua usahawan. Adalah difahamkan bahawa ada usahawan bumiputera yang terlibat dalam pemban
vendor diusahakan oleh Kemen
Perdagangan Antarabangsa dan Ir
(MITI) ini termasuklah syarikat-syarikat seperti Sony iaitu sebuah syarikat multinational. Proton juga terlibat dalam Program Pembangunan Vendor yang mana sekretariatnya terletak di MITI.

Berkaitan dengan soalan kedua, sama ada ada syarikat-syarikat yang di luar Lembah Kelan ng terlibat dalam Program Pembar n Vendor. Saya ingin memaklumkan amanya berkaitan dengan projek uk membina loji janakuasa tadi, a difahamkan bahawa Syarikat Projas merupakan anchor company mem melantik syarikat-syarikat di luar bah Kelang. Selain itu di Kedah se kita sedia maklum baru-baru ini pihak Perwaja Steel telah melancarkan projek membuat paku di beberapa kawasan di sekitar Gurun dan

di kawasan-kawasan lain di negeri Kedah. Jadi, memang menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan bahawa perkembangan sektor perindustrian ini dapat disebarkan ke seluruh negara dan memang telah pun dilaksanakan dengan jayanya di beberapa kawasan dalam negara kita.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu siapakah usahawan-usahawan yang mendapat manfaat daripada skim vendor ini. Kementerian Kewangan, MITI dan sebagainya mengiktiraf bahawa di antara badan bumiputera yang patut mendapat pengiktirafan ialah Dewan Perniagaan Melayu. Jadi mengapakah skim ini tidak pernah dibuat melalui Dewan sebaliknya dibuat melalui bumiputera-bumiputera yang saya mendapat maklumat bumiputera itu ialah kebanyakannya pekerja-pekerja daripada syarikat yang berkenaan. Adakah Skim Vendor ini adalah skim dari segi namanya bumiputera tetapi tidak disalurkan melalui badan yang menyelaraskan bumiputera.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, iaitu apakah boleh kita perluaskan definisi ataupun takrifan skim vendor ini sehingga melibatkan syarikat-syarikat subsidiaries bagi syarikat-syarikat yang telah diswastakan. Saya dengar tadi Yang Berhormat sebut, tidak ada satu pun syarikat yang telah diswastakan oleh pihak kerajaan yang terlibat dengan skim vendor ini. Saya rasa kerajaan telah menswastakan beratus-ratus agensi tetapi semua syarikat-syarikat ataupun subsidiaries companies yang ditubuhkan tidak diberi peluang kepada bumiputera, sebaliknya bumiputera yang dimaksudkan ialah di kalangan mereka dalam syarikat tersebut. Jadi, dengan itu saya berpendapat bahawa vendor ini sebenarnya lebih mendatangkan manfaat kepada bumiputera yang bekerja dengan syarikat yang berkenaan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal ini iaitu peringkat fasa pertama kita laksanakan skim vendor ini, kita hadkan kepada tiga buah syarikat yang telah dinyatakan tadi iaitu syarikat kerajaan. Memang menjadi hasrat kerajaan untuk memperluaskan skop penglibatan syarikat-syarikat lain termasuklah subsidiaries. Tujuan kita mengadakan skim ini antara lainnya ialah kerana kita hendak meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang industri berteknologi tinggi dan juga ia memperlihatkan betapa kita kurang puas hati dengan komitmen yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat ini terhadap pembangunan perusahaan bumiputera. Itu tujuan kita.

Oleh kerana itu menjadi matlamat kita, maka memang kita dalam fasa kedua dan seterusnya kita akan cuba memperluaskan skim ini kepada pihak-pihak lain termasuklah subsidiaries seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang layak untuk menyertai skim ini ada syarat-syaratnya. Antaranya modal minimum RM100,000; ekuiti dan pengurusan dikuasai sepenuhnya oleh bumiputera; pekerja-pekerja terdiri daripada bumiputera dan telah beroperasi dan pengeluaran sudah pun ada. Ini antara syarat-syarat yang dikenakan untuk memastikan bahawa yang terlibat ini adalah mereka yang benar-benar mampu untuk berkecimpung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim vendor ini diselaraskan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan memang tidak melalui Dewan Perniagaan Melayu Malaysia seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ahli dari Arau tadi. Pada kami ini merupakan cuma pendekatan, yang penting akhirnya bumiputera yang mendapat faedah dan setakat ini kementerian berpuas hati dengan komitmen dan penglibatan yang ditunjukkan oleh PUNB bagi menjayakan skim vendor ini.

SIFAT PENYAYANG TERHADAP IBU BAPA DAN ORANG TUA

2. Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan rancangan kementerian untuk menyemai sifat penyayang anak-anak terhadap ibu bapa mereka agar di tahun 2020 tidak ada lagi Rumah Orang Tua-tua diperlui di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang sedar tentang keperluan memupuk sifat penyayang di kalangan kanak-kanak dan golongan muda terhadap ibu bapa mereka dan orang tua untuk mengelakkan warga tua diabaikan dan terpaksa dimasukkan ke Rumah Orang Tua.

Dalam menangani perkara ini kementerian sedang dan akan melaksanakan berbagai program yang pada keseluruhannya bertujuan mencapai salah satu tujuan dasar kebajikan masyarakat negara iaitu mewujudkan masyarakat penyayang yang mengamalkan budaya ikram.

Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil termasuk perkara-perkara berikut:

(i) berusaha menimbulkan kesedaran dan mendidik orang ramai termasuk kanak-kanak dan golongan muda melalui ceramah, forum, seminar, bengkel dan sebagainya tentang pentingnya ikatan kekeluargaan dan fungsi keluarga sebagai institusi utama dalam memberi jagaan dan perlindungan yang sempurna kepada ibu bapa dan warga tua;

(ii) mengeluarkan bantuan kewangan kepada keluarga yang miskin untuk mengukuhkan keluarga tersebut dan mengelakkannya daripada berpecah-belah;

(iii) menyediakan khidmat kaunseling keluarga terutamanya kepada yang mengalami krisis keluarga;

(iv) menggalakkan pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk memberi khidmat kaunseling serta mengadakan pendidikan parenting, dengan izin, kepada ibu bapa dalam usaha meningkatkan teknik parenting di kalangan ibu bapa dan dengan itu dapat membimbing dan mendidik anak-anak mereka sebaik-baiknya agar dapat memupuk sifat penyayang serta menghormati orang tua;

(v) mewujudkan pusat-pusat aktiviti kanak-kanak di seluruh negara untuk membimbing dan mendidik kanak-kanak dan ibu bapa yang menghadapi krisis kekeluargaan ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan hidup;

(vi) mengisytiharkan hari-hari tertentu seperti Hari Keluarga Kebangsaan, Hari Kanak-kanak, Hari Warga Tua, Hari Wanita dan Hari Perpaduan dengan objektif-objektif tertentu ke arah mengukuhkan ikatan kekeluargaan dan mewujudkan keluarga bahagia serta sejahtera yang mengamalkan budaya ikram.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Setiausaha Parlimen tadi, saya ingin menanyakan soalan tambahan. Saya ingin tahu bahawa mengikut keadaan kita sekarang ini, dengan wujudnya sekolah-sekolah menengah, jadi anak-anak kita selepas sekolah rendah; setengah yang

bernasib baik akan ke sekolah menengah — sekolah asrama penuh. Daripada umur 13 tahun sampai 16 tahun berada di asrama penuh selepas itu daripada umur 17 tahun sampai umur 18 tahun di tingkatan atas. Pada umurnya 19 tahun kalau dia bernasib baik dapat Gred 1. Pada umurnya 19 tahun sampai 24 tahun dihantar ke seberang laut atau ke universiti.

Ini adalah jarak masa dia berpisah dengan ibu bapa. Apakah kementerian telah merancangkan supaya anak-anak ini dapat dirapatkan dengan ibu bapa sebab kita ada dua perkara, satu; kita hendak latih ibu bapa supaya sayangkan anak-anak dan lagi satu kita hendak latih anak-anak supaya sayangkan ibu bapa. Jadi, apakah tindakan kementerian?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita telah membangun dengan pesatnya dan sistem pendidikan kita pun memberikan rakyat dengan sepenuh peluang dan lagi pun kalau di sekolah atau di universiti mereka akan menerima ilmu pengetahuan dan semasa cuti sekolah kita menggalakkan mereka balik ke kampung ke pangkuan keluarga mereka masing-masing. Dari segi itu saya fikir itu adalah satu cara kita menangani masalah itu.

Tuan Abdul Malek bin Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sama ada kita dapat demi memantapkan pelaksanaan prinsip masyarakat penyayang ini supaya istilah "Masyarakat Penyayang" itu diganti dengan "Masyarakat Budiman". Sebab istilah "Masyarakat Budiman" itu merangkumi konsep kehidupan masyarakat yang lebih meluas, lengkap dan sempurna. Ia merangkumi erti masyarakat yang bijaksana, masyarakat yang bertanggungjawab dan masyarakat yang beriman. Saya kira ini dapat mengelakkan daripada tuduhan kita meniru cara barat iaitu "Caring Society".

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat itu. Istilah tadi dikatakan budaya masyarakat budiman. Saya fikir ini adalah serupa juga dengan masyarakat penyayang kerana telah pun ada di dalamnya semua aspek cita-cita itu. *(Ketawa)*

AKTA PENGAMBILAN TANAH — SALAH GUNA KUASA

3. Tuan Lim Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerian ada menerima sebarang memorandum atau pengaduan mengenai salah guna kuasa atau penyelewengan oleh pegawai-pegawai kerajaan dalam menjalankan Undang-undang Pengambilan Tanah (Land Acquisition Act). Jika ada, beri butir-butir berkenaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah (BPR) ada menerima beberapa maklumat yang mendakwa berlaku penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan yang berhubung kait dengan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960.

Oleh kerana Akta Pengambilan Tanah 1960 bukanlah "undang-undang yang ditetapkan" di bawah Akta Badan Pencegah Rasuah 1982, tumpuan BPR mengenai maklumat-maklumat ini ialah terhadap penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di bawah undang-undang yang ditetapkan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961 sahaja. Penyiasatan BPR terhadap kes-kes yang berasaskan maklumat-maklumat ini sedang dijalankan.

Justeru itu, sebarang pendedahan mengenai kes-kes ini tidak boleh dibuat kerana ianya akan hanya memprejudiskan penyiasatan BPR.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang Akta Pengambilan Tanah. Adakah satu garis panduan telah ditetapkan seperti mana yang dijanjikan dalam Dewan yang mulia ini oleh bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa pindaan ini dibenarkan pada tahun 1991 supaya untuk mengelakkan perjalanan penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan yang berlaku? Kalau tidak, mengapa ia tidak dilakukan sungguhpun dijanjikan oleh bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga pihak MCA?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalaulah tanah yang diambil alih oleh pihak kerajaan untuk sesuatu tujuan tetapi selepas itu tujuan ini tidak dilaksanakan, bukankah ini merupakan satu amalan rasuah penyelewengan yang harus dibanteraskan seperti mana yang berlaku di Melaka di mana ada banyak tanah diambil, beribu-ribu hektarlah? Di antaranya ialah di mana tanah diambil untuk rumah kos rendah tetapi apabila dijual kepada swasta untuk rumah kos rendah, mengapa rumah kos rendah tidak dibina? Sebaliknya, yang dibina ialah kondominium mewah untuk orang asing. Adakah beliau sedar ini berlaku di mana sebuah syarikat Pume Holding Sdn. Bhd. milikan Ahli EXCO Negeri Melaka, Dato' Ali Rustam dan pemimpin UMNO di negeri Melaka yang lain di mana tanah dijual dengan harga murah untuk dibina rumah kos rendah tetapi tidak bina rumah kos rendah? Sekian.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tentang garis panduan dan penyalahgunaan kuasa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya sudah sebutkan tadi bahawa sekarang ini dakwaan mengatakan, saya mempunyai pengalaman dalam bidang pengambilan tanah kerana pada masa dahulu saya bekerja di pejabat tanah. Saya jadi Penolong Pegawai Daerah dan saya tahu pengalaman saya, kalau sekiranya pegawai yang membicarakan tanah itu hendak dituduh menyeleweng, ia tidak akan berlaku. Sebabnya, perbicaraan tanah itu berlaku di hadapan tuan tanah berkenaan sama ada dia bersetuju atau tidak dengan harga tanah itu ditetapkan. Kalau tuan tanah itu tidak bersetuju, maka tuan tanah bolehlah membawa tuntutan ke mahkamah untuk mendapat ganjaran ataupun bayaran yang lebih tinggi. Jadi, itu masalah pampasan yang lebih tinggi, jadi soal yang mengatakan penyalahgunaan kuasa atau menyeleweng, tidak mungkin berlaku kerana persetujuan di antara kedua-dua pihak memang ada di hadapan mereka — tuan tanah dan pegawai yang ditetapkan untuk membicarakan kes pengambilan tanah.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat tidak faham soalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak jawab ini. Duduklah dulu.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan buang masa!

Tuan Othman bin Abdul: Duduk. Duduk dahulu. Duduklah. Apa Ketua Pembangkang sampai tak reti. Saya hendak jawab ini. Saya hendak mengatakan garis panduan itu ditetapkan harga pembelian tanah, misalnya garis panduan yang ditetapkan, berapa jumlah harga tanah kawasan berkenaan.

Tuan Lim Guan Eng: Garis panduan pun harga tak sama.

Tuan Othman bin Abdul: Tidak! Garis panduan sudah ada dalam Akta Pengambilan Tanah. Garis panduan telah

ada. Garis panduan bermakna penetapan harga tanah. Garis panduan itu berasaskan kepada Akta Pengambilan Tanah yang ada.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, pindaan semasa Encik Abdul Ghafar Baba membentangkan Akta Pengambilan Tanah.

Tuan Othman bin Abdul: Saya sebutkan bahawa Akta Pengambilan Tanah itu adalah sebagai panduan yang khusus dijalankan. *(Disampuk)* Tidak timbul. Soal tidak faham. Bermakna kata garis panduan yang kita jelaskan, Akta Pengambilan Tanah sudah putus. Semua orang tahu Akta Pengambilan Tanah, Tuan Yang di-Pertua. Cuma hendak memahamkan. Saya hendak sebutkan ini sebab soalan penyelewengan oleh pegawai. Saya hendak jawab soal penyelewengan ialah penyelewengan oleh pegawai. Saya mengatakan bahawa penyelewengan itu tidak berlaku. Itu jawapan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Ini untuk mengelakkan penyelewengan. Itu sebab Encik Abdul Ghafar Baba kata ada satu garis panduan.

Tuan Othman bin Abdul: Dia tidak mungkin. Saya telah beri pengalaman ini, mungkin tidak berlaku. *(Disampuk)* Saya hendak mengatakan bahawa garis panduan itu ialah Undang-undang Pengambilan Tanah yang sedia ada. Itu undang-undang yang mesti digunakan oleh Pemungut Hasil Tanah ataupun pegawai pengambilan tanah ini yang mesti dipakai. Di mana-mana negeri pun, inilah soalan, ataupun undang-undang yang dipakai. Hendak gunakan garis panduan mana lagi yang ada, kerana ini mesti dipakai dan mesti dituruti oleh pegawai-pegawai yang membuat perbicaraan pengambilan tanah.

Yang keduanya, memang betul bahawa pengambilan tanah itu khusus untuk tujuan tertentu. Ini memang satu asas yang boleh dikatakan dipakai oleh kerajaan bahawa kalau hendak mengambil buat projek itu, memang ini diambil. Jadi, kalau Yang Berhormat mempunyai maklumat yang khusus, saya telah mengatakan kalau sekiranya dakwaan Yang Berhormat itu ada asas, pihak BPR akan menyiasat kalau sekiranya ada kes-kes begini, silalah buat laporan terus kepada BPR untuk disiasat kalau pun melibatkan pemimpin UMNO di mana-mana negeri sekali pun.

Tuan Lim Guan Eng: BPR cakap tidak ada kes.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apabila Rang Undang-undang (Pindaan) kepada Akta Pengambilan Tanah dikemukakan, banyak kalangan khuatir bahawa boleh berlaku penyalah-gunaan kuasa dan masa itu, bekas Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar Baba, ada memberi satu jaminan yang khusus bahawa ada satu garis panduan (guideline) khas, akibat daripada pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah untuk semua Kerajaan-kerajaan Negeri supaya tidak berlaku penyelewengan. Adakah Yang Berhormat sekarang kata bahawa tidak ada guideline itu, bahawa apa yang dikatakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri itu ialah bohong, tidak benar. Guideline sahaja, bukan sahaja janji kosong, sebenarnya bohong sahaja. Bohong belaka. *(Tepuk)* Tidak ada guideline khas pada masa itu yang ditetapkan supaya tidak berlaku penyelewengan? Yang pertama.

Oleh kerana Yang Berhormat telah mengatakan tidak ada guideline selain daripada guideline yang ada di bawah pentadbirannya iaitu semasa beliau menjadi ADO sudah dipakai. Kalau begitu, apa yang bekas Timbalan Perdana Menteri kata ialah bukan sahaja janji kosong tetapi bohong sahaja.

Yang kedua, bolehkah oleh kerana rungutan yang begitu ketara, yang berleluasa mengenai pengambilan tanah, khasnya selepas pindaan kepada Land Acquisition Act, bolehkah satu kajian dibuat di mana pindaan-pindaan boleh dikemukakan untuk memperuntukkan bahawa pampasan berbeza harus diberi untuk kategori-kategori di mana pengambilan ialah untuk public purpose baik pun untuk hospital atau pembinaan hospital sekolah-sekolah yang lain, satu kategori dan satu kategori yang lain ialah lebih tinggi di mana pengambilan ialah untuk tujuan akhirnya akan memberi faedah kepada pihak swasta ialah pembangunan pihak swasta, bahawa ada dua kategori pampasan di mana public purpose, satu kategori yang sekarang ada tetapi yang kedua, untuk commercial purpose, untuk pembangunan pihak swasta tidak faham. *(Diganggu)* Diam-diam. Ini perkara orang ramai. Rungutan Ahli Parlimen tidak indah. Bohsia sahaja. Apa bohsia Ahli Parlimen. *(Tepuk)* Bolehkah kita ada dua kategori pampasan dalam perkara ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan bahawa soalan yang asal bertanya mengenai salah guna kuasa oleh pegawai-pegawai kerajaan. Itu soalan pertama yang harus difaham.

Saya hendak menyatakan pegawai kerajaan mustahil melakukan penyelewengan di masa pengambilan dibuat. Saya faham bahawa persoalan dari Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendak menyatakan bahawa penyelewengan mungkin berlaku dan mendakwa bahawa kerajaan akan mengambil tanah rakyat dengan sewenang-wenangnya. Jaminan adalah diberikan dan kerajaan memikirkan kepentingan umum barulah satu keping tanah itu diambil, kerana kita hendak gunakan untuk kepentingan awam. Kita hendak menjanjikan bahawa kita tidaklah begitu rakus untuk merompak tanah rakyat dengan sewenang-wenangnya. Jadi, seperti yang saya hendak sebutkan ini, saya rasakan bahawa cadangan yang kedua itu berasas.

Yang Berhormat, saya hendak menyatakan kalau kita hendak mengatakan dua kategori. Kalau kita perlukan sekeping tanah itu untuk pembangunan, misalnya kita hendak bangunkan Kampung Baru, Kuala Lumpur. Keperluan hendak bangunkan adakah kita hendak biarkan masyarakat Melayu begitu rendah kedudukannya? Jadi, kita terpaksa mengambil tanah itu, walaupun untuk tujuan yang lebih baik, harganya lebih meningkat, insya-Allah kerajaan akan menimbangkan. Sekarang ini kerajaan sedang menimbangkan dan harga tanah itu memang tinggi. Ini adalah persoalan yang sedang kita hadapi sekarang, bahawa kita memang boleh meletakkan kategori pertama. Itu saya bersetuju dengan cadangan bahawa kita melihat soal ini, soal 'public purposes' dan untuk penggunaan yang hanya tertentu seperti pembangunan wilayah Kampung Baru, Kuala Lumpur. Itu memang sedang dikaji kedudukannya, bagaimana cara hendak membayarnya. Itu saya rasakan ada asasnya. Tetapi saya hendak mengulangi jawapan saya, hendak mengatakan pegawai kerajaan 'untuk menyeleweng', saya rasa tidak ada tempat, tidak ada masa, tidak ada ruang untuk mereka lakukan, kerana mereka ini hanya melaksanakan proses pengambilan dan membicarakan proses pengambilan — itu sahaja.

Seorang Ahli: Faham!

KEMALANGAN JALAN RAYA — LANGKAH MENGURANGKAN

4. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan kadar bilangan kemalangan yang berlaku di jalan raya di Malaysia sangat

tinggi, apakah rancangan-rancangan telah disusun oleh Kementerian beliau untuk mengurangkan bilangan kemalangan di jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan yang disusun oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya termasuklah:

(i) memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Memandu pada 1.2.1991 dengan tujuan mewujudkan pemandu-pemandu yang lebih berhemat.

(ii) melaksanakan peraturan-peraturan seperti menghadkan jumlah penumpang dan kelajuan van-van dan mewajibkan lampu motosikal dipasang pada siang hari.

(iii) menerapkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan murid-murid sekolah melalui pendidikan Ko-kurikulum, penubuhan Kelab-kelab Keselamatan Jalan Raya dan Pasukan Unit Trafik Sekolah.

(iv) memperhebatkan penguatkuasaan undang-undang lalu-lintas oleh agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

(v) memberi kursus, ceramah dan latihan kemahiran pemandu kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan berat iaitu Kursus Pemanduan Berhemat.

(vi) menganjurkan seminar, bengkel, simposium dan membincangkan cara-cara meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan menjalankan kempen-kempen kesedaran mengenai keselamatan jalan raya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha untuk mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya di seluruh negara, salah satu cara yang berkesan ialah dengan menafikan pemandu-pemandu merbahaya dan mereka yang sering melakukan kesalahan jalan raya daripada berada di atas jalan raya. Dalam hubungan ini pihak kementerian telah melancarkan satu 'Program Kejara'.

Satu masa dahulu dan saya telah bangkitkan dalam Parlimen ini banyak kali, bahawa 'Program Kejara' yang dibuat oleh pihak kementerian itu tidak berkesan, di mana tidak ada kordinasi di antara pihak JPJ dengan pihak mahkamah, pihak polis dan sebagainya. Sejauh mana satu sistem kajian semula telah dibuat untuk memberi kesan yang lebih supaya pemandu-pemandu yang merbahaya dan mereka yang sering melakukan kesalahan di atas jalan raya ini dinafikan hak mereka daripada berada di atas jalan raya, kerana inilah penyebab besar daripada sebilangan besar, daripada jumlah kemalangan yang sedang berlaku sekarang?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak apa Yang Berhormat kata itu adalah benar iaitu keberkesanannya tidaklah seperti yang kita harapkan sehingga 100%, disebabkan kesukaran untuk menentukan bahawa mereka ini tidak dapat dihalang dan sebagainya apabila hendak membaharui lesen memandu. Tetapi dengan adanya pengkomputeran, sistem komputer di seluruh negara dan apabila lengkap sistem komputer ini pada akhir tahun 1994 ini, insya-Allah akan dapat kita jalankan dengan berkesan.

Setakat ini kita telah pun menggantung 290 buah lesen memandu selama 3 bulan dan kita harap ianya akan dapat dipertingkatkan lagi dan saya harap Yang Berhormat jangan terkena pula ya!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri.

Yang pertama, pada satu ketika dahulu, laporan diterima mengatakan iaitu negara seperti Peranchis, Itali dan Jepun mempunyai dasar dan latar belakang yang tinggi di segi masalah kemalangan jalan raya.

Pada masa ini, negara-negara ini telah dapat menurunkan angka kemalangan jalan raya di negara mereka. Jadi, soalan saya adakah kementerian membuat satu kajian bagaimanakah negara-negara ini menurunkan kemalangan di jalan raya di negara mereka. Soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, kalau kita pandang pada masa sekarang banyak kereta-kereta komersil terlibat dalam kemalangan. Soalan saya sejauh manakah pihak majikan dan tuan punya kereta itu dipertanggungjawabkan di atas kecuaian dan keganasan pihak pemandu-pemandu yang mereka gajikan untuk memandu kereta di jalan raya?

Datin Paduka Hajah Zaleha bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lakukan, seperti yang saya telah sebutkan tadi itu, ada di antaranya memang dilakukan oleh banyak negara di dalam dunia ini. Kita juga menghantar pasukan-pasukan untuk membuat kajian cara-cara bagaimana negara-negara lain melaksanakan kempen-kempen dan dapat menurunkan kadar kematian dan kemalangan jalan raya ini. Namun begitu, kita tahu bahawa punca utama kemalangan jalan raya ialah kecuaian manusia, dan manusia ini agak sukar untuk kita latih supaya mereka itu patuh kepada peraturan-peraturan lalu-lintas. Sebahagian besar daripadanya bergantung kepada pengguna-pengguna jalan raya itu sendiri. Ini sudah tentu akan memakan masa.

Mengenai pemandu-pemandu kenderaan awam, telah saya sebutkan tadi, kita mengadakan kursus-kursus untuk mereka dari semasa ke semasa dan yang mana didapati membuat kesalahan-kesalahan yang ada dalam peruntukan dalam Akta Pengangkutan Jalan, mereka diambil tindakan dan ada di antaranya dibawa ke mahkamah.

Kalau Yang Berhormat rasakan bahawa denda-denda atau hukuman-hukuman itu kurang berat, bolehlah dicadangkan supaya Akta Pengangkutan Jalan dipinda dengan hukuman-hukuman yang lebih berat. Namun begitu, kita mendapati hasil daripada apa yang kita lakukan, kadar kemalangan bagi setiap 10,000 kenderaan telah dapat kita turunkan daripada tahun 1992 berbanding dengan tahun 1993 iaitu pada tahun 1992 kadar kematian setiap 10,000 kenderaan ialah 7.2%.

Pada tahun 1993 – 6.95% — adalah sedikit cuma saya masih mengharapkan bahawa semua pengguna-pengguna jalan raya masing-masing mempunyai peranan yang penting. Kalau mereka berdisiplin di jalan raya, mereka berhemat dan bertanggungjawab kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain, insya-Allah kita dapat mengurangkannya.

JENAYAH DI KELANTAN — SEBAB PENURUNAN KADAR

5. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) apakah sebabnya kadar jenayah di negeri Kelantan menurun dengan begitu baik iaitu diramal oleh Ketua Polis Negeri Kelantan dalam lingkungan 15% sedangkan kadar jenayah di negeri Terengganu dilaporkan terus meningkat; dan

(*b*) apakah pihak kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji kaitan punca-punca maksiat dengan pertambahan kadar jenayah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) kadar jenayah di negeri Kelantan telah mencatatkan kadar penurunan kerana tindakan bersepadu yang telah dijalankan oleh pihak polis dan antara tindakannya ialah:

(i) Operasi 'Ops Berkas' yang dijalankan di tempat-tempat sasaran utama dan menangkap penagih-penagih dadah yang disyaki terlibat dengan jenayah harta-benda.

(ii) menjalankan operasi 'Ops Roda' bagi mencegah kejadian curi kenderaan.

(iii) memperhebatkan operasi 'Ops Kunci' bagi mencegah kejadian pecah rumah dan mengesan penjenayah tersebut.

(iv) mengadakan dialog dengan pihak sekolah dan badan-badan tertentu bagi memberikan kesedaran kepada golongan remaja dan juvana.

Peningkatan kadar jenayah di Terengganu disebabkan kesedaran daripada penduduk-penduduk yang telah melaporkan kes-kes kecurian kecil seperti getah buku, ternakan dan hasil tanaman serta berlakunya pertambahan kecurian kecil yang dilakukan oleh penagih dadah dan juvana.

(*b*) Kerajaan sedar bahawa maksiat mempunyai kaitan dengan kejadian jenayah tetapi ianya bukanlah punca utama peningkatan kadar jenayah. Walau bagaimanapun kerajaan sentiasa berusaha untuk menangani masalah jenayah ini dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang berfaedah dan membuat serbuan serta pemeriksaan dari semasa ke semasa di tempat-tempat yang dipercayai ada kaitan dengan kegiatan maksiat.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada berniat politik yang jahat iaitu untuk membandingkan di antara kadar jenayah di Kelantan dengan Terengganu. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada atau tidak kaitan kejadian jenayah dengan parti politik yang memerintah sesuatu negeri? Daripada jawapan tadi, tidak ada, tetapi takut-takut kalau ada. *(Ketawa)* Bagaimanakah tafsiran kejadian jenayah kecil dengan yang besar itu apa bezanya?

Kedua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa kejadian jenayah di Terengganu kalau pun meningkat, ianya meningkat kerana ramai penghijrah-penghijrah luar dari Terengganu datang mencari rezeki di Terengganu *(Ketawa)* sebab . . . . . *(Disampuk)* Nanti dahulu! Sebab negeri Terengganu Kerajaan Barisan Nasional pandai mencari peluang pekerjaan untuk rakyat dan ramai orang luar dari Terengganu, terutama dari Kelantan datang mencari rezeki.

Saya juga ingin bertanya sama ada beliau sedar bahawa dalam dua kejadian rogol anak dan anak tiri yang baru-baru ini dilaporkan dalam kawasan saya di Hulu Terengganu adalah dilakukan oleh orang-orang yang berasal daripada negeri Kelantan. *(Ketawa)* Kedua-dua bapa yang merogol anak dan anak tiri ini dikenal pasti sebagai penyokong sebuah parti bukan parti Barisan Nasional. *(Ketawa)*

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang nampaknya yang ditujukan soalan asal tadi itu adalah berniat politik di mana ianya semata-mata ingin hendak men'discredit'kan negeri Terengganu seolah-oleh Kerajaan negeri Terengganu tidak begitu mahir dan cekap seperti Kelantan. Tetapi saya ingin memperbetulkan fakta ataupun menjelaskan supaya satu tanggapan yang salah itu tidak timbul.

Sebenarnya kadar jenayah ataupun prestasi keselamatan di mana-mana satu negeri kalau ada naik ataupun turun itu adalah prestasi polis, bukan prestasi mana-mana parti politik. Dan selama ini pasukan polis di Malaysia dianggap baik. Sejak merdeka sampai ke hari polis adalah bekerjasama secara profesional di bawah pemimpinan pemerintahan Kerajaan Perikatan sampai ke Barisan Nasional. Mengapa prestasi ini tidak dikaitkan dengan prestasi kerajaan hari ini?

Saya juga ingin menyebutkan tafsiran jenayah kecil yang besar ini. Yang kecil ialah kecurian kecil seperti yang telah saya terangkan tadi iaitu kecurian harta-benda yang kecil-kecil yang bukan begitu mahal ataupun jenayah tidak keras. Kalau jenayah yang besar kita anggap jenayah kekerasan seperti rogol, bunuh dan macam-macam lagi dan negeri Terengganu ini angkanya naik bukannya kerana jenayah kekerasan tetapi kecurian yang kecil-kecil itu kita masukkan sekali. Kalau hendak tengok prestasi negeri-negeri yang lain, memang terdapat negeri-negeri yang lain yang prestasinya dari segi kadar jenayahnya baik, seperti Pahang, Kedah dan sebagainya. Kita tidak boleh tengok Kelantan khasnya satu negeri sahaja dan jangan pula nanti apabila jenayah naik di Kelantan, dia kata pula polis tidak buat kerja. *(Ketawa)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana tidak mengira parti politik dan siapa sahaja yang melakukan jenayah diambil tindakan. Polis Kelantan dikatakan begitu cekap sehingga bertindak dapat menurunkan kadar jenayah. Kalau kita menafikan kadar ini bermakna kita menafikan kerja polis. Kenapa polis di negeri Terengganu tidak dapat bertindak sedemikian rupa seperti di Kelantan? Adakah halangan daripada pemimpin-pemimpin politik untuk bertindak demikian, *(Tepuk)* terutamanya orang di Pejabat Setiausaha Menteri Besar yang terlibat dalam kes khalwat tidak didakwa hingga ke hari ini dan orang besar UMNO di Terengganu yang terlibat dengan kes rogol tidak didakwa. Adakah polis dihalang daripada menjalankan tugas di Terengganu menyebabkan jenayah semakin meningkat sedangkan jenayah di Kelantan menurun? *(Tepuk)*

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau polis di Terengganu dihalang daripada mengambil tindakan, saya rasa hari ini kadar jenayah di Terengganu adalah paling rendah, kosong mungkin, sebab tiada tindakan. *(Ketawa)* Pada hal kadar jenayah naik begitu tinggi. Ini adalah disebabkan banyak tangkapan oleh polis yang tidak mengira sama ada jenayah itu besar, kecil, kecurian semuanya ditangkap. *(Tepuk)* Saya rasa tidak payah buat dakwaan liar mengatakan orang besar merogol dan sebagainya. Itu semuanya tidak berasas sebab polis tetap mengambil tindakan dengan tidak mengira siapa mereka.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya bertanya kepada Yang Berhormat, di dalam kenyataan Ketua Polis Negeri Kelantan, beliau ada menyatakan bahawa peningkatan kadar jenayah ada di negeri Kelantan tetapi di dua jajahan, iaitu di kawasan bersempadanan dengan negeri Terengganu dan negeri Pahang. Apakah sebabnya?

Tuan Ong Ka Ting: Saya rasa tidak ada sebab-sebab yang istimewa, cuma kalau kebetulan orang di daerah itu pada masa dan bulan-bulan itu telah melakukan jenayah yang lebih daripada daerah lain, maka statistik memang naik macam itu. Begitu juga penurunan kadar jenayah ini bukan sahaja terdapat di Kelantan bahkan di seluruh negara. Pada hal pada masa yang ditanya oleh Yang Berhormat itu kadar jenayah di seluruh Malaysia telah menurun, bukan di Kelantan sahaja.

PROGRAM PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADP) — PUNCA KELEMBAPAN

6. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pertanian menyatakan:

(*a*) adakah Kementerian berpuas hati dengan prestasi dan kemajuan yang dicapai oleh industri pertanian dan perikanan negara. Adakah dasar dan dinamisme sekarang mencukupi kalau tidak apakah langkah untuk memperbaikinya.

(*b*) apakah punca dan sebab kelembapan pelaksanaan skim IADP di seluruh kawasan negeri Sarawak. Adakah kerajaan merancangkan skim corak lain yang lebih berkesan, kalau ada, apakah coraknya; dan

(*c*) bilakah IADP Kalaka diperluaskan ke kawasan persisiran Kuala Saribas dan bilakah IADP Sebuyau/Bajung dimula pelaksanaannya. Kalau tiada mengapa?

Timbalan Menteri Pertanian (Dr. T. Marimuthu): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini:

(*a*) Kementerian berpuas hati dengan prestasi dan kemajuan yang dicapai oleh industri pertanian dan perikanan pada masa ini. Dasar dan strategi yang terkandung di dalam Dasar Pertanian Negara serta dasar-dasar lain adalah memadai untuk memberi arah haluan dalam pembangunan sektor pertanian.

(*b*) Kementerian juga berpuas hati dengan pelaksanaan skim IADP di negeri Sarawak iaitu IADP Sungai Samarahan dan IADP Kalaka–Saribas. Pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan pembangunan pertanian dapat dilaksanakan mengikut perancangan walaupun menghadapi masalah-masalah seperti pengambilan balik tanah, gangguan cuaca dan prestasi kontraktor.

(*c*) IADP Kalaka–Saribas Fasa Kedua yang akan meliputi kawasan hilir Kuala Saribas masih lagi dalam kajian dan sekiranya didapati berdaya maju dari segi ekonomi dan teknikal ianya akan dimasukkan sebagai salah satu projek Rancangan Malaysia Ketujuh. Sementara itu, pembangunan kawasan Sebagan–Bajung yang meliputi kawasan Sebuyau adalah di dalam kajian Kerajaan Negeri Sarawak.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan yang pertama, di dalam melaksanakan projek IADP, sebanyak manakah soal kemudahan sosial diambil kira dalam melaksanakan selain daripada mengambil kira soal ekonomi?

Kedua, sebagaimana Yang Berhormat telah menjawab tadi iaitu projek IADP Kalaka–Saribas akan diperluaskan persisiran hulu sungai Saribas, iaitu sebahagian daripada kawasan Batang Lupar. Apakah 'time-frame' dan jangka masa

supaya projek ini diturunkan dan benarkah peruntukan pinjaman daripada Asian Development Bank telah didapati untuk projek tersebut?

Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian melaksanakan projek IADP, kita dahulunya membuat satu kajian kemungkinan, iaitu satu feasibility study, di mana kita memberi keutamaan kepada segi ekonomi, tetapi juga atas implikasi ataupun impact atas perkembangan sosial.

Untuk menjawab soalan (*b*) iaitu projek saliran Sebagan/Bajung adalah dalam kajian, dan jika kita mendapat peruntukan daripada Rancangan Malaysia Ketujuh, projek ini akan dilaksanakan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar Kerajaan Persekutuan apabila melaksanakan projek IADP negeri Sarawak itu tentang pengambilan tanah penduduk-penduduk kampung tempatan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Apakah dasarnya dari segi hakmilik tanah mereka, khasnya hakmilik dari segi NCR ataupun 'native customary right land'. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya dibangkitkan sebab sudah berlaku satu kes di Samarahan yang mana beratus-ratus ekar tanah Melayu dari Kampung Gembira diambil oleh projek IADP itu tanpa hakmilik mereka diakui sama sekali sehingga mereka tidak dapat apa-apa hak untuk menuntut pampasan ataupun sagu hati, seolah-olah mereka tidak ada hak milik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyampaikan soalan ini memandangkan bahawa Land Code di negeri Sarawak adalah unik. Di negeri Sarawak sahaja 1.5 juta hektar tanah di bawah hakmilik NCR itu. Jadi, apabila projek IADP dilaksanakan, sama ada di Samarahan ataupun di Kalaka/Saribas selalunya ada pelanggaran ataupun konflik timbul akibat daripada pegawai-pegawai yang melaksanakan projek itu dengan sikap mereka kurang sensitif kepada perasaan bumiputera pada tanah di negeri Sarawak itu. Jadi, apakah dasarnya, adakah selalunya pihak kerajaan sanggup merundingkan perkara ini dengan wakil-wakil dari kampung supaya membincangkan isu pampasan ataupun sagu hati atau tanah ganti ataupun hak mereka di bawah NCR diketepikan sama sekali?

Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan bahawa apabila suatu projek IADP dilaksanakan, kita memberi perhatian kepada semua masalah-masalah yang dihadapi dalam kawasan itu, termasuk mengenai masalah native customary rights. Saya telah melawat kedua-dua projek IADP, iaitu Samarahan dan juga Kalaka/Saribas, dan saya dapati bahawa mereka tidak mengalami apa-apa masalah mengenai native customary rights. Jika ada apa-apa masalah mengenai perkara ini, pegawai-pegawai akan menyelesaikan masalah itu di kawasan itu dan juga dalam projek IADP Kalaka/Saribas. Ini terpulang kepada pemilik-pemilik tanah itu, dan jika mereka tidak mahu melibatkan diri dalam projek IADP, kita tidak memberi tekanan kepada mereka.

Untuk menjawab soalan mengenai keengganan, kita harus memberi perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani itu ataupun pemilik-pemilik tanah itu dan kita mencari jalan untuk menyelesaikan masalah.

SISTEM DEMERIT — KESAN NEGATIF

7. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(*a*) adakah pihak Kementerian sedar bahawa "Sistem Demerit" yang kini banyak diamalkan di sekolah-

sekolah di seluruh negara lebih banyak mendatangkan kesan negatif daripada positif kepada para pelajar;

(*b*) apakah kebaikan dalam konteks disiplin jika sistem ini dianggap banyak mendatangkan faedah; dan

(*c*) adakah sistem ini bercanggah dengan hasrat kerajaan hendak menjadikan sekolah itu sebagai institusi penyayang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(*a*) Kementerian Pendidikan tidak bersetuju dengan pendapat yang menyatakan "Sistem Demerit" lebih banyak kesan negatif. Sistem ini yang diamalkan di setengah-setengah sekolah merupakan suatu pendekatan ke arah kecemerlangan pelajar dalam semua aspek. Ia bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar jika melakukan sesuatu yang negatif. Pengurangan markah akan dilakukan apabila pelajar melakukan kesalahan. Ini adalah untuk menyedarkan pelajar supaya sentiasa berdisiplin.

(*b*) Di antara kebaikan sistem ini ialah untuk membolehkan pelajar membina disiplin kembiri tanpa sebarang paksaan. Pelajar juga akan faham implikasinya jika tidak berdisiplin, dan dengan itu akan sentiasa berhati-hati dan berwaspada untuk tidak melibatkan diri dengan gejala-gejala negatif. Selain daripada itu, sistem ini juga dapat melahirkan pelajar yang dapat menjaga imej dirinya.

(*c*) Sistem ini tidak bercanggah dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan sekolah sebagai institusi penyayang. Ini juga membuktikan bahawa pihak sekolah amat prihatin dan sayang kepada pelajar. Ini bersesuaian dengan peranan sekolah yang bertanggungjawab untuk memupuk nilai-nilai murni di kalangan pelajar.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, iaitu menyentuh tentang disiplin dan prestasi murid-murid sekolah, adakah Kementerian sedar bahawa masalah disiplin di kalangan murid-murid sekolah di setengah kawasan telah menjadi bertambah-tambah serius. Di Petaling Jaya umpamanya kita pernah melihat kumpulan 10 murid-murid membuli seorang murid. Ini berlaku di belakang seorang polis yang menjaga lalu lintas, dan tidak ada apa tindakan dibuat.

Yang keduanya mengenai prestasi murid-murid, saya hendak bertanya sama ada kemungkinan kita laksanakan program seperti di Singapura tidak ada masalah keciciran. Apa yang diadakan ialah masalah murid-murid yang dianggap "slow learners", jadi masalah keciciran tidak timbul di Singapura. Saya kira ini cukup berkesan untuk meluaskan pendidikan di kalangan generasi kini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedar bahawa memang atas pengaruh-pengaruh era moden ini, memang ada pelajar-pelajar kita menghadapi cabaran-cabaran yang baru, khususnya di tempat-tempat yang menghadapi pembangunan yang pesat. Mereka memang dibawa ke satu era yang lain daripada era yang lama. Jadi, untuk menghadapi masalah-masalah baru ini, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji cara-cara baru yang kita boleh menggunakan iaitu cara-cara yang di mana kita memberi lebih perhatian dan lebih usaha bimbingan supaya pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tersebut bolehlah diberi bimbingan untuk mem-

bolehkan mereka menghadapi cabaran yang baru. Di sini kita merayu kepada pihak keluarga supaya bekerjasama dengan pihak sekolah supaya bersama-sama kita boleh mengatasi masalah tersebut.

Tentang masalah-masalah 'drop-outs', keciciran dan sebagainya, memang adalah hasrat Kementerian Pendidikan supaya kita tidak ada gejala drop-outs. Tujuan 'zero defect' itu ialah untuk mencapai matlamat tersebut. Di sini memang Kementerian Pendidikan ada sekolah-sekolah tertentu, khususnya sekolah-sekolah khas, di mana kita memberi perhatian atas "slow learners" dan atas pelajar-pelajar yang mempunyai kelemahan dari segi semua aspek. Di sini kita juga perlu kerjasama dari pihak keluarga supaya bersama-sama kita boleh mengatasi segala masalah, khususnya dari segi masalah drop-outs yang dihadapi oleh sebilangan kecil yang dianggap sebagai "slow learners".

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan dan mengharapkan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Soalan tambahan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalannya begini, zaman dulu guru-guru ini bila anak murid dengan guru dia cukup saling hormat menghormati di antara satu sama lain hinggakan sekarang kalau kita berjumpa dengan guru kita yang dulu kita hormati dia, kalau kita hisap rokok pun kita buang rokok — kita menghormati dia. Tetapi, hari ini anak murid dengan guru ini begitu renggang sekali.

Jadi, boleh atau tidak Kementerian Pendidikan memberi kursus bukan sahaja kepada penuntut-penuntut ini tetapi juga kepada guru-guru terutama sekali semasa cuti sekolah ini supaya guru-guru ini mempunyai satu sikap penyayang. Sekarang konsep sekolah penyayang ini, jadi guru ini mempunyai satu sikap penyayang dan mungkinkah Sistem SSB ini juga membuatkan guru-guru ini dia buat tak kisah — tak apalah, makan gaji sudahlah. Sedangkan guru-guru dulu dia ambil berat, kalau anak itu tidak pergi sekolah, dia akan pergi berjumpa keluarga dan bertanya khabar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, adakah Kementerian Pendidikan memberi peruntukan kepada PIBG-PIBG sekolah-sekolah supaya peruntukan ini atau khidmat nasihat ini akan dapat kita mempertingkatkan lagi sikap penyayang di antara ibu bapa dengan anak itu sendiri bersama dengan guru di sekolah. Kerana penyayang ini dia bermula dari rumah, kita sayang kepada anak kita, kita sayangkan isteri kita, kita sayangkan ibu bapa kita. Saya ingat sikap penyayang ini akan dapat kita tekankan lebih banyak lagi kalau kita mempertingkatkan pengajian agama di sekolah-sekolah terutama sekali di peringkat TADIKA di mana anak-anak itu memasuki sekolah. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya?

Beberapa Ahli: Bersetuju!

Dato' Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai ini. Pertama, dari segi penghormatan kepada guru-guru, memang saya bersetuju pada zaman dahulu, guru dianggap sebagai seorang yang terhormat sekali di sebuah kampung atau sebuah kampung baru dan sebagainya tetapi atas perubahan zaman ini, kita

dapati bahawa bukan sahaja di kalangan sekolah tetapi juga di kalangan keluarga ada berbeza. Dahulu kita menganggap bapa dan emak kita sebagai orang yang kita tak boleh campuri urusannya, sekarang kita sendiri dengan anak kita sebagai kawan-kawan sahaja, ini merupakan perbezaan era yang baru ini dan dengan itu kita memerlukan strategi yang baru.

Kementerian Pendidikan memang sedar tentang cabaran itu dan kita sekarang menggunakan, dengan izin, a mixture of strategies, yang melibatkan fikiran-fikiran lama dan juga fikiran-fikiran baru di mana bersama-sama kita bolehlah menambat hati pelajar-pelajar kita supaya mereka bukan sahaja akan menghormati guru tetapi menganggap mereka sebagai seorang tua dan juga seorang rakan yang boleh memberi bimbingan kepada mereka dan membawa mereka ke satu era yang lebih makmur.

Tentang penglibatan guru-guru dengan keluarga-keluarga supaya bersama-sama kita boleh lebih memahami tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar, memang itulah satu strategi yang kita gunakan. Di sini kita selalu merayu kepada cikgu-cikgu supaya selalulah lebih memahami tentang latar belakang anak-anak kita dan berilah lebih perhatian ke atas masalah yang mereka hadapi dari segi sosial dan sebagainya. Di sini memang kita akan terima dengan baik cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kita memberi lebih perhatian tentang ajaran agama di sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 33 adalah dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

> "Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Bilion, Empat Ratus Dua Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau 'P' dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". *(31hb Oktober, 1994)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Marang diminta sambung.

3.37 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menerangkan betapa perlunya pembangunan insan dilaksanakan dengan cara yang tepat kerana ia menjadi suatu tunggak yang penting bagi pembangunan negara dalam segala aspeknya.

Kerajaan perlu menangani gejala-gejala yang tidak sihat yang berlaku dalam negara kita di semua peringkat yang menjejaskan pembangunan insan itu yang melibatkan keruntuhan akhlak, yang melibatkan perkara-perkara jenayah dan lain-lain. Bagi menangani perkara ini, pelaksanaannya hendaklah merangkumi segala aspek dengan cara yang menyeluruh bermula daripada rumah tangga sehinggalah masyarakat, bermula daripada sistem pendidikan dan. pelaksanaannya sehinggalah undang-undang dan penguatkuasaannya.

Berhubung dengan pendidikan, sistem pendidikan yang diamalkan dalam negara ini kelihatannya masih gagal dan tidak mencapai matlamat. Hakikat ini perlu disedari untuk mencapai kehendak falsafah pendidikan negara yang menjadi hasrat tuntutan umat yang mempunyai perimbangan di antara pembentukan rohani dan jasmani. Malah ianya diganggu-gugat oleh gejala-gejala negatif melalui kurikulum pendidikan itu sendiri, yang secara jelas mengheret generasi kepada khayalan dan keruntuhan akhlak di samping budaya mabuk kebendaan, keseronokan dan sebagainya sehingga melampaui batas-batas agama dan nilai-nilai kemanusiaan.

Walaupun kementeriannya dinamakan Kementerian Pendidikan, perkataan "pelajaran"nya dibuang tetapi yang tinggal kesannya kepada kebanyakan pelajar ialah pelajarannya sahaja. Di manakah perginya pendidikan yang menjadi natijah daripada pelajaran itu? Apakah pendidikan hanya pada teori sahaja tanpa praktikalnya yang memberi kesan mendalam ke dalam diri para pelajar di semua peringkat. Mungkin kerana kita terlalu terpengaruh dengan pakar pendidikan dan ahli-ahli psikologi Barat yang telah gagal melahirkan pembinaan manusia di negara mereka sendiri, mereka hanya berjaya melahirkan robot-robot dan manusia tidak boleh dibina seperti robot kerana mereka mempunyai hati perut yang mesti dibentuk dengan cara yang lain.

Oleh itu, kajian semula perlu dibuat untuk menyusun termasuklah kurikulum pendidikan bersepadu yang benar-benar dapat mencapai matlamat falsafah pendidikan yang boleh mengimbangkan di antara rohani dan jasmani. Dan menyusun semula sistem pendidikan yang lebih berkesan dalam rangka melahirkan remaja yang mampu berdikari dan tidak boleh dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat yang membawa budaya lepak, bohsia dan kesan-kesan selepasnya. Maka pendidikan agama dan moral yang lebih berkesan hendaklah dicari caranya, di samping menghapuskan keadaan sekeliling daripada masyarakat dan media massa yang memberi kesan negatif kepada perkembangan pendidikan agar benar-benar dapat memberi pengaruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Seterusnya perlu diwujudkan satu masyarakat yang menyintai ilmu dan ahli ilmu serta menghargai, bukan seperti apa yang berlaku sekarang, di mana pujaan kepada yang tidak senonoh mengatasi kecintaan kepada ahli ilmu.

Kita perlu menyedari bahawa di dalam pendidikan dan pelajaran di negara kita ini di masa lalu, tulisan jawi memberi satu peranan yang besar di dalam menangani pendidikan agama dengan cara yang lebih mendalam, kerana banyak istilah-istilah agama yang perlu ditulis dalam tulisan jawi dengan menggunakan huruf Arab. Apabila menggunakan huruf Latin, sebutannya menjadi berubah dan kadang-

kadang maknanya juga menjadi berubah. Seperti perkataan "ni'mat" — yang bermakna perkara yang baik, yang menyeronok dan membawa kebaikan diubah kepada "nikmat" dengan tulisan rumi, dengan makna bala dan celaka. Kita telah menyedari perubahan makna ini, dan peranan tulisan jawi sangat besar dalam pendidikan agama di masa yang lalu. Dan akhir-akhir ini kita melihat generasi baru kita kurang dapat membaca jawi dan mereka juga menjadi kurang membaca buku-buku agama terutamanya yang menjadi rujukan-rujukan penting yang ditulis oleh pengarang-pengarang yang terdahulu yang mempunyai keistimewaan keikhlasan yang berkesan kepada pembacanya. Kita juga tidak menafikan bahawa terdapat buku-buku agama yang ditulis dengan tulisan rumi tetapi cita rasanya dan bagaimana cara sentuhannya kepada roh merupakan satu perkara yang berlainan. Dengan sebab itu maka peranan tulisan jawi hendaklah dikembalikan dengan cara yang serius di dalam menangani pendidikan agama.

Kerajaan hendaklah berhati-hati berhubung dengan ura-ura untuk mengadakan persekolahan satu sesi yang melibatkan pengajian agama di sesetengah negeri di mana sebelah petangnya ada pengajian agama dan ini memberi kesan dan kita bimbang perubahan masa pengajian ini akan menjejaskan pengajian agama dan pendidikan agama yang diadakan selama ini. Dan kita menyedari bahawa anak-anak kita yang menjadi penuntut sekolah juga mempunyai perasaan yang tidak boleh disumbatkan dengan begitu ketat dengan masa yang ketat, dengan satu pengajian, dengan cara yang tidak betul dan melihat kepada kemampuan dan kematangan umur mereka sendiri.

Berhubung dengan pendidikan, kita perlu menyedari bagaimana peranan masyarakat yang cintakan ilmu memberi peranan yang besar di dalam menjayakan pelajar-pelajar, masyarakat yang terdiri daripada ibu bapa dan anggota, masyarakat yang lain, dan saya sungguh gembira dengan keputusan peperiksaan UPSR di Kelantan di mana peningkatan keputusan peperiksaan mengatasi negeri-negeri lain dan ini menandakan masyarakat di Kelantan mempunyai suatu sifat kecintaan kepada ilmu yang berbeza dengan negeri-negeri lain. Kita perlu menyedari bagaimana anak-anak Kelantan mengatasi jumlahnya daripada anak-anak negeri lain, di pusat-pusat pengajian tinggi.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Pasir Mas bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengalih dalam perkara pembinaan insan. Peranan media massa sama ada cetak dan elektronik juga mempunyai peranan yang sangat besar supaya menjadi sumber maklumat yang tepat. Ilmu yang bermanfaat kepada rakyat dan hiburan yang senonoh akan merangsangkan kepada perkara-perkara positif. Kita tidak bersetuju dengan keadaan yang ada pada hari ini di mana penapisan dan kawalannya bocor oleh rempuhan unsur-unsur yang tidak bermoral sehingga media massa terutamanya yang dikawal langsung oleh kerajaan memasukkan filem-filem, rencana-rencana yang masih tidak bermoral,

berita-berita berat sebelah dan perkara-perkara negatif ke dalam rumah-rumah rakyat di mana program yang bersifat pendidikan mempunyai peratus yang terlalu kecil.

Kita tidak boleh menerima alasan untuk memenuhi selera penonton semata-mata kerana selera juga perlu dikawal dan kita tidak boleh menyamakan nilai selera kita dengan selera kebaratan yang sesat dan menghanyutkan. Dalam masa pilihan raya, sepatutnya media massa hendaklah menjadi agensi secara yang benar-benar demokratik dan menghidupkan suasana demokrasi, bukannya dikuasai oleh parti pemerintah sahaja. Biarlah semua parti diberi peluang yang adil untuk menerangkan dasar perjuangan masing-masing. Saya mengingatkan pihak kerajaan tentang perkara ini, supaya kerajaan berlaku adil dalam mengendalikan pilihan raya dan supaya rakyat mengundi dengan nilaian yang betul melalui pemilihan yang bebas bukannya melalui penjelasan di sebelah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, peranan undang-undang besar di dalam pembinaan insan. Walaupun ada pemimpin kerajaan yang mengatakan bahawa faktor undang-undang menjadi suatu faktor yang tidak besar, bertambahnya kadar jenayah yang berlaku dalam negara. Kita perlu menyedari bahawa di dalam Islam, undang-undang mestilah mempunyai jasad dan mempunyai roh dan inilah rahsia keberkesanan daripada syariat Islam yang berbeza dengan undang-undang Barat, yang mempunyai aspek jasadnya sahaja, yang tidak ada aspek roh yang berhubung dengan nilai dosa pahala, yang menyentuh hati rohani setiap anggota masyarakat. Dan kita melihat bagaimana hukuman bunuh 'mandatory' kepada pengedar dadah tetap tidak dapat membantu membanteras gejala dadah yang masih berleluasa dalam negara kita pada hari ini.

Kita perlu menyedari hakikat ini dan kerajaan hendaklah mengkaji semula di dalam perkara ini, kerana kita bimbang dengan Undang-undang Keterangan yang tidak tepat, yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ketat, boleh menyebabkan berlakunya penganiayaan dan kezaliman di dalam menjatuhkan hukuman.

Penolakan Kanun Jenayah Syariah II Negeri Kelantan, dengan alasan-alasan politik yang tidak bertanggungjawab, sangat mendukacitakan dan pemimpin-pemimpin kerajaan pusat akan bertanggungjawab di hadapan Allah. Kami tidak berpuas hati dengan alasan-alasan yang diberi untuk menolaknya, kerana satu perbincangan secara ilmu (muzakarah) tidak diadakan dengan pihak kami. Panel yang dijanjikan tidak ditubuhkan, hujah-hujah yang dikemukakan sebenarnya lebih menandakan kejahilan dan kebebalan terhadap undang-undang Islam.

Di sana terdapat beberapa perkara yang ditonjolkan, pertama — menamakan Kanun Jenayah itu dengan Undang-undang Hudud, pada hal hudud hanya salah satu daripada perkara Kanun Jenayah di dalam Islam dan ia merupakan salah satu daripada perkara yang disebut di dalam Kanun Jenayah Syariah II Negeri Kelantan, di mana di dalam Kanun Jenayah Syariah II Negeri Kelantan menyebut undang-undang jenayah yang merangkumi kisas, hudud dan ta'zir — bukan sahaja hudud, tetapi yang ditonjolkan ialah di dalam perkara hudud, yang menunjukkan bahawa suatu cara yang tidak menyeluruh dilakukan di dalam menangani masalah Kanun Jenayah II Negeri Kelantan.

Kedua, menamakannya dengan hudud PAS, pada hal hudud termasuk di kalangan hukum-hukum yang diputuskan oleh Quran dan Hadis Nabi s.a.w. — yang dinyatakan di dalam Kanun Jenayah II di Negeri Kelantan itu ialah yang sahih

daripada nas tanpa memasukkan perkara-perkara khilafiah — perkara-perkara yang dipertikaikan oleh ulama — adakah ia termasuk di dalam hudud ataupun tidak.

Ketiga menimbulkan isu kedudukan orang-orang bukan Islam tanpa memahami idealnya undang-undang Islam dan sifat fleksibiliti daripadanya di mana boleh menyelesaikan masalah berhubung dengan Perlembagaan negara yang tidak mengizinkan kerajaan negeri mengikut Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan — yang tidak mengizinkan kerajaan negeri menjatuhkan hukuman kepada orang yang bukan Islam.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti saya habiskan dahulu Tuan Yang di-Pertua. Di mana dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Malaysia tidak mengizinkan kerajaan negeri menghukum orang yang bukan Islam dan di sana terdapat peristiwa-peristiwa kehakiman di dalam negara kita yang menunjukkan perkara tersebut, seperti contohnya, satu peristiwa yang berlaku di Terengganu seorang perempuan Islam yang bersekedudukan dengan seorang lelaki bukan Islam sehingga melahirkan anak dan melahirkan cucu, lalu diambil tindakan oleh pihak Mahkamah Syariah Negeri Terengganu yang boleh diambil tindakan hanyalah kepada wanita Islam itu sahaja, kepada yang bukan Islam tidak boleh diambil tindakan kerana tidak diizinkan oleh Perlembagaan.

Yang kedua berlaku di negeri Kedah. Seorang guru yang menganut ajaran Qadiani yang bernama Abdul Rahim Baharuddin, yang diambil tindakan oleh Mahkamah Syariah Negeri Kedah di mana pihak Mahkamah Tinggi telah membatalkan keputusan Mahkamah Syariah kerana seorang Qadiani dikira seorang yang bukan Islam.

Dalam kes pemain bola import negeri Kedah yang dituduh melakukan kesalahan berkhalwat/bersekedudukan sehingga melahirkan anak, juga tidak boleh diambil tindakan kerana ia bercanggah dengan peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan. Walaupun demikian, kita boleh menghadapi hal-hal ini. Kita boleh menghadapi perkara-perkara ini kerana di dalam Islam juga membenarkan kita menangani dalam masalah orang yang bukan Islam, dalam keadaan yang tertentu berdasarkan kepada firman Allah Taala dalam Suratul Maidah yang bermaksud, "Maka jika sekiranya mereka itu datang kepadamu yakni orang yang bukan Islam di dalam masalah melakukan kesalahan jenayah, maka hukumlah mereka ataupun berpaling daripada mereka, tidak menghukum mereka".

Para ulama Islam di antaranya ulama dalam Mazhab Shafie Al-Mawardi di dalam kitabnya An-nukad Wal-'Uyun, Al-Mawardi yang pernah menjadi hakim besar di bawah kerajaan Abbasiyah mengemukakan di dalam kitabnya pandangan diberi pilihan kepada orang yang bukan Islam sama ada dihukum ataupun tidak dihukum. Dan saya pernah mengadakan perbincangan dengan Dr. Yusof Qardhawi, seorang pakar undang-undang Islam di zaman kini dan saya telah menyatakan pandangan ini dalam konteks Malaysia dan beliau mengatakan bersetujunya dalam konteks Malaysia kita boleh mengemukakan pandangan dan pendapat yang seperti ini. Masalah tidak adil adalah masalah yang tidak timbul kerana di dalam Islam hukuman bukan sahaja di dunia tetapi hukuman di akhirat. Orang yang dihukum di dunia, tidak dihukum di akhirat. Orang yang tidak dihukum di dunia, dia dihukum di akhirat.

Dengan sebab itu, kesimpulannya pada dasarnya seseorang itu tidak terkeluar daripada tindakan undang-undang.

Seterusnya membandingkan hukum zina dengan rogol dalam undang-undang Barat adalah tidak tepat kerana Barat hanya menggunakan istilah rogol yang dimaksudkan oleh mereka ialah persetubuhan secara yang dipaksakan ataupun dianggap salah mengikut undang-undang, persetubuhan yang dilakukan kepada perempuan di bawah umur. Ini dianggap salah kepada mereka. Ada pun yang mengatasi umur, kalau suka sama suka tidak menjadi salah kepada undang-undang Barat. Mereka mengemukakan istilah rogol, sedangkan di dalam Islam, meletakkan nama zina sama ada dia suka sama suka ataupun dipaksa, ia dinamakan zina dan diharamkan oleh Islam. Cuma orang yang dipaksa dikecualikan daripada undang-undang dan Islam tidak boleh menghukum orang yang dipaksa berdasarkan kepada nas-nas yang sareh di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. Bahkan dalam Islam, tidak boleh dihukum orang yang jahil. Saya rasa ini tidak ada dalam undang-undang Barat. Orang yang benar-benar jahil melakukan kesalahan setelah disoal-siasat, dikaji, didapati ia benar-benar jahil, seorang yang daripada hutan rimba, yang jakun umpamanya, yang betul-betul jahil, tidak boleh dikenakan undang-undang hudud. Ini adalah di antara perkara yang ada dalam Islam yang sekiranya terdapat keraguan untuk melaksanakan hudud, dan di sana ada bukti-bukti yang tidak sampai kepada peringkat hudud maka hendaklah dikenakan hukuman ta'zir dan kami tidak boleh menerima kenyataan yang menyatakan bahawa pelaksanaan undang-undang Islam mengancam negara dan boleh berlaku huru-hara dan kejahilan ini menandakan tidak yakin kepada kemampuan dan keberkesanan undang-undang Islam dan sesungguhnya menghalang ahli-ahli ilmu dalam kerajaan daripada menyertai perbincangan di dalam perkara hudud.

Suka saya mendedahkan bagaimana pada awalnya dua orang ahli akademik yang pakar dalam undang-undang Islam daripada pusat pengajian tinggi iaitu Profesor Dr. Ahmad Ibrahim dan Profesor Dr. Mahmud Saedun Awang Osman yang menyertai Jawatankuasa menyusun undang-undang jenayah Syariah II Negeri Kelantan di mana dia telah diarahkan oleh pihak yang berkenaan supaya berhenti dari Jawatankuasa ini. Ini menandakan bahawa terdapat halangan-halangan untuk melaksanakan hukum Islam dengan cara yang serius dan di sana terdapat cara-cara yang tidak menghormati pandangan ahli undang-undang di mana Majlis Peguam telah mengemukakan pandangan mereka dalam satu majlis diskusi yang diadakan oleh mereka, dan di sana ada ancaman yang mengatakan kalau dilaksanakan hudud boleh berlaku kemiskinan. Ini adalah merupakan angan-angan kosong.

Apa yang berlaku di Sudan, selepas dilaksanakan hukum hudud, Sudan mencapai kemajuan dan akhbar melaporkan satu kapal yang penuh dengan kambing biri-biri dari Sudan dibawa ke Arab Saudi dan Arab Saudi menolak. Ini menunjukkan bahawa orang Sudan bukannya kelaparan. Dengan melaksanakan undang-undang hudud ini dan banyak perkara-perkara yang lain, kami berpendapat perlu diadakan satu muzakarah di kalangan semua pihak dalam perkara pelaksanaan undang-undang Islam dan tidak sampai mahu mendesak kerajaan dan kami tidak mahu mendesak kerajaan untuk menentukan siapa yang sesat atau siapa yang tidak sesat, siapa yang betul, siapa yang salah.

Yang penting ialah kita mencari kebenaran di dalam perkara ini dan kita mengharapkan supaya Majlis Fatwa Kebangsaan dan pihak agama Jabatan Perdana Menteri yang berani bertindak mengadakan perjumpaan dengan Al-Arqam dan menjatuhkan hukuman kepada Al-Arqam secara terbuka. Mengapa tidak

boleh mengadakan muzakarah dengan kami dalam perkara ini bagi menentukan untuk melaksanakan Islam dengan cara yang serius dan bersungguh dan pihak kerajaan perlu menyedari bahawa tidak yakin kepada hukum syariah termasuk di dalam perkara akidah yang membahayakan umat Islam! Bukan sahaja perkara Arqam bahaya tetapi termasuk bahaya ialah menolak hukum syariah, tidak yakin kepada syariat Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, seorang ulama Al-Ghazali Rahimahullah pernah menegaskan di dalam bukunya Al-Ikhtisar fil-Iktikad bermaksud, "Agama itu menjadi dasar. Pihak yang berkuasa menjadi pengawas. Barang yang tidak ada asas, tidak ada dasar runtuh dan barang yang tidak ada pengawas menjadi sia-sia". Soalnya apakah dasar yang dipakai oleh kerajaan hari ini? Adakah dasar agama ataupun materialisme? Apakah kerajaan menjadi pengawas ataupun ada orang yang menjadi laksana mengharapkan pagar, pagar pula yang memakan padi? Marilah kita menilai dengan adil dalam perkara ini walaupun terhadap diri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu persoalan yang mesti diinsafi berhubung dengan Belanjawan yang dikemukakan. Siapakah yang sepatutnya menjadi sasaran penting untuk diberi pembelaan daripada Belanjawan ini? Di antaranya ialah rakyat petani dan nelayan yang tidak diambil cukai yang banyak secara langsung ke atas mereka. Masalah tanah pertanian yang menjadi keperluan mereka masih tidak diselesaikan dengan jayanya walaupun perkara tanah lebih terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Perlu disedari masih ramai rakyat yang tidak bertanah secara milik termasuk untuk tempat tinggal walaupun ada projek perumahan yang dinamakan rumah murah tetapi kepada rakyat biasa, namanya rumah murah tetapi harganya mahal kepada mereka. Maka timbulnya masalah setinggan dan penerokaan tanah-tanah yang dinamakan tanah haram. Bahkan dalam Budget tidak begitu diberi perhatian ke arah program pertanian yang meletakkan kepada tahap dapat memenuhi keperluan asas negara dan tidak memerlukan negara bergantung kepada import bahan-bahan makanan dari luar negeri walaupun di masa aman. Apatah lagi di masa huru-hara bahkan terus berlaku pengambilan tanah rakyat tanpa mengambil kira keperluan pokok dan diberi pampasan yang tidak memuaskan terutamanya tanah gantian untuk menampung hidup. Bahkan ada kerajaan-kerajaan negeri yang boleh memberi ganti tanah estet yang diambil daripada majikan-majikan yang kaya, tetapi tidak boleh mengganti tanah sekangkang kera Malay Reserve untuk rakyat dan kita ingin bertanya, "Berapa luas tanah rizab Melayu yang diambil sehingga sekarang dan yang belum diganti dan kalau kerajaan tidak menggantinya, adakah kerajaan bersedia untuk memulang balik kepada tuan-tuan yang berkenaan?"

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya mencadangkan berhubung dengan perkara ini supaya para petani mestilah dilindungi melalui program sektor pertanian untuk memakmurkan mereka. Di antaranya menyelesaikan masalah tanah yang dihadapi oleh mereka di samping menyalurkan kajian pertanian yang benar-benar dapat mengubah taraf hidup mereka sama ada hasil pengeluaran atau pasaran yang tidak mengeksploitasikan mereka. Hendaklah juga diambil langkah mengutamakan program pertanian yang menjamin keperluan makanan seperti padi, jagung dan lain-lain di samping pertanian yang menghasilkan komoditi seperti getah, kelapa sawit dan lain-lain, dan kita perlu mengambil iktibar

betapa negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Britain, Jerman dan lain-lain memberi perhatian dalam perkara ini. Mestilah diusahakan untuk keutamaan meningkatkan pengeluaran beras negara supaya tidak bergantung kepada beras negara jiran di samping menjamin masa depan penanam padi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, para nelayan kecil di laut pula masih dibelenggu oleh undang-undang dan peraturan-peraturan perikanan yang menyusahkan mereka dan sampai ke tahap ada peraturan membakar bot-bot yang melanggar peraturan perikanan yang dikuatkuasakan. Sudahlah mereka payah hendak mendapat bot dan ada yang mendapat bantuan — Alhamdulillah; apabila melanggar undang-undang perikanan, di antara tindakannya ialah membakar bot nelayan tersebut dan saya rasa tidak berlaku membakar kereta atau lori di daratan ini tetapi ada bot nelayan yang dibakar kerana tindakan undang-undang. Ini suatu perkara yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Ada pun apa yang dinamakan Armada Laut Dalam, lebih banyak diambil kesempatan oleh lintah-lintah darat yang menjadi ancaman kepada nelayan-nelayan kecil. Mereka pula banyak mengambil kesempatan dari tenaga nelayan-nelayan asing dan hasil tangkapannya pula lebih banyak diangkut ke negara asing daripada dibawa ke dalam negeri.

Oleh itu saya menasihatkan sekali lagi supaya pihak kerajaan dapat memastikan program perikanan mestilah benar-benar dapat dimanfaatkan oleh semua golongan nelayan, khususnya nelayan kecil. Akta Perikanan hendaklah dikaji agar dapat menjamin hak dan keadilan untuk semua kaum nelayan dan kedudukan mereka boleh mengambil manfaat daripada pulau-pulau yang dinamakan taman laut hendaklah lebih diutamakan daripada pelancong-pelancong asing.

Mampukah atau tidak berhubung dengan satu perkara penting yang perlu diberi perhatian di dalam Belanjawan ini ialah menangani masalah inflasi? Mampukah atau tidak masalah inflasi ditangani? Bukannya semata-mata terletak kepada penurunan cukai atau pembatalannya dan penguatkuasaan undang-undang perdagangan, tetapi lebih bergantung kepada kesedaran dan keinsafan mereka yang terlibat dengan perdagangan dan perniagaan yang bersifat kasih sayang dan bertimbang rasa sesama mereka dengan pengguna atau masyarakat. Perkara ini bergantung kepada dapat diwujudkan masyarakat penyayang itu ataupun tidak. Semuanya bergantung kepada kefahaman, kesedaran dan keinsafan. Perkara-perkara ini sangat diragukan boleh berlaku dalam masyarakat yang ditaja dengan semangat materialistik yang begitu tebal.

Adakah masyarakat yang dididik dengan politik wang dan penyalahgunaan kuasa ini boleh dihapuskan faham materialisma yang meletakkan isi poket dan perut menjadi matlamat bukannya alat? Walaupun harta benda menjadi salah satu daripada rukun hidup tetapi mestilah diselaraskan dengan rukun-rukun yang lain dan sifat-sifat kemanusiaan seperti nilai-nilai agama, akhlak, maruah dan bertimbang rasa. Sejauh mana penurunan cukai dan penghapusannya boleh mengatasi inflasi, bukan sekadar untuk musim pilihan raya dan menjadi "pil" deman pilihan raya, tetapi mestilah dengan langkah-langkah yang memberi kefahaman yang berkesan secara ikhlas kepada masyarakat secara bertanggung-jawab bukan sekadar hanya melalui pujian-pujian setiap kali Belanjawan dibentang. Tetapi pihak kerajaan mestilah juga mengambil kira teguran-teguran positif daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kepesatan kemajuan industri besar di negara ini berlakunya suatu perkara iaitulah ke-

banjiran pekerja asing yang tidak dinafikan memberi sumbangan besar kepada kemajuan ekonomi negara. Tetapi kita merasa bimbang kesan ekonomi, politik dan sosial sekiranya tidak ada langkah-langkah kawalan yang berkesan kerana ada di kalangan mereka yang telah dimanfaatkan untuk menjadi "pengundi-pengundi hantu" dalam beberapa kawasan pilihan raya dan ada pula yang terlibat dalam kejadian-kejadian jenayah berat yang membahayakan dan terjerumus di tempat-tempat maksiat atau menjadi umpan maksiat kepada rakyat-rakyat tempatan yang menjadi penyakit masyarakat yang sangat membahayakan terutamanya apabila kita melihat tindakan bersifat melepaskan batuk di tangga sahaja oleh pihak kerajaan.

Perkara ini menjadi lebih berleluasa oleh sikap mahu mendapat keuntungan kewangan lebih besar melalui kos rendah untuk pekerja-pekerja asing kalau dibandingkan dengan anak tempatan. Kalau sikap ini dileluasakan, ia akan menjadi suatu bebanan merugikan di masa yang akan datang dan kita perlu menyedari bahawa kita menghadapi masalah masyarakat majmuk tetapi Alhamdulillah, sebahagian daripadanya kita dapat mengatasi masalah masyarakat majmuk. Adakah kedatangan masyarakat asing ini akan menjadi lebih majmuk terpulang kepada sejauh mana pihak kerajaan menangani sama ada ianya menjadi suatu masa depan yang baik kepada negara ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara luar negeri. Dalam perkara luar negeri, kerajaan hendaknya janganlah terpengaruh dengan Orde Baru Dunia yang ditaja oleh kuasa besar dunia yang menaja new colonialisme terhadap negara-negara yang lemah. Di mana terdapat diskriminasi, terdapat double standard di dalam tindakan-tindakan di peringkat antarabangsa dan kita mengharapkan supaya kerajaan kita di dalam penyertaannya melalui pertubuhan antarabangsa terutamanya Bangsa-bangsa Bersatu tidak dipengaruhi oleh apa yang dinamakan Orde Baru Dunia yang ditaja oleh kuasa besar.

Saya mengalu-alukan kenyataan pihak kerajaan untuk menarik balik tentera kita dari Somalia di mana kita telah melibatkan diri dalam suatu konflik yang diada-adakan oleh mereka yang tiada kena-mengena dengan kita dan oleh kuasa besar yang ingin mempertahankan kedudukan strategi Somalia dari segi hubungan antarabangsa dan dari segi geografi. Saya juga mengalu-alukan sikap yang diambil oleh kerajaan di dalam menangani masalah Bosnia-Herzegovina dan kita mengharapkan supaya sikap ini hendaklah ditingkatkan lagi supaya umat Islam di Bosnia khasnya dan mereka yang teraniaya di Bosnia-Herzegovina pada amnya mendapat pembelaan masyarakat antarabangsa dengan seadil-adilnya.

Dalam masalah Palestin, kerajaan hendaknya tidak terjebak dengan permainan kuasa besar dunia yang memberi tempat kepada Yahudi sehingga menjejaskan kepentingan rakyat Palestin, sehingga membawa kepada pengiktirafan negara haram Israel. Bukan kita tidak mahu memberi hak hidup kepada orang-orang Yahudi tetapi kita perlu menyedari bahawa negara haram Israel adalah negara yang tidak memberi tempat kepada bangsa yang lain daripada bangsa Yahudi dan hendaknya kerajaan tidak terjebak di dalam permainan masyarakat antarabangsa berhubung dengan isu Palestin dan mereka hendaklah sepatutnya (pihak kerajaan) memberi pembelaan kepada yang benar-benar berhak di bumi Palestin iaitulah golongan yang sedang berjuang dan bukannya golongan yang mabuk dengan habun-habuan yang diberi di dalam menangani masalah Palestin.

Saya mengharapkan kerajaan dapat membela masalah Kashmir dengan cara yang sebaiknya walaupun sudah ada keputusan Bangsa-bangsa Bersatu di akhir tahun 40-an supaya mengadakan pungutan suara di Kashmir bagi menentukan nasib orang Islam yang menjadi golongan majoriti Kashmir tetapi India masih berdegil. Kita mengharapkan supaya Malaysia dapat memanfaatkan di dalam penyertaannya melalui pertubuhan antarabangsa untuk membela perjuangan rakyat Kashmir dan perhatian juga hendaklah diberi kepada umat Islam di Tajikistan yang sedang menghadapi kezaliman oleh saki-baki komunis yang masih berkuasa di Tajikistan dan kerajaan hendaklah peka dengan masalah yang dihadapi oleh umat Islam di Shishin dan lain-lain di Asia Tengah yang sedang bertarung dengan saki-baki komunis yang menjadikan umat Islam mangsa yang paling lazat kepada mereka untuk dijadikan habuan melakukan kekejaman dan kezaliman.

Seterusnya saya mengharapkan supaya peranan Institut Kefahaman Islam (IKIM) hendaklah diberi dengan cara yang serius, bukannya membuat kajian setelah diberi kenyataan oleh Perdana Menteri ataupun selepas Perdana Menteri membuat kenyataan, baru ia buat kajian. Tidak ada tindakan awal daripadanya menjadi penasihat yang berkesan dan sepatutnya peranan IKIM hendaklah diberi suatu peranan yang menyeluruh yang melibatkan semua kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan supaya program untuk membina insan yang menjadi perkara yang penting di dalam pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan cara yang berjaya.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Arau.

4.10 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamu-alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membahas Ucapan Belanjawan 1995 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita yang kita kasihi baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi dua peringkat ucapan saya iaitu yang pertamanya, saya ingin menyentuh sedikit tentang apa yang telah diucapkan oleh Ketua Pembangkang dan juga sahabatnya, Timbalan Yang di-Pertua PAS. Yang keduanya, saya akan menyentuh tentang Belanjawan secara keseluruhan. Tetapi di peringkat awal ini, saya ingin di awal-awal lagi, saya ingin mengatakan bahawa Belanjawan Berhemat dan Berimbang ini adalah satu belanjawan yang terbaik dalam dunia. Ini tidak dapat dinafikan hakikatnya.

Tetapi malangnya, saya telah meneliti semalam dan hari ini, ucapan Ketua Pembangkang dan juga ucapan yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, saya dapati daripada awal sampai habis tidak langsung menyentuh Belanjawan secara keseluruhannya. Mereka tahu bahawa tiap-tiap kita, Ahli Parlimen, diberi nota Ucapan Belanjawan. Selepas itu, kita diberi buku Belanjawan 1995 yang menceritakan secara terperinci berhubung dengan Belanjawan Negara dan kita juga telah dibentangkan, saya rasa kalau sekiranya kita semua malas membaca ataupun kita terlupa apabila ucapan diberikan, kita hanya tengok ini, Tuan Yang di-Pertua. Tengok Belanjawan Persekutuan 1995 di mana datangnya wang dan ke mana belanjawan dibuat, cukup. Tengok dua bola ini sudah cukup. Lepas itu, kita ulas. Saya rasa itu lebih tepat kalau sekiranya kita hendak

membahas tentang Belanjawan. Tetapi Ketua Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, telah menimbulkan beberapa perkara yang saya rasa langsung tidak menyentuh Belanjawan secara keseluruhan..

Sebenarnya, saya paling terkejut dalam diri saya sebab saya tiap-tiap kali Ketua Pembangkang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Marang berucap, saya akan meneliti, Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya amat kagum mereka ini adalah di antara Pembangkang-pembangkang yang saya rasa boleh membangkang. Tetapi pada kali ini, mereka bukan sahaja tidak tahu apa hendak bangkang. Mereka menyentuh perkara-perkara yang telah disentuh dari masa ke semasa.

Saya sentuh satu benda yang telah disampaikan, pertama sekali, Ahli Yang Berhormat dari Marang, Tuan Yang di-Pertua. Ucapannya semalam menyentuh tentang pelancongan dan pada hari ini menyentuh tentang bina insan. Dan saya paling terkejut sekali, Tuan Yang di-Pertua, apabila perkara-perkara yang dikeluarkan bukan merupakan pandangan yang diminta kepada kerajaan sama ada kerajaan boleh menyiasat ataupun tidak tetapi merupakan tuduhan yang dianggap satu kepastian.

Contohnya, Kelab Mediterranean di Cherating, Kuantan mengadakan pesta-pesta dan merupakan kelab telanjang iaitu hukuman dibuat terus apabila Wakil dari Kulim, Timbalan Menteri semalam, bangun bertanya di manakah Yang Berhormat tahu bahawa kelab yang berkenaan membenarkan orang telanjang, dia kata "Saya dapat laporan daripada seorang pemandu bas dan daripada dua orang pekerja di situ yang mengatakan kelab itu membenarkan orang telanjang".

Apakah boleh kita sebagai seorang Islam, lebih-lebih lagi orang PAS menganggap sebagai seorang ulama dengan hanya mendengar pendapat dan juga pandangan dan juga penyokong-penyokong yang berada di belakang, saya harap dia dengar. Bolehkah kita sebagai seorang Islam, jangan lari. Duduk dengar, saya sedang cakap. Bolehkah kita sebagai seorang Islam dengar seorang pemandu mencerita dan dua kakitangan cerita, kita kata "Ah, itu benar". Apakah boleh dalam ucapan kita itu sebut? Ini ucapan semalam. Kita sebut dalam ucapan kita, Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan kita sebut, saya minta kerajaan menyiasat apakah benar Kelab Cherating ataupun Kelab Mediterranean membenarkan orang telanjang? Itu yang patut dia sebut. Kalau sekiranya benar, pihak kerajaan harus mengambil tindakan supaya tidak membenarkan perkara-perkara yang melanggar dengan Islam itu diadakan di sana. Itu baru betul. Tetapi kalau kita menghukum terus bahawa kerajaan telah membenarkan persundalan, perzinaan, pelacuran. Ini merupakan tuduhan.

Saya sendiri sebagai seorang yang suka melancong juga, saya tidak pernah tengok, tidak pernah dengar bahawa Kelab Mediterranean membenarkan orang telanjang. Walaupun kalau sekiranya orang beri laporan kepada saya, kalau sekiranya orang berkata bahawa kelab tersebut membenarkan orang telanjang. Kalau orang itu cerita, saya akan mendapat penjelasan yang sebenarnya. Di mana-mana hotel, Kerajaan Malaysia membenarkan orang telanjang, kecuali dalam bilik masing-masing, dia boleh bertelanjanglah. Tetapi telanjang secara umum yang telah dibuat tuduhan ialah tidak patut. Tidak patut sebagai seorang Islam.

Saya hormat Ahli Yang Berhormat dari Marang ini. Saya tidak pernah bercakap terjai-terjai dengan dia, orang Perlis kata. Saya tidak pernah kata macam-macam.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi apabila beliau membuat tuduhan, dia seorang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan kepada dia atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya tetap beri jalan. Beri saya seminit. Beri saya habis ayat, sebab saya bukan seorang yang tidak adil. Ahli Yang Berhormat dari Marang, saya tengok semalam bila Timbalan Perdana Menteri kata boleh, benda ini tidak boleh. Islam apa macam ini? Islam mesti beri keadilan, sama ada sebelah di sini walaupun Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan kadang-kadang mereka mengetawakan dia ataupun kawan-kawan saya daripada sini, mengapa tidak membenarkan? Di manakah jahilnya kami di sini sehingga kami tidak dibenarkan bercakap. Adakah ini merupakan prinsip PAS yang membeza-bezakan sesama umat Islam? Adakah ini prinsip perjuangan PAS? Inilah jadi kepada orang PAS. Orang PAS dengan pemimpinnya bercakap, apa semuanya betul. Saya beri contoh yang paling tepat sekali. Media tidak demokratik, sebab saya tahu pemimpin dia. Saya tahu, mereka penyokongnya hebat itu. Saya tahu, ini semua orang kuat-kuat. Media disebut di sini. Media massa dia kata, tidak demokratik, membawa perkara-perkara yang negatif. *Harakah* buat apa? Demokratik atau tidak, Tuan Yang di-Pertua, *Harakah*, saya hendak tanya! Akhbar fitnah negara.

Pernahkah *Harakah* cerita tentang apa yang kami cakap di sini. Kami bercakap tentang bina insan. Kami cakap fasal kebaikan. Kalau sekiranya ada kemungkaran atau rasuah dan sebagainya, ambil tindakan. Pernahkah *Harakah* cerita fasal saya? Tak ada. *Harakah* bantah saya, ada. Bantah Timbalan Perdana Menteri. Demokratik ataupun tidak demokratik, ini *Harakah*? Saya hendak tanya. Tetapi akhbar lain menceritakan tentang kebaikan kerajaan, tidak demokratik. Tetapi *Harakah* hanya mencerita satu parti, demokratik ataupun tidak! Satu.

Nombor dua. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat semua sedar ataupun tidak, bahawa *Harakah* hanya dibenarkan untuk diedarkan kepada ahli-ahlinya sahaja tetapi *Harakah* sanggup melanggar peraturan Kerajaan. Sanggup melanggar peraturan negara yang diluluskan di Parlimen ini, ia dijual dengan secara terbuka tetapi Kementerian Dalam Negeri, saya tegur dahulu. Saya tegur berkali-kali, apakah keistimewaan PAS sehingga PAS dibenarkan, diberi kebenaran untuk menjual akhbarnya bukan kepada ahli. Apakah keistimewaan yang PAS harus dapat sehingga dia bertindak secara berleluasa, termasuk maki kepada kerajaan? Ahli Yang Berhormat dari Tumpat hendak tanya soalan, sila bangun. *(Ketawa)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang pertama, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat dari Arau, apa yang dimaksud dengan "telanjang" oleh Yang Berhormat dari Arau? Sebab "telanjang" ini ada dua pengertian.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bogel!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dengar dahulu. Telanjang ini ada dua pengertian. Telanjang menurut sekular dan telanjang menurut Islam. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Arau, apakah telanjang daripada Islam ataupun telanjang menurut kaca mata sekular?

Yang kedua, saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa dia marah sangat kepada *Harakah*? Yang perlu dia marah

kepada kerajaan yang ada sekarang ini. Mengapa tidak membenarkan *Harakah* diterbitkan, dijual kepada umum? Kenapa? Sedangkan negara kita adalah sebuah negara demokrasi. Apakah Yang Berhormat dari Arau mengerti? Apakah Yang Berhormat dari Arau faham? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pada hari inilah saya dengar telanjang ada dua jenis. Satu telanjang sekular, satu telanjang Islam. *(Ketawa)*

Tetapi ini ustaz dari Marang semalam, dia bercakap fasal "telanjang". Dia tidak sebut "telanjang Islam, telanjang sekular, telanjang dunia" — dia tidak sebut. Yang saya tahu, 'telanjang' ini dengan tidak ada seurat benang di badan — itu 'telanjang'. Dalam bilik, dalam bilik air – boleh. Maknanya kita berhadapan dengan dinding-dinding dan tembok-tembok. Yang Berhormat, ini bukan saya yang bercakap — ini pemimpin Yang Berhormat hormati bercakap semalam. Saya hendak tanya Yang Berhormat sepatutnya memberi penjelasan pada saya. Apa dia 'telanjang Islam' apa ini 'telanjang sekular'? Dan sebagainya.

Yang keduanya, Yang Berhormat kata fasal *Harakah*, "kenapa Yang Berhormat anti *Harakah*?" Siapa anti *Harakah*? Saya tidak anti *Harakah*, tetapi Yang Berhormat dari Marang tadi sebut bahawa akhbar-akhbar kita tidak demokratik, hanya menceritakan perkara-perkara yang negatif.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah *Harakah* membuat perkara-perkara yang positif? Malah kalau sekiranya ada anak-anak kita baca *Harakah*, anak-anak kita akan benci sesama Islam. Anak-anak kita akan benci dengan pemimpin-pemimpin. Itu yang *Harakah* ajar. Contohnya, anak Timbalan Perdana Menteri pernah baca *Harakah* dia sampai tertanya-tanya apakah betul sebenarnya kenyataan yang dibuat oleh *Harakah*? Ini budak-budak tanya. Kemudian Yang Berhormat tanya, kenapa kerajaan tidak benarkan *Harakah* dijual kepada orang ramai? Kerajaan tidak benar pun Yang Berhormat sudah jual, tambah kalau kerajaan benar, saya tidak tahu. Ini bukan semua akhbar yang dikeluarkan mesti dibolehkan dijual kepada orang ramai.

Saya juga ada majalah yang saya keluarkan. Saya hanya boleh jual tertentu kepada ahli saya. Majalah yang dikeluarkan oleh UMNO, tidak dibenarkan dijual kepada orang ramai. Kita bukan sahaja tidak jual, kita beri percuma kepada ahli-ahli UMNO. Ahli-ahli UMNO sahaja baca. DAP juga mempunyai akhbar yang hanya dibenarkan kepada ahli-ahli, DAP pun macam PAS juga. PAS memang kawan baik DAP, terutamanya Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri yang menyebutkan bahawa PAS dengan DAP sebenarnya sekarang sudah boleh bekerjasama — saya tidak faham — saya tidak faham! Bilakah DAP setuju tentang hukum hudud, sehingga mereka mengisytiharkan bahawa mereka boleh bekerjasama? Saya tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa bila kita bercakap, kita mesti berasas. Bila kita bercakap, kita tidak boleh jadi hakim. Bila kita bercakap, jangan kita menganggap bahawa sebenarnya perkara-perkara itu telah pun berlaku. Saya tengok angka-angka yang diberi, walaupun kenyataan ini merupakan kenyataan secara umum, oleh kerana ucapannya ucapan bertulis, tetapi saya tidak faham. Dia sebut di sini pelancongan, Tuan Yang di-Pertua, dia sebut tahun 1958 sampai tahun 1982 mengenai pelancongan.

Saya tidak tahu pelancongan ini sama ada di Malaysia ataupun di dunia. Tetapi angka ini kalau di Malaysia, ini tidak betullah, tetapi kalau di dunia — mungkin betul. Tahun 1958 ada seramai 55 juta orang. Tetapi kalau di dunia, tidak disebut di mana, dalam bentuk mana?

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah salah dalam Islam kita melancong? Apakah ada pula melancong secara Islam? Melancong secara 'sekular'? Salah ataupun tidak kita melancong? Islam menggalakkan kita menuntut ilmu dan sekali gus kita melancong. Ulama-ulama kita di zaman dahulu melancong, bergerak, berhijrah. Nabi kita berhijrah. Ibnu Batutah berhijrah. Laksamana Cheng Ho, seorang Islam; juga melancong seluruh dunia. Salah ataupun tidak? Jadi, konsep pelancongan secara umum itu harus diperjelaskan sebelum kita memberi kritik secara umum bahawa pelancongan ini tidak guna.

Kita kena ingat Yang Berhormat, Yang Berhormat makan gaji, elaun daripada kerajaan salah satu dari hasilnya ialah sumber pelancongan. Bacalah buku Belanjawan Negara, barangkali Yang Berhormat tidur semasa Menteri Kewangan memberi ucapan. Kebanyakan orang PAS tidur, 2 orang lari keluar, Ketua Semangat 46 lari keluar, tidak mahu menghayati. Pada hal masa dia bentang Belanjawan semasa beliau menjadi Menteri Kewangan dahulu, kita semua termasuk Menteri Kewangan sekarang dengar dengan penuh khusyuk tentang ucapan Belanjawan yang diberikan. Tetapi bila orang lain pula menyampaikan ucapan Belanjawan, mereka lari keluar, sebab ucapan Belanjawan itu terlampau baik sehingga mereka tidak sanggup mendengar benda-benda yang baik. Benda-benda fitnah, khurafat semua mereka sanggup dengar.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sedikit dari Ahli Yang Berhormat. Apakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa 'tukang hukum' itu memang PAS. Semua orang PAS 'tukang hukum' sahaja. Misalnya tiap-tiap kali pilihan raya, dia menghukumkan siapa menyokong PAS — masuk syurga. Siapa sokong PAS — cerah dalam kubur dan berbagai-bagai lagi.

Saya rasa patut kalau bolehlah kita adakan satu 'muzakarah' dengan orang PAS ini, khususnya untuk membetulkan mentaliti mereka. Misalannya tadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, saya tidak pernah dengar orang mengatakan bahawa 'telanjang' ini ada dua jenis pula. Kalau 'telanjang' yang dimaksudkan itu semua dalam Malaysia ini penuh dengan orang telanjang. Di Chow Kit Road ada orang telanjang. Kalau dengan maksudnya tidak 'menutup aurat' itu telanjang, maka seluruh Malaysia ini ada orang telanjang. Jadi, saya rasa di Kelantan pun ramai orang telanjang.

Jadi, kerja menghukum ini Yang Berhormat, memang kerja orang PAS, sampai hari ini pun saya rasa, inilah yang ditipu oleh orang PAS kepada orang kampung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat saya tidak mahulah meninggikan suara sebab penyokong-penyokong ini orang Islam macam saya juga. Tetapi saya hendak tanya, apakah keuntungannya kita dapat dengan membuat fatwa-fatwa yang baru macam ini? Dengan mengatakan 'telanjang cara Islam', kalau begitu semua

orang telanjang, ramai wanita di sini telanjang sebab tidak pakai tudung. Macam itukah maksud Yang Berhormat? Yang Berhormat kena memberi penjelasan ini. Ini fatwa baru yang telah Yang Berhormat keluarkan. Yang Berhormat akan terus mengeluarkan fatwa bila hampir-hampir pilihan raya, rosak kita, rosak negara. Saya tidak mahu, saya bukan hendak kira kepentingan politik — tidak mahu, sebab kita hendak mati, saya pun sudah tua, saya pun hendak mati. Saya hendak pastikan generasi saya akan hidup aman dan damai, tenteram — itu yang penting . . . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Arau! Arau!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . . . saya tidak mahu mempolitikkan. Ya, silakan Yang Berhormat mana-mana satu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sedikit penjelasan . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Seorang sahaja, ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: . . . . . penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: . . . . . daripada Arau. Tadi bila Timbalan Menteri . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Jerai!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebenarnya matlamat mereka untuk menghujah sesuatu itu ataupun mengeluarkan takrif yang baru, ayat-ayat yang baru ini matlamat sebenarnya ialah 'kerusi di dalam Dewan Negeri dan di dalam Dewan Rakyat'. Adakah Yang Berhormat bersetuju dan dalam manifesto PAS, manifesto PAS ini ada pada saya, dia mengatakan "apabila PAS memerintah dia akan kurang segala elaun-elaun". Saya hendak tanya Yang Berhormat di Kelantan ini, elaunnya kurangkah ataupun ada yang tidak ambil langsung? Saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat minta penjelasan sebab saya bukan pakar daripada Kelantan. Jadi Ahli dari Pasir Mas akan jawab sekejap lagi tentang elaun-elaun pada Kelantan *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, kalau diberi peluang bercakap lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rendah diri saya hendak sebut Yang Berhormat semua, kita sporting. Bila orang bercakap begitu saya tunggu, kadang-kadang walaupun saya tidak berapa sihat, sampai terlelap-terlelap dibuatnya, saya tunggu kerana menghormati. Tetapi apabila saya bercakap dia keluar, malah di hari ucapan Belanjawan, hari ucapan yang penting Ahli Yang Berhormat dari Marang tidak hadir. Bagaimana kalau dia tidak hadir dia hendak beri ulasan tentang Belanjawan? Itu sebab ucapannya hanya menyentuh tentang Bina Insan, yang saya akan sampai ke peringkat tersebut. Tetapi saya hendak sebut mengenai pelancongan, sebab Tumpat tadi menyebut perkataan "telanjang". Dia kena perjelaskan supaya umat Islam faham, apakah konsep "telanjang" yang dimaksudkan? Apa konsep "pelancongan" yang dimaksudkan? Apakah orang PAS melancong ke Golok itu dianggap cara Islam? Saya tahu, saya selalu pergi ke Golok, sebab saya selalu pergi ke Pengkalan Kubur. Saya selalu pergi ke sana dan saya tahu ramai orang PAS yang selalu pergi ke Golok . . . . . .

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Silakan. Sebab saya hendak beritahu Yang Berhormat dari Marang dan kawan-kawan PAS semua, bahawa orang Barisan kalau dia bercakap, dia tetap hadir, dia beri peluang seluas-luasnya, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Marang, bila kami Barisan Nasional bercakap, langsung tidak beri. Apakah itu Islam, dan apakah di antara Islam saya dengan Islam dia, siapa lebih adil, saya hendak tanya Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam orang tidak pernah 'jack' diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Arau mengatakan 'tidak ada' orang telanjang di Cherating. Hal Cherating ini untuk saya, saya tidak ada gambar, tetapi saya boleh buktikan. Saya akan cari gambar yang saya telah diberi. Saya hendak cari balik di mana gambar pelancong 'telanjang bulat' di Pantai Chenang, Langkawi. Saya berjanji saya akan beri kepada Yang Berhormat Arau gambar orang putih telanjang di Pantai Chenang. Ini hendak membuktikan bahawa ada pelancong-pelancong 'bertelanjang' di negeri kita, yang larangan untuk 'telanjang' barangkali tidak kuat dikenakan kepada mereka. Jadi, apakah Yang Berhormat dari Arau setuju ada bukti yang pelancong-pelancong ini datang bertelanjang di tempat-tempat yang tertentu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kalau betul apa Yang Berhormat cakap itu, mereka ini telanjang, undang-undang kita tidak benarkan telanjang, tetap pasti saya akan menyokong supaya tindakan diambil kepada mereka yang telanjang di khalayak ramai. Bukan sahaja di khalayak ramai, ada setengah negeri yang bercium di khalayak ramai pun kita boleh ambil tindakan, kalau sekiranya dia bukan muhrim. Tetapi kalau suami-isteri takkan hendak bercium depan orang ramai, dia pergilah cari bilik masing-masing. Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat telah sekali lagi melanggar peraturan undang-undang negara. Yang Berhormat menyimpan gambar telanjang! *(Ketawa)* Saya minta Menteri Dalam Negeri . . . . . Ah! Menteri Dalam Negeri ialah Perdana Menteri — payah! . . . . .

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Sebenarnya orang UMNO yang beri kepada saya dan orang UMNO itu simpan balik. Saya akan cari daripada orang UMNO itu untuk diberikan kepada orang UMNO. Dia ada di Alor Setar, orang UMNO Alor Setar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kita tidak boleh main-main dalam perkara ini. Kalau Yang Berhormat bercakap benar, alhamdulillah, dan saya ingat kita akan sama-sama menyokong. Tidak payahlah sebut UMNO atau PAS sebab kalau orang UMNO, dia tidak akan bagi kepada Yang Berhormat. Kalau orang PAS, saya rasa, dia tidak akan bagi, lebih-lebih lagi orang UMNO amat mengenali siapa Tuan Mohamad Sabu, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ini. Kita cukup kenal! Kita tidak akan bagi apa-apa kepadanya. Sebab apa? Bila dia dapat A, dia akan kata B, C, D, E, F sampai X, sebab dia pandai mengulas. Tetapi walau bagaimanapun, Yang Berhormat tidak dapat menafikan bahawa Ahli Yang Berhormat telah melanggar peraturan negara dengan menyimpan gambar telanjang. Sepatutnya Yang Berhormat ambil gambar telanjang itu bagi kepada polis dengan serta-merta untuk diambil tindakan. Tetapi mungkin Ahli Yang Berhormat juga seronok menengok gambar telanjang maka Yang Berhormat simpan. *(Ketawa)*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Arau, ini soalan serius. Saya sudah muak mendengar cerita atau apa yang dibangkit oleh PAS bersabit dengan soal akhlak, moral dan menuduh pihak-pihak lain tidak bermoral dan tidak berakhlak serta mendedahkan macam-macam cerita yang mengaibkan orang walaupun tidak betul.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, selain daripada cerita telanjang yang dibawa oleh pemimpin PAS yang begitu prihatin kepada akhlak dan moral ini, saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat sedar apa yang berlaku terhadap Setiausaha PAS kawasan Pasir Puteh dan Setiausaha Dewan Muslimat PAS Pasir Puteh? Apakah itu tidak pesta telanjang sehingga hampir ditangkap oleh pihak pencegah maksiat dan akhirnya diarah meletakkan jawatan oleh Menteri Besar Kelantan? Apakah itu yang dipanggil helwa Islam mengikut PAS? Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Masya-Allah, astaghfirullahilazim. Apakah ini pun telah berlaku dalam pejabat PAS Yang Berhormat, di mana Setiausaha PAS Pasir Puteh melakukan sedemikian rupa? Tetapi tidak apa. Kita orang UMNO, orang Barisan tidak mengambil kesempatan politik dalam hal ini. Kalau betul mereka telah melakukan kesalahan, melakukan zina, ambil tindakan, Yang Berhormat! Jangan biarkan! Suruh mereka bertaubat. Walaupun kita mempunyai banyak bukti yang menunjukkan orang PAS melakukan zina, khalwat di kampungnya sampai terjun tingkap, ...

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya! *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, dia terjun ikut tingkap tidak pakai seluar!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak pakai seluar?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tok Imam PAS!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tok Imam PAS di kampung Yang Berhormat di Jerai — kita ada bukti — terjun ikut tingkap, tidak sempat pakai seluar kerana baru melakukan perkara-perkara yang berlawanan dengan Islam. Walau bagaimanapun, kalau lelaki dan perempuan tidak memakai baju, kita sedia maklum apa yang berlaku di antara mereka. Walau bagaimanapun, kita tidak pernah mengambil kesempatan di Parlimen ini untuk mendedahkan sesiapa sahaja di mana-mana perjumpaan. Tetapi Yang Berhormat Ahli Nilam Puri, Yang Berhormat Buniyamin yang baru balik dari kawasan Parit Sulong semalam, habis-habisan dia bantai kita sampaikan dia tahu macam mana kes Rahim Tamby Chik!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Boleh beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tahu, saya tak bawa pun tetapi mereka bawa habis-habisan . . . . . Yang Berhormat hendak tanya lagi? Orang yang paling suka sekali menuduh orang ialah Yang Berhormat! Yang Berhormat tuduh ketua cawangan saya 'jaybond' sementara itu. Saya akan balas balik! Nanti sekejap.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soal di sini bukanlah soal UMNO atau PAS. Kita kira, siapa yang melakukan kesalahan, dakwa. Soal yang kita bincangkan adalah masalah perlindungan. Tadi Yang Berhormat Arau sebut pihak tuan semua tidak pernah memfitnahkan sesiapa. Sedarkah Yang Berhormat, bahawa di dalam pilihan raya kecil di Jerai, Parit Kecil di Jerlun, penceramah-penceramah termasuk Setiausaha Parlimen menyebut bahawa Ahli

Parlimen daripada PAS berkahwin dalam keadaan mengandung 3 bulan? Tetapi sampai sekarang Ahli Parlimen berkenaan isterinya tidak mengandung dan fitnah ini bersiri sehinggalah pilihan raya Lundang baru-baru ini. Kenapa pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Timbalan Perdana Menteri tidak menegur anak-buahnya di segi melemparkan fitnah kepada Ahli Parlimen PAS yang tertentu itu? Sampai sekarang sudah berkahwin dekat dua tahun tidak beranak juga orang berkenaan. Ini Arau hendak nafi boleh! Hendak berlawak dalam Parlimen. Tetapi kita ada tape, kita ada kaset macam juga saudara ada tape dan ada kaset terhadap ucapan saya. Kita boleh sebut seorang-seorang yang memfitnahkan Ahli Parlimen daripada PAS yang mengatakan 3 bulan mengandung kemudian selepas itu baru kahwin. Sedangkan tak beranak sampai hari ini isteri mudanya itu. Minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat fahamlah, orang perempuan ini kadang-kadang tidak beranak itu disebabkan gugur dan sebagainya. *(Ketawa)* Kita tidak boleh kata apabila orang perempuan itu mengandung 4 bulan lepas itu kahwin kemudian tidak beranak. Orang perempuan, kita fahamlah, kita tidak payah sebut perkara itu berpanjangan Yang Berhormat. Tetapi saya tertarik hati sebab Yang Berhormat selalu simpan tape. Ada Yang Berhormat simpan tape sayakah? Saya tidak pernah simpan tape Yang Berhormat sebab saya hanya simpan tape pemimpin-pemimpin kerajaan yang ucapannya cukup bernas. Tape yang mengata orang ini, "hang hendak kata orang, katalah. Hang berdosalah dengan Allah S.W.T." saya kata. Saya tidak pernah simpan tape, saya tidak berminat pun dengan tape. Itu sebab di mana-mana saya berucap mana saya ada sentuh pemimpin PAS. Tiada! Saya cuma tegur mereka supaya menghentikan perkara-perkara yang menyebabkan fitnah dan sebagainya.

Yang Berhormat, lagi satu saya hendak sentuh ialah ucapan Ahli Yang Berhormat dari Marang. Kemudian Ahli dari Marang juga walaupun dia tidak sebut, sebab ini 46. 46 sudah mula mengIslamkan diri. Ini saya tidak tahulah. Ahli dari Kota Bharu menyebutkan bilakah kerajaan akan mengIslamkan hotel-hotel di seluruh negara sebagaimana yang telah diIslamkan hotel-hotel di negeri Kelantan. Bila saya bercakap hari itu, masa tak cukup dan hari ini saya hendak ulas balik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, minta duduk sekejap sebab ini hotel di Tumpat. *(Ketawa)*

Apakah yang disebutkan hotel bercorak Islam di Kelantan? Tolong perjelaskan kepada saya? Apakah orang-orang Kelantan atau setengah daripada orang-orang Kelantan juga tolong mengIslamkan hotel-hotel di Golok sebab mereka yang ramai pergi ke Golok. Ini termasuklah PAS dan Barisan Nasional dua, tiga orang. Tetapi saya hendak sebut ini ialah fasal mengIslamkan hotel di Kelantan. Saya hendak sebut Hotel Murni. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, Hotel Murni sempat diIslamkan ataupun tidak? Yang Berhormat dari Nilam Puri walaupun Yang Berhormat orang belah sana, belah saya, tetapi nasib baik dia menjadi Wakil Rakyat belah Kelantan dan lepas ini, oleh kerana Yang Berhormat menyokong Ahli Yang Berhormat dari Marang, supaya Yang Berhormat terus . . . . . Saya ingat eloklah orang Kelantan sebab dia bagus, pandai mengata orang. Saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat pernahkah pergi ke Hotel Murni? Di Hotel Murni orang perempuan menggunting rambut dan gali-gali telinga bagi seronok — gunting rambut dua, tiga jam — yang bergunting rambut itu mana ada orang perempuan. Yang bergunting rambut

itu orang lelaki, kemudian dalam masa yang sama jual arak. Jadi, apakah Yang Berhormat menganggap bahawa Hotel Murni ini Islam? — Ada karaoke. Karaoke itu Islamkah? Jadi, tidak bolehlah. Tetapi tidak apalah sebab yang bercakap ini 46 dan bercakap pula Ahli dari Kota Bharu. Kita bukan tidak kenal dia dahulu! Dia yang bercakap dan bukan orang PAS yang bercakap. Jadi, kita tidak boleh kata apalah.

Tuan Yang di-Pertua, orang ini kadang-kadang, ada 'tok alam', saya sudah sebut dua, tiga kali 'tok alam' ini. Maknanya kurang sedikit dalam penghayatan Islamnya tiba-tiba dia hendak menghayati Islam dan dia lebih teruk daripada ulama itu sendiri. Itu sebab orang kata 'tok alam' ini tiba-tiba dia hendak masuk, dia masuk tarikat terus. Ada kawan saya yang masuk tarikat yang sekarang ini sedang diperbetulkan dan ada kawan saya daripada kita kenal siapa dia, tiba-tiba dia masuk Arqam. Jadi, tiba-tiba hendak masuk tarikat terus. Demikian juga 46 tadi, daripada zero tiba-tiba dia hendak menghayati Islam sampai dia hendak mengIslamkan hotel di seluruh Kelantan, termasuk paku, tembok, lantai dan sebagainya yang saya rasa dia kena beli daripada orang Islamlah. Saya tidak mahu cakap yang itu tetapi saya kata, bila hendak bercakap tentang Islam, semua boleh. Yang Berhormat Menteri Undang-undang, apa sebab semua ini berlaku? Saya hendak tanya Menteri Undang-undang fasal apa ini berlaku? Berlakunya kerana Menteri Undang-undang atau Menteri Dalam Negeri membenarkan sebuah parti politik menggunakan nama Islam. Tidak lain dan tidak bukan. Walaupun saya tidak perlu sebut berkali-kali di Parlimen ini, tetapi saya tidak pernah mendapat jawapan yang tepat, Tuan Yang di-Pertua. Maka saya hendak bertanya balik. Sahabat-sahabat saya di belakang, penyokong-penyokong PAS di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat. Kawasan saya di kampung saya; di kampung dia di Terengganu, orang PAS masih menganggap bahawa masuk PAS itu adalah tiket untuk pergi ke syurga. Yang Berhormat tak boleh bercakap, nak buat macam mana! Sedarkah ataupun tidak? Kita sedar ataupun tidak bahawa setengah daripada orang PAS di bawah masih menganggap bahawa PAS dengan Islam itu sama. Kita sedar ataupun tidak ada pengikut-pengikut PAS yang menganggap bahawa siapa yang masuk UMNO itu adalah kafir. Siapa yang mula mengeluarkan fatwa itu, tidak lain dan tidak bukan ialah Ahli Yang Berhormat dari Marang. Hak yang ini tape boleh simpan. Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, saya rasa Ahli Yang Berhormat ada simpan tape itu — saya tahu dia seorang yang baik, seorang yang sentiasa terbuka, bawa mari tape di mana Ahli Yang Berhormat dari Marang mengeluarkan fatwa bahawa siapa masuk UMNO itu kafir, beri kepada kita. Kita hendak memperbetulkan, kita hendak muzakarah macam Ustaz Asaari supaya diperbetulkan. Ustaz Asaari kata kalau kita bermuzakarah, insya-Allah yang tak betul boleh diperbetulkan. Tadi dia menyebut perkataan kerajaan harus bermuzakarah dengan orang PAS, elok sekali. Tetapi kerajaan juga bertanggung-jawab sebab kerajaan juga mesti membetulkan perkataan 'PAS' itu, sebab 'PAS' ini bukan Islam, PAS adalah sebuah parti, Islam itu agama. Sebab itu kita tak mahu ini. Yang depa ini tak apalah, sudah cerdik, sebab itu dia boleh datang ke Parlimen dan sebagainya. Tetapi bagaimana orang-orang lain. Ada seorang, depan rumah saya di Tambun Tulang — itu Buniyamin selalu pergi. Yang Berhormat dari Nilam Puri tahu, namanya Ramli, orang panggil 'Pak Meli', dia masih menganggap keluarga saya kafir sebab masuk UMNO. Sebab dia kata Ustaz dari Marang beri fatwa, dan dia

antara pengikut yang setia, tiap-tiap minggu sekurang-kurangnya sebulan sekali dia akan sewa van untuk pergi ke Rusila untuk mengikut ceramah-ceramah menambahkan fitnah dan juga merosakkan pemikiran.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Marang perbetullah orang-orang PAS ini. Tetapi bila dia balik daripada Marang, balik daripada Rusila, dia lagi teruk. Ada kakak ipar saya selalu pergi masjid di waktu pagi, dia selalu jumpa. Saya kata, jumpa, jumpalah, jangan beri dia mengorat. Kalau mengorat, saya tampar, tak peduli, saya kata. Besar mana orangnya saya tak hairan. Dia kata, 'hang ini bagus, hang seorang sahaja, tetapi laki hang tak pernah mari. Dia kata, 'duk mai masjid tak berhenti, tetapi hang payah nak masuk syurga sebab hang masuk UMNO'. Ini orang PAS kata!

Bagaimana orang PAS yang telah meninggal dunia dahulu? Tak tahulah sekarang ini mereka sudah perbetul. Orang PAS yang telah pun meninggal dunia dengan pemikiran masuk PAS tiket masuk syurga. Yang Berhormat Menteri Undang-undang pakatlah dengan Menteri Dalam Negeri tolong fikir. Semua orang PAS mesti bersetuju, mari kita bermuzakarah tukarkan perkataan PAS supaya jangan jadikan parti PAS itu sebagai parti Islam, tetapi jadikan nama parti PAS itu bukan nama Islam. Sebab kita kena ingat bahawa Islam itu agama. Saya pun orang Islam, dia pun orang Islam.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kena minta penjelasan daripada dia.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan. Ada satu peristiwa, Tuan Yang di-Pertua, apabila ada seorang penyokong PAS meninggal dunia dalam kawasan saya, Tok Imam PAS baca talkin. Lepas baca talkin, dia tepuk atas kubur, dia beritahu *(Sambil menepuk meja)* 'ini orang kita'. Dia beritahu pada Malaikat, 'ini orang kita, PAS'. *(Ketawa)* Jadi, puak-puak lain seronok, makna dia beritahu ini orang kita semua masuk syurga. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju ajaran Quran dan Islam ada kata macam itu suruh tepuk atas kubur beritahu kepada Malaikat ini. Saya rasa tak sempat Tok Imam balik, pok! dia kena — hak bawah itu. *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Demikianlah Tuan Yang di-Pertua laporan-laporan mutakhir tentang perkara-perkara yang melanggar akidah. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini menyebutkan dia ada 16 — Perdana Menteri pun sebut sendiri ada 16 ajaran-ajaran sesat yang menyesatkan umat Islam di negara ini yang perlu diambil tindakan serta-merta — tidak langsung menyebut PAS. Termasuk PAS, Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: *(Keluar dari Dewan)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dia hendak keluar sekejap, saya tahu, saya akan jumpa di luar. *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, termasuk PAS!

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ada lagi, sekejap. Dengan menyambung inilah berita-berita khurafat yang telah berlaku di kalangan pemimpin PAS. Semangatnya bagus, saya cukup sanjung kepada orang PAS ini kerana semangatnya tinggi, bagus, tak payah beri duit pelekat poster, mereka

pelekat poster, tetapi kadang-kadang duit dia ambil juga. Dia ambil duit semasa derma fisabilillah itu, dia pun ambil juga. Jangan-jangan dia tak beri di sana, dia ambil dekat dia, saya tahu ada budak kampung saya, PAS, dia cukup banyak duit. Bila orang kutip duit, dia pun kutip duit. Bila dia balik, dia balik ke rumah terus. *(Ketawa)* Ada juga, tetapi tak mengapalah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Yang Berhormat, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi, kata nak masuk syurga ini yang dinyatakan oleh PAS tadi mesti ada pasport PAS. Saya hendak bertanya bilakah tarikh penubuhan PAS — sebelum penubuhan parti PAS ini, semua orang tak masuk syurgakah? Saya hendak bertanya, tidak ada orang lagi masuk syurgakah?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini pemikiran yang cukup constructive. Bertepat sekali, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum PAS ditubuhkan — yang tubuh PAS, UMNO juga pun. Kena ingat asal usul PAS siapa yang mula tubuh. Asalnya daripada UMNO juga. Jadi, sebelum orang masuk PAS itu, apakah tiketnya untuk masuk syurga? Ini yang kita pening, kita hendak perbetul. Ini bukan saya hendak mempolitikkan isu, tidak. Saya tidak akan bersyarah — Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri yang bijaksana, saya tak akan pergi bersyarah, tidak ada punya. Tetapi yang penting di sini siapa hendak memperbetulkan akidah. Yang Berhormat dari Nilam Puri you pun bertanggungjawab sama tahu! Sama-sama kita bertanggungjawab. Saya sudah cuba perbetul. Dia kata orang UMNO bercakap tak payah, busuk! Dia kata pada saya macam itu. Sebab saya ingat banyak orang PAS ini kadang-kadang terlampau taksub, saya kata ini parti gangsterkah. Dia tahan kereta saya hendak katok saya, saya kata ini parti gangster, bukan parti Islam.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Marang yang menyebut tentang perkataan jawi, betul. Saya hendak bawa kisah cerita Yang Berhormat dari Pendang. Sekejap lagi saya hendak sentuk kelab PAS Terengganu.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat hendak bertanya?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, saya ada satu versi yang agak sama dengan versi Kedah, iaitu di mana orang-orang dari kawasan saya bila berlaku kematian semasa pilihan raya tahun 1986, dia kata kepada orang PAS — di tapak tangan dia bubuh bulan, di belakang dia bubuh poster PAS, dan bila masuk ke dalam liang lahad, ditepuk keranda *(Sambil menepuk meja)* dia kata "Kir, Kir! jago, jago! orang kita ni". "Kir, Kir," makna dia beritahu kepada Mukar-Nakir, yang hendak pergi ini orang kita, itu! Dalam kawasan pilihan raya saya sendiri pun fatwa yang diberikan "haram menanam mayat orang PAS ini bersama dengan kubur orang-orang Barisan Nasional". Akibat itu, satu mayat ditanam dalam kebun getah dia sendiri sampai hari ini. Jadi, salah seorang anaknya perempuan hendak pergi melawat mayat si bapa telah ditampar oleh anak saudaranya yang jadi orang PAS. Dia kata orang kafir tak boleh tengok mayat orang, walaupun mayat ayah sekali pun. Jadi, saya rasa penyakit ini lebih berat daripada Arqam, saya ingat perlu diberi perhatian. Apakah Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, saya setuju. Dengan rendah diri dan bukan tujuan untuk hendak cari publisiti dan bukan tujuan Ahli-ahli Yang Berhormat hendak gelak pada saya ataupun sokong saya, tak perlu sokong, tak perlu gelak.

Ini benda yang serius yang berlaku di kalangan umat Islam yang saya rasa menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin PAS. Ini betul, Tuan Yang di-Pertua, Tok Imam kampung saya — Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, kampung saya nama Tambun Tulang ya. Tok Imam saya tak mahu mandi Ketua Pemuda UMNO saya yang meninggal dunia, kerana terkena racun rumput. Akhirnya Pejabat Agama buang dia kerana alasan tua, bukan tua; sebab dia tak mahu mandi mayat. Sebab apa, sebab Ketua Pemuda itu ialah UMNO, dia tak mahu mandi mayat. Sekarang dia pun sudah meninggal dunia, kita doakan semoga Allah mencucuri rahmat kepadanya. Tetapi yang penting, Tuan Yang di-Pertua, Tok Imam sendiri taksub bahawa yang masuk UMNO itu walaupun mereka boleh berkawan dengan DAP yang kawan-kawan saya sebut tadi, halal, dengan orang UMNO haram! Ini saya hendak perbetulkan kerana di antara sebab utamanya kerana orang menganggap bahawa masuk PAS jadi agama Islam. Saya tahu ada pegawai-pegawai kerajaan di sini seorang dua yang bersimpati dengan PAS, mereka tak setuju, saya tengok muka saya tahu saya kenal dua tiga orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, mereka bersimpati dengan PAS, sokong PAS — tak mengapa — hak mereka dalam negara demokrasi. Tetapi mereka takkan bersetuju dengan pendapat yang mengatakan masuk PAS itu Islam, Islam itu PAS! Mereka tak bersetuju! Tetapi apa mereka boleh buat, mereka pegawai kerajaan, hendak berhenti masuk politik tak dapat makan, jadi mereka terus bekerja dan berdoa semoga benda ini diperbetulkan. Tetapi kita kena ingat, lagi satu Tuan Yang di-Pertua, dua Imam saya telah jelas dengan panjang lebar walaupun bukan di bawah tajuk tetapi disebabkan hari ini tajuk yang paling sesuai. Tetapi yang paling kita kena ingat di sini mereka memisahkan orang Islam sesama Islam.

Saya tak tahu saudara-saudara di sana penyokong kuat Nilam Puri dan juga Marang sama ada mereka pergi ke Perlis ataupun tidak? Di Perlis di Kampung Darat, ada sebuah masjid dan di depan masjid itu ada tanah. Tanah itu tanah bapa saudara saya dan saya di antara pewarisnya, tetapi sebab bapa saudara saya ini seorang PAS, orang PAS selalu pergi pujuk dan sebagainya, tiba-tiba saya berada di luar negeri, sibuk masa itu enam bulan saya tidak pergi melihat dia. Bila saya pergi tengok-tengok PAS sudah buat bangunan pejabat PAS di belakang rumah di tanahnya itu. Sekali gus, PAS menubuhkan pula kelab kenduri mereka — kenduri telah berasing, buat khairat kematian juga berasing. Tiba-tiba pak kemenakan saya meninggal dunia. Pejabat PAS sekarang berada dalam tanah yang saya salah seorang dari pewarisnya. Ini apa yang hendak jadi, ha! Kalau saya seorang yang gila-gila bahasa macam setengah pemimpin PAS, habis sudah saya kapakkan bangunan itu.

Ada juga pemimpin PBS dahulu bangunan UMNO semasa pilihan raya dihambat keluar — tak sporting betul! Saya kata, selagi PAS tidak melanggar akidah Islam, selagi dia tak membuat fitnah, dia boleh duduk di atas tanah bapa saudara saya. Tetapi apabila dia mula menukar ke arah perkara-perkara yang boleh memecahkan umat Islam, saya terpaksa keluarkan mereka. Tetapi saya tidaklah hendak pergi hambat macam orang gila sebab Tuan Yang di-Pertua kawan baik saya, seorang bekas Hakim Mahkamah Tinggi, saya akan buat dengan cara undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah hebatnya pemimpin Barisan Nasional, bukan sayalah, kawan-kawan saya yang lain. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, ini memecah-belahkan umat Islam, saya hendak minta tolonglah, Tuan Yang di-Pertua seorang

penulis buku, sebab Tuan Yang di-Pertua seorang yang mempunyai pemikiran yang cukup liberal, perpecahan umat Islam sekarang ini berlaku kerana kepercayaan tadi, kepercayaan PAS dan Islam itu disamakan. Di kampung-kampung yang kuat PAS, dia mesti ada dua syarikat kenduri, satu UMNO, satu PAS. Dia mesti ada dua syarikat khairat kematian, satu UMNO satu PAS. Tetapi yang UMNO ini, oleh kerana mereka mendapat latihan daripada Biro Tatanegara dan sebagainya, mereka cerdik. Walaupun orang PAS mati, mereka pergi — orang PAS kenduri kalau panggil kita pergi, sebab mereka dilatih bukan sahaja oleh Biro Tatanegara tetapi jiwa dan semangat kelslaman mereka bukan Islam yang melulu tetapi Islam yang sentiasa bertolak ansur, pemikirannya terbuka — sejagat.

Demikian juga di Terengganu, bukan sahaja itu dia ada dua Imam. Orang UMNO ini walaupun orang PAS jadi tok Imam dia sembahyang, di kampung saya tok Imam PAS walaupun semua ahli jawatankuasa masjid ke bawah semua UMNO tetapi tok Imam itu PAS. Saya sendiri mencadangkan supaya tok Imam PAS itu jadi tok Imam, dia sembahyang saya ikut. Tetapi di Terengganu, kalau orang UMNO jadi Imam, PAS tak ikut — tetapi kalau orang PAS jadi Imam, UMNO ikut. Ada juga orang UMNO yang pergi ke masjid Rusila, mendengar Ahli Yang Berhormat dari Marang dan bersembahyang dengannya.

Jadi, apa perbezaan, apa hikmah apakah kekuatan seseorang itu bila dia masuk PAS, apabila dia masuk PAS sahaja, ilmunya tentang agama Islam melombak-lombak, berluak-luak — macam tulisan jawi Ahli Yang Berhormat dari Marang sebutkan tadi, sungguh menarik perhatian saya. Saya cerita di Parlimen ini tetapi yang hendak quote ini, saya cerita Ahli Yang Berhormat dari Pendang ini — seorang PAS, seorang yang suka mencuri lembu, kerbau, gerek (basikal) dan sebagainya, tiba-tiba dia masuk PAS lepas itu dia pun pergi belajar agama.

Selepas tiga bulan dia pun rasa qualified, mereka panggil dia Ustaz, dia pun hendak pergi belajar agama. Dia ambil sebuah kitab lama, Tuan Yang di-Pertua, saya ulang balik — kitab lama hak tulisan jawi lama itu — dia kata apabila kita melakukan hubungan dengan isteri kita, kita mesti mandi hadas. Bila kita mandi hadas, kita mesti membasahkan seluruh badan kita termasuk bulu 'rom'. Itu tulisan jawilah — bulu 'rom'. *(Ketawa)*

Jadi, ada seorang orang UMNO ini bertanya — orang tualah, orang tua ini tak kira PAS atau UMNO Tan Sri, dia mendengar orang memberi ceramah agama, dia pergi dengarlah: "Bulu rom itu apa, Ustaz?" "Bulu rom itu bulu daripada syurga!" *(Ketawa)* Demikianlah apa yang berlaku dalam tulisan jawi yang diikuti oleh orang PAS sampai bulu 'rom' dengan bulu 'roma' tak dapat dibeza. Jadi, bila orang dengar kata bulu 'rom' bulu daripada syurga, habis orang PAS dengan orang UMNO lari keluar.

Ini cerita betul, Tuan Yang di-Pertua, saya berlaku di Pendang. Ahli Yang Berhormat dari Pendang boleh menafikan kalau sekiranya saya bercerita tak betul. Demikianlah adanya berhubung dengan PAS, Tuan Yang di-Pertua, saya minta oleh kerana ucapan Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi tidak menggambarkan keadaan sebenarnya Belanjawan kita, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri . . . . .

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Pendang bangun Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Oh! Pendang.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang cerita itu berlaku di kampung saya. Nama pun saya tidak mahu beritahulah kerana 'aib'. Tetapi cerita Ahli Yang Berhormat dari Arau itu tak habis. Apabila kawan ini bertanya: "Apa itu bulu rom, Ustaz?" Maka Ustaz itu menjawab: "Bulu rom ini adalah sejenis bulu yang terlekat pada burung di syurga". Jadi, ada seorang lagi bertanya, dia kata: "Ustaz! apa ada kaitan mandi hadas dengan bulu rom di syurga itu?" Ustaz ini kata: "Sesiapa yang banyak bertanya, kurang iman!" *(Ketawa)* Itulah ceritanya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Demikianlah cerita yang setepatnya, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Tetapi, saya sudah sebutkanlah yang saya hendak memberi penekanan tadi fasal bulu 'rom' tadi. Bulu rom itu Ahli Yang Berhormat dari Kepong 'romalah'. Tetapi sebab tulisan jawi lama, walaupun dia mengerti baca jawi, tetapi kalau dia baca jawi buku itu, Tuan Yang di-Pertua, dia akan sebut bulu 'rom' juga. *(Ketawa)* Jadi Ustaz Kepong juga akan menyebut bulu 'rom'. Sebab bahasa itu juga mengalami perubahan dari masa ke semasa seperti budaya.

Akhir sekali, ini untuk PAS, ini belum masuk lagi Ketua Pembangkang. Akhir sekali, berhubung dengan PAS sebab saya tidak mahu melanjutkan masa tetapi hari ini saya bebas bercakap sehingga tak kira masa, saya akan sambung sehingga selepas Deepavali nanti *(Ketawa)* iaitu yang telah disebutkan tentang 'Bina Insan'. Bahawa kerajaan tidak memperseimbangkan Belanjawan di antara rohani dan jasmani, di antara keduniaan dan kebendaan dan juga akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, apakah tugas ini tugas kerajaan? Apakah tugas ini tugas yang harus dilemparkan kepada kerajaan semata-mata? Kita kena ingat bahawa program yang telah dibuat oleh kerajaan harus dibaca daripada sini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh hantar sebuah buku, Tuan Yang di-Pertua, boleh tengok ini hak benda bulat-bulat ini — Laporan Kementerian Kewangan. Kerajaan membelanjakan wang ini untuk tujuan sosial sebanyak 7.7% daripada Belanjawan yang besar itu diberikan kepada perkhidmatan sosial yang pasti sudah memberi penumpuan kepada pembinaan insan. Kenapa ini tidak diperjelaskan? Jadinya, dia harus dalam ucapannya mencadangkan kepada kerajaan, bukan mengkritik macam itu, cadangkan kepada kerajaan apa yang kerajaan harus buat.

Kalau saya jadi Pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan, saya akan cadangkan. Kritik itu sebenarnya bukan kena kepada kerajaan sahaja — kena kepada diri sendiri! Apakah tidak ada anak orang PAS yang jadi bohsia, Tuan Yang di-Pertua? Apakah tidak ada anak orang PAS yang pergi melepak? Bila kita mula menyebut tentang kekejian negatif ini, kita kena ingat sebenarnya kita ludah ke langit jatuh ke muka kita sendiri. Bukan kerajaan sahaja, semua pihak di Malaysia harus bertanggungjawab. ini seolah-olah, bila berlaku gejala sosial ini kekejian itu jatuh kepada pihak kerajaan sahaja.

Sekali lagi saya isytiharkan bahawa saya adalah Pengerusi PEMADAM Perlis, Pengerusi Pusat Jagaan Lanjutan dan Pengerusi Pusat Serenti. Banyak anak orang PAS yang masuk ke sana. Tidak payah sebutlah kerana benda ini benda aib. Saya boleh memberi senarai kepada Ahli Nilam Puri untuk dia beri ceramah membetulkan mereka. Orang macam ini,

bila dia bersyarah, orang dapat semangat, akan sokongan PAS, tetapi orang penagih dadah, bersyarahlah macam mana pun dia akan berdengkur, sebab bagi dia dunia-dunia tentang semangat sudah habis.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada sahabat saya dari Arau, sama ada beliau ada mendengar ataupun terdengar ceramah-ceramah daripada pemimpin PAS bahawa mereka juga cuba mencari jalan untuk 'address' ataupun membantu umat dalam mengatasi masalah-masalah sosial dalam negara ini?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak pernah dengar, bila dia beri ceramah, dia akan pasti menyebabkan permusuhan berlaku di kalangan umat Islam. Tia-tiap kali orang PAS datang ke kampung saya, pastilah jiran saya yang baik dengan saya tidak akan bercakap 6 bulan. Tahniah kepada Yang Berhormat Buniyamin dan Yang Berhormat Nilam Puri, tetapi dia datang ke Perlis dia tidak akan berani bercakap banyak sebab keluarga dia ada di Perlis, dia cakap lebih-lebih, dia tahulah, orang Perlis pun bukan kecil punya anak, banyak juga orang pergi tidak balik, dia kena ingat itu. *(Ketawa)* Tetapi tiap-tiap kali pemimpin PAS datang memberi ceramah, orang Islam akan berpecah. Apakah ini tugasnya?

Saya bukan apa, saya bukan hendak mencerca Yang Berhormat, saya hendak minta tolong, bila orang PAS beri ceramah berilah ceramah yang boleh menyelesaikan masalah sosial, masalah bohsia. Tetapi bila Nik Aziz datang ke Perlis baru-baru ini, bukan dia hendak selesaikan masalah bohsia, kerana kerajaan — 'bohsia' jadi — dia cakap macam itu. Sepatutnya tugas menyelesaikan masalah bohsia ialah tugas dia bersama. Ada orang DAP yang bagus-bagus, seorang, dua.

Tuan Othman bin Abdul: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Pendang bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Arau sedar bahawa sekarang ini semua peranan dimainkan oleh kerajaan termasuklah dalam usaha untuk membentuk manusia insan kamil?

Keduanya, dalam Al-Quran, Tuhan menyatakan *(membaca ayat Al-Quran)* yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jaga diri kamu dan ahli-ahli keluarga kamu daripada api neraka". Jadi, sepatutnya, apa Yang Berhormat sebutkan itu adalah betul. Boleh huraikan sedikit lagi?

Tuan Shahidan bin Kassim: Mengenai bahagian itu . . . . . jangan ketawa kepada saya Yang Berhormat, saya pun bukan jahil. Kita mengaji sama sahaja, Yang Berhormat masuk PAS orang panggil ustaz, tetapi kalau Yang Berhormat duduk dalam UMNO — tidak ada, macam saya juga, mengaji lebih kurang sahaja, Yang Berhormat bukan mengaji sekolah agama. Jangan ketawakan saya, saya juga belajar agama. Pak saya tok lebai, bukan tok aji — lebai ini dia alim dahulu baru dia pergi Mekah. Lebai Kassim yang buka pondok di Pendang. Kalau hendak tahu, sekolah pondok di Pendang, pondok Tuan Haji Hamid itu ialah pak kemenakan saya di mana bapa saya menjadi tok guru — hebat jugalah, makna kata bukan anak jahil. Jangan ketawakan saya, tidak baik.

Saya hendak sebut di sini — kita sesama Islam, kita ini bersaudara. Kena ingat yang itu, kita ini bukan bermusuh, tetapi Yang Berhormat kadang-kadang bawa orang PAS datang ke sini, Yang Berhormat hendak perkenalkan kepada saya pun tidak berani, takut — sebab tangan saya ini kadang-kadang boleh mempengaruhi mereka dan sebagainya. Saya tidak pernah buat demikian — sudah balik dah orang Kota Setar. Tadi orang dari Kota Setar, tok imam yang datang

semua itu adalah tok imam PAS yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Setar — dia bawa orang PAS, beri dia dengar Ahli dari Marang bercakap, tetapi bila setengah jalan, mereka kata, kami hendak keluar. Mereka tidak tahan dengan cara depa — benda yang sama, pergi kampung kami — maki, dok di Parlimen pun — maki.

Kita sesama Islam adalah menjadi tugas kita, sekarang saya hendak minta Yang Berhormat Mohamad Sabu, saya hendak beri satu ceramah UMNO saya minta dia hadir. Saya hendak buat — hadir. Beri ceramah tentang masalah sosial, bagaimana kita hendak selesaikan. Yang Berhormat datang, orang UMNO tidak ada masalah, cukup baik, dia tidak 'boo' punya. Tetapi ada pernah sekali orang PAS — dia ini student, saya pun terkena, dia panggil ceramah — saya dengan India, dia dengan Mohamad Sabu, mujur dia selamatkan saya, kalau tidak mungkin orang PAS baling batu kepada saya — itu saya tidak tahu.

Saya tidak tahu bahawa itu ceramah yang dianjurkan untuk orang PAS, saya pun pergi, dia pun pergi. Tetapi dia hendak selamatkan supaya orang PAS jangan marah atau 'boo' kepada saya, saya tidak tahu apa-apa, jadi, tengok-tengok semua orang tolak — semua duduk atas lantai, duduk sekejap — takbir "Allahu-Akbar". Saya kata "habislah aku". *(Ketawa)* Tetapi dia selamatnya saya, saya ucapkan terima kasih. Dia kata Yang Berhormat Arau ini bagus, satu hari dia akan masuk PAS. Depan orang PAS tidak apalah cakap macam itu, tetapi depan orang UMNO saya akan pertahankanlah. Saya hendak tunjukkan bahawa orang PAS tidak sporting, bila saya bangkit bercakap "booo", saya tidak tahu hendak buat macam mana, saya kata dan saya tengok ada seorang di depan ialah orang kampung saya, saya kata "ada juga orang PAS tikam ekor" — betul pun, dia orang PAS, orang kampung saya, dia pi tikam ekor. Tiap-tiap hari di Kampung Siam dia tikam ekor. Mulanya dia hendak menyorok daripada saya, dia diam sahaja — hendak saya beri nama? Terdiam dia, tetapi saya tidak mahu mengaibkan dia depan orang ramai, itu bukan tugas saya sebagaimana PAS dan DAP mengaibkan Rahim Tamby Chik depan orang ramai, walaupun tidak bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan masuk ke episod yang kedua berhubung dengan Ketua Pembangkang. Habis tentang PAS dan saya minta, marilah kita sama-sama bertaubat sesama orang Islam, kita perbetulkan pemahaman dan akidah. Yang Berhormat Nilam Puri tidak payah menganggap bahawa saya tidak serius. Saya bercakap ini kerana saya akan mati Yang Berhormat, semua orang akan mati, semua orang hendak masuk syurga, tetapi bukan pakai pasport PAS, pasport sebagai seorang Islam. Mari sama-sama kita perbetulkan — Yang Berhormat dan orang-orang PAS yang lain, mari kita bermuzakarah, perbetulkan semua akidah orang PAS. Orang UMNO tidak apalah, tetapi orang PAS yang menganggap PAS itu Islam, Islam itu PAS, mari perbetul. Mari kita pergi, kita hendak tunjukkan semua kampung, kita tidak akan ceritakan orang PAS berkhalwat, orang PAS berzina, orang PAS main filem "Made in Keratong", kita tidak akan bercerita. Kita tidak boleh bercerita, sebab itu fitnah — aib, habis.

Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, kita pergi kepada episod yang berikutnya sebab Ahli Yang Berhormat Pasir Mas akan menurut saya, tetapi dia kena ingat, selepas saya bercakap orang lain pula akan bercakap, dia tidak akan ada peluang juga.

Tuan yang di-Pertua, Ketua Pembangkang lagi sekali memeranjatkan pemikiran dan jiwa saya. Saya cukup terkejut kerana seorang Ketua Pembangkang yang se-

patutnya memberi hujah-hujah, dalam ucapannya 'yang bermuka-muka — saya pun balik buat ucapan, ucapan saya juga bermuka-muka — 30 muka, saya kata, kalau saya baca — tidak ada apa, sekarang ini saya kata biarlah, saya akan bincang di bawah Jawatankuasa nanti, tetapi hari ini biar saya ulaskan.

Saya terkejut dengan Ketua Pembangkang, dia tidak ulaskan Belanjawan dengan secara keseluruhan, cuma saya satu yang saya rasa saya puji orang DAP, dia kadang-kadang boleh puji juga sedikit-sedikit, dia puji sebab kerajaan menurunkan cukai, itu dia puji dan yang itu kita juga puji kepada dia, hak yang lain semua tidak betul. Tetapi dalam ucapannya yang panjang lebar, sekali lagi — adakah dia pernah menjadi Hakim semasa Tan Sri, dia tidak pernah menjadi hakimkan? Tidak pernah — jadi, saya ingat oleh sebab dia tidak pernah menjadi hakim, macam Tan Sri pernah jadi hakim, jadi Tan Sri tidak hairan sangatlah, tetapi depa ini tidak pernah menjadi hakim, mereka hendak menjadi hakim di Parlimen.

Bukan sahaja itu, orang PAS juga kadang-kadang terikut-ikut. Dia menyebut fasal rasuah — siapa yang setuju dengan rasuah? Saya cakap betul, kalau sekiranya ada pemimpin Barisan yang rasuah, kita ambil tindakan — bukan satu, sudah banyak pemimpin Barisan yang terlibat dengan rasuah kerajaan ambil tindakan.

Yang Berhormat menyebut tentang Jeffrey Kitingan — rasuah, bila masuk Barisan — diam. Yang Berhormat lupa bahawa orang yang berada di hadapan sana, dia juga mendapat tuduhan, walaupun tuduhan itu bukan sampai ke peringkat yang membolehkan dia tidak layak untuk menjadi ahli Parlimen. Tidak kata apa pun, fasal apa? Fasal duduk dalam kawasan pembangkang.

Itulah sifat pembangkang — kalau duduk dengan mereka — halal, tetapi ini suatu benda yang cukup menarik, yang saya hendak sebut. Paling menarik dalam jiwa saya — dia ada menyebut, bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menuduh Ahli dari Puchong terlibat dengan rasuah. Dia kata DAP akan ambil tindakan kalau sekiranya kita dapati Ahli dari Puchong bersalah — baru kita ambil tindakan untuk membuang dia.

Oh, tentang dia, kalau bersalah, mahkamah hukum salah baru ambil tindakan, tetapi kalau pemimpin Barisan Nasional, dia bersalahkah, tidak bersalahkah, mesti diambil tindakan. Demikianlah malaunnya parti DAP. Malaunnya parti DAP dan saya tidak tahu hendak beri nama, kucing meow . . . . . meow boleh bertanya soalan sekejap lagi. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya duduk 'cokoh' di sini lebih setengah jam dengar hujah dari Arau ini dan belek Belanjawan. Tidak ada satu pun yang menyentuh Belanjawan. Tidak ada langsung. Hanya mengenai agama dan sekarang mengenai DAP pula. Adakah dia sedar, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan tidak boleh tahan lagi dan dia keluar dari Dewan. *(Ketawa)* Tidak boleh tahan kerana merepek-repek. Tadi kata seperti V. David, Ahli Parlimen Puchong kalau dia bersalah, DAP memang ambil tindakan. Tidak salah lagi, kita sudah hukum.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, bagus. Bagus, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Di dalam UMNO juga, Ketua Menteri Melaka, adakah bersalah? Sudah diambil tindakan. Sudah diambilkan tindakan, di dalam UMNO. Adakah ini satu contoh?

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, baik. Duduk Yang Berhormat. Yang pertama, fasal apa ucapan saya tidak berhubung dengan Belanjawan? Sebab saya menjawab ucapan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang Ahli dari Marang yang tidak menyentuh tentang Belanjawan. Saya menjawab hujahan mereka ini. Sebelum Menteri menjawab, saya jawab dahulu sebab tugas Pengerusi Backbencher jawab, *(Tepuk)* mengulas sebab Menteri-menteri tidak boleh mengulas; dengan panjang lebar sebab mereka terhad kepada bidang portfolio masing-masing. Jadi, sebab saya bebas bercakap sebebas-bebasnya, saya mengulas. Kalau dia bercakap fasal Budget, saya pun ulas fasal Budget. Ucapan saya fasal Budget atau Belanjawan tetapi ucapan saya belum masuk lagi. Ucapan saya episod yang ketiga fasal Belanjawan . . . . .

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Nanti sekejap. Tidak apa, Yang Berhormat. Nombor satu, saya hendak jawab dahulu Yang Berhormat. Sabar, Kepong. Kita ini seorang yang bersabar. Okay, tidak apa, duduk, duduk. Dekat-dekat pilihan raya ini dia sudah jadi tidak betul sedikit. *(Ketawa)* Hari itu dia ambil surat khbar yang ada ayat Quran, dia julang-julang. Kena marah dengan Menteri Undang-undang, dia tidak mari Parlimen seminggu, Tuan Yang di-Pertua, takut. *(Ketawa)* Dia bukan kerana kena marah dengan Menteri Undang-undang, dia takut sebab dia tidak tahan kena ISA.

Dia kata V. David kalau sekiranya salah, mahkamah putuskan salah, DAP ambil tindakan undang-undang tetapi mengapakah Rahim Tamby Chik yang belum bersalah, dia hentam habis-habisan, Tuan yang di-Pertua? Dia sudah jadi hakim dahulu. Ini persoalan sekarang, mengapa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang masih dalam tindakan, dia telah hukum? Dia telah hukum Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Seri S. Samy Vellu. Dia kata rasuah. Pada hal tindakan masih diambil. Rahim Tamby Chik kesnya tindakan diambil tetapi mereka sudah hukum yang ada melakukan hubungan sulit dengan gadis walaupun telah dibuktikan dia tidak melakukan. Dia kata mesti berlaku. Bukti, AG sudah kata. Kalau sekiranya kita tidak percaya AG, itu adalah isu yang kedua.

Isu yang pertama bahawa Rahim tidak bersalah kerana budak ini kata Rahim tidak pernah buat apa-apa dengan dia. Tetapi dia kata Rahim pernah membuat dengan membawa cucu, tok-nenek dia iaitu Pendek namanya. Siapakah Pendek ini? Pendek ini ialah nenek dia. Bapa dia dalam surat khabar dengan terang-benderang menyatakan, "Saya memohon maaf kepada keluarga Rahim, kepada Rahim sekiranya saya telah menyebabkan Rahim jatuh, menyebabkan Rahim tidak senang, menyebabkan Rahim tergendala pemikirannya". Bapanya, orang yang terlibat sama-sama menjadikan anak tersebut, minta maaf. Awak bawa Pendek ini ke Parlimen untuk mempolitikkan isu.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Habis ini. Sekejap, sekejap lagi. Saya akan beri. Sebagai parti yang bersih, cekap dan amanah dan juga adil dan saksama, dia akan beri tetapi Ketua Pembangkang kalau dia tengah naik 'syeikh', kita hendak minta jalan pun dia ingat kita ini macam apa.

Maka, AG kata tidak ada kes. Dia kata ada kes. AG tidak guna. Dia sudah hukum. Dia sudah hukum dulu, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang menyebabkan saya tidak faham. Baik, dia kata gadis itu menjadi mangsa. Ini saya hendak sebut di Parlimen ini. Saya bersedia. saya bersedia menghadapi mana-mana kumpulan sahaja di Malaysia.

Gadis tersebut menjadi mangsa kerana melakukan hubungan seks dengan 14 orang. Gadis itu siapa dia? Perempuan-kan? Dia mengadakan hubungan seks saya tidak mahu campurlah — sama ada secara sukarela, tidak sukarela, tetapi sudah tentulah yang tidak melibatkan benda yang dinamakan rogol tetapi kita kena ingat, Rahim tidak ada anakkah? Anak Rahim sekarang ambil periksa tahu, Tingkatan Lima. Apakah anak Rahim juga tidak menjadi mangsa? Bukankah dia juga seorang perempuan? Tidak pernah kita terfikir benda ini. Yang jadi mangsa sebelah pihak, yang belah ini tidak menjadi mangsa. Walaupun tidak ada kes, kita kena ingat sudah pasti keluarga Rahim, anak-anak perempuan Rahim juga tidak boleh tidur malam, pergi sekolah kena perli dan sebagainya. Sama. Tetapi kita hanya memihak. Kita kata undang-undang mesti mengikut hak orang ramai. Undang-undang mesti mengikut hukum DAP.

Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang hakim. Saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua, kalau orang ramai boleh menjatuhkan hukum kepada semua orang ini, apa jadi pada negara ini? Saya bertanya orang DAP di luar semalam. Kalau semua undang-undang sudah tidak percaya, AG tidak percaya, hakim tidak percaya, macam mana? Dia kata undang-undang ini bagus tetapi dia kata semua orang ini tidak guna. Saya kata kalau macam itu senanglah. Pergi jumpa Dr. Mahathir, cadangkan kita buat pemerintahan tentera. Kita buat MAGERAN. Dia tidak percaya, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, tidak boleh sebut tetapi ini contoh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, hampir satu jam dia berucap tetapi tidak sentuh satu pun mengenai Belanjawan. Tengok muka surat 54, ucapan Ketua Pembangkang semalam mengenai cukai dan sebagainya tetapi tidak sebut ini dan juga saya tekankan sekali lagi, UMNO hukum Rahim Tamby Chik sekarang. Keluarkan dan mengambil tindakan terhadapnya. Kalau tidak salah mengikut Yang Berhormat tadi, mengapa UMNO ambil tindakan? Saya hairan juga. Itulah, adakah Yang Behormat bersetuju dengan tindakan itu ke atasnya?

Tuan Shahidan bin Kassim: Siapa kata UMNO ambil tindakan? Rahim dia secara sukarela berhenti. Ha . . . . . bacalah surat khabar. Saya pun tidak boleh baca lain, saya baca surat khabar sebab saya bukan Ahli Majlis Tertinggi walaupun dipilih ataupun dilantik. Saya tidak tahu. Dia boleh jawablah tetapi saya tanya bila Rahim kena buang? Rahim meletak jawatan. UMNO masih adil tindakannya, kita kena ingat. Tetapi walau bagaimanapun, hukuman kepada Rahim sangat tidak adil, Tuan Yang di-Pertua. Tuduhan yang dibuat tidak adil. Sekarang ini kes Rahim kita kena tutup.

Sekarang ini kalau tidak puas hati terhadap AG, cabar AG. Bukan di Parlimen sebab AG tidak boleh datang ke Parlimen untuk menjawab. Kalau dia boleh datang ke Parlimen, dia tahulah hendak jawab. Kita menghentam orang-orang yang tidak boleh menjawab di Parlimen ini. Adil atau tidak adil? Kalau sekiranya dia diambil tindakan kerana rasuah, kes rasuah Rahim masih dibuka termasuk yang telah ditimbulkan oleh Ahli dari Bukit Bintang atau Kepong, saya tidak pasti tetapi geng-geng itulah. *(Ketawa)* Ada sekeping tanah yang telah diluluskan kepada Pemuda UMNO yang harga tanahnya rendah daripada harga pasaran. Sekiranya benda itu terjadi, bawa kes itu. Kalau sekiranya sesuai, kita akan menyokong tetapi kalau setakat tuduhan, jangan main tuduh.

Jadi, kita kena ingat, prinsip kita mudah sahaja. Sekiranya benda-benda yang melanggar undang-undang, kita akan menyokong supaya tindakan diambil

tetapi kes Rahim ini diperhebatkan terus. Makna kata, tadi Kepong saya rasa dia tidak akan bertanding sekali ini sebab dia bercakap lain daripada Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang tidak ada. Ketua Pembangkang, "Kita mesti hukum Rahim. Kita mesti bunuh Rahim pun". Saya rasa kalau zaman dahulu kala dia ada pistol, dia sudah tembak Rahim. Tetapi Kepong kata, "DAP tidak suruh pun". Tidak suruh, bacalah surat khabar. Dia tidak baca surat khabar. Dia hanya baca *Nanyang Siang Pau* dia tidak tahu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, tidak adillah kalau sekiranya kita menghukum orang-orang yang sekiranya kita dapati dia tidak bersalah, dia tidak bersalah. Sekiranya kes saham HICOM, kalau tidak bersalah, tidak bersalahlah. Apa hendak bercakap lagi? Kenapa pergi cakap di seluruh kampung kata dia bersalah. Kalau ada kes tanah, kes tanahlah.

Ini pasal MITI sebab Ketua Pembangkang menyebut bahawa Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) meluluskan beberapa nama. Yang Berhormat dalam jawapan kepada Ahli Parlimen Bukit Bintang, tolong buka jawapan sekejap Ahli Parlimen Bukit Bintang. Buka! Tengok! Ada? Okay. Very good. Dia ada tiga kriteria. Tengok muka pertama. Tiga kriteria ataupun syarat untuk membolehkan seseorang itu untuk mendapat saham hak bumiputera. Ini right issue bumiputera. Isu bumiputera.

Keluaran atau terbitan bumiputera ini ada tiga syarat. Syarat-syaratnya disebutlah, "Lembaga Pengarah" dan akhir sekali disebutkan "dicadang oleh syarikat yang berkenaan". Bacakah tidak? Tetapi ia tidak sebut dalam peraturan itu bahawa "anak Menteri tidak boleh dapat, anak Timbalan Perdana Menteri tidak boleh dapat, anak Hakim tidak boleh dapat, anak Setiausaha Parlimen tidak boleh dapat, anak Shahidan tidak boleh dapat". Dia ada sebutkah? Adakah tidak di dalam peraturan? Kita bercakap dari segi peraturan. Tidak payah bercakap merapu-rapu Ahli Parlimen Bukit Bintang. Sebab Ahli Parlimen Bukit Bintang beri laporan kepada Ketua Pembangkang, adakah disebutkan dalam peraturan itu "bahawa anak Perdana Menteri tidak boleh dapat, anak itu tidak boleh dapat". Sekali lagi, Timbalan Perdana Menteri mungkin dia sibuk — tetapi sekali lagi saya hendak perjelaskan.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bila kita pegang jawatan dalam kerajaan, tidak ada peraturan yang mengatakan bahawa saudara-mara kita tidak boleh berniaga.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun lagi. Hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau Yang Berhormat Kepong bertanya tentang soal khusus apa yang saya cakap, saya benarkan. Kalau tidak saya tidak benarkan. Khusus yang saya bercakapkah tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab sekarang semakin dekat pilihan raya, semakin tidak betul pemikirannya Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang khusus untuk ini termasuk komen ke atas wanita pun tidak betul juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya baca apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, hanya dia kata:

"Jawatankuasa Kabinet mesti juga mengisytiharkan pendiriannya ke atas kewajaran Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang hadir di Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Saham Khas Bumiputera yang memperuntukkan 1.5 juta saham Leader Universal kepada menantu beliau Fazrin Azwar . . . . . "

Tuan Shahidan bin Kassim: Muka berapa?

Dr. Tan Seng Giaw: . . . . . walaupun beliau berkata bahawa beliau tidak mahu mengambil bahagian di dalam perbincangan ke atas permohonan Fazrin". Jadi, itu sahaja. Kita minta Jawatankuasa Kabinet untuk mengisytiharkan pendiriannya, itu pun tidak boleh buat dan tuduh menuduh sampai ke langit daripada daksina ke paksina.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, Saya pun sudah kesuntukan masa. Yang Berhormat, baca lagi di bawah itu. Baca lagi, walaupun saya tidak dapat tengok muka surat — baca lagi di bawah itu. Dia ada menyebut perkataan "anak Perdana Menteri". Dia ada menyebut perkataan "anak Timbalan Menteri — Megat Faurouz". Dia ada menyebut perkataan anak siapa lagi seorang. Baca di bawah itu. Betulkah tidak? Betulkah tidak? Betulkah saya sebut? "Anak Perdana Menteri, anak Timbalan Menteri — Megat Faurouz". Dia ada sebutkah tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya boleh baca.

Tuan Shahidan bin Kassim: Di dalam *Hansard* ada sebut itu. Ini *Hansard*. Okay. Baik. Sebelum itu Yang Berhormat duduk sekejap.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak ulas sekejap. Muka surat 79. Buka muka surat 79, duduk baca dulu. Biar saya cakap sekejap. Duduk sekejap. Duduk baca dulu. "Cabinet Committee mesti memperjelaskan pemberian saham kepada Megat Faurouz dan juga kepada anak Perdana Menteri dan sebagainya". Seterusnya saya hendak tanya, apakah perlu kita berbuat demikian? Kita kena ingat Megat Faurouz adalah Pengarah Urusan FACB yang menjadi Pengarah Urusan sejak tahun 1989. Memang tiap-tiap orang yang bekerja sebagai Lembaga Pengarah terutamanya sebagai eksekutif di situ berhak mendapat. Sepatutnya dia boleh ambil semua, tidak payah beri kepada orang pun. Kita kena ingat, ini peraturan menyatakan. Apakah perlu Cabinet Committee ini? Ia ada Cabinet Committee yang berhubung dengan rasuah dan sebagainya. Ini tidak perlu lagi kecuali kes menantu itu Yang Berhormat kata, yang saya sudah pasti Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan beliau telah dicadangkan oleh syarikat yang berkenaan, saya tidak pasti tentang minit mesyuarat tetapi walau bagaimanapun, kalau syarikat itu sudah mencadangkan nama beliau — beliau adalah layak mendapatnya. Sama ada Yang Berhormat Rafidah Aziz chair, sama ada Timbalan Menterinya mempengerusikan mesyuarat, sama ada Datuk Asmad Kamaruddin, sama ada Shahidan Kassim pengerusi, tidak jadi masalah. Kompeni cadang — beri. Sama ada menantu Rafidah, menantu Shahidan, anak saya masih muda lagi; menantu siapa sahaja tidak ada masalah. Sebab rakyat Malaysia bebas berniaga. Hak bumiputera beri kepada bumiputera. Faham!

Jadinya, ...

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat hendak buat apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kalau hendak minta mintalah elok-elok. Sebab Yang Berhormat minta dengan secara keras tadi. Saya kalau minta cara keras, saya tidak beri? "Minta jalan" — baru saya bagi. Kalau hendak minta, "Minta jalan!" — saya tidak beri. Keras. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Macam mana?

Seorang Ahli: Pujuk baik-baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta jalan. *(Dengan perlahan) (Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak beri. Saya tidak beri. *(Ketawa)* Yang Berhormat kena minta elok-elok sebab Yang Berhormat saya ingat saya juga manusia tahu. Saya bangun minta daripada orang, saya kata "Minta jalan". Yang Berhormat hendak minta jalan, Yang Berhormat tidak boleh paksa saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Paksa apanya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak ada sesiapa yang memaksa Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak! Bahasanya keras. Macam kata "Minta jalan!" Apa? Tidak beri! Hendak kata apa? Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Arau. Teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak beri. Sebab Yang Berhormat Kepong ini seorang yang bijaksana. Kami dengan Ahli Parlimen Padang Terap cukup gembira sentiasa bertiga-tiga dengan kawan-kawan di sini berbincang, berhujah, kadang-kadang berpolemik dengan secara akademik. Kadang-kadang dengan berjenaka sedikit — seronok. Tetapi hari ini dia sudah menjadi manusia yang seleweng pemikirannya sebab dia takut Ketua Pemuda DAP yang juga Ahli Parlimen dari Kota Melaka akan mengambil alih kepimpinan DAP. Dia tidak ada peluang Tuan Yang di-Pertua. Itu menyebabkan pemikirannya sudah terumbang-ambing walaupun dia seorang doktor yang pakar.

Walau bagaimanapun, saya menasihatkan beliau supaya bersabar. Pergi bercuti semasa cuti sekolah ini, bawa anak-anak dan isteri pergi bercuti, relaks dan tenangkan pemikiran supaya boleh kita datang ke Parlimen ini kita menjadi manusia yang waras. Kita kena hidup dalam masyarakat penyayang dan kita kena ingat masyarakat penyayang bermula daripada keluarga di rumah.

Baik, akhir sekali pasal kes MITI ini kita boleh tutuplah kes MITI ini. Kita hendak sebut di sini bahawa apa yang dibuat oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan ini . . . . .

Tuan Wee Choo Keong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ...

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . . . diisytiharkan sebagai sah dari segi undang-undang . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): . . . Bukit Bintang bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . . . dan kes ini boleh kita tutup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Arau ini cakap banyak mengenai dengan

saham khas untuk bumiputera. Tetapi yang kita' nampak daripada jawapan Menteri itu menunjukkan bahawa bumiputera yang tertentu sahaja yang dapat. Seperti seorang perempuan yang bernama Norasiah binti Datuk Mahmud — dapat 21 juta saham di Lien Hoe Bhd. 21 juta — Yang Berhormat tidak sebut. Saya tahu Yang Berhormat sedih. Beranikah kata "tidak sedih"? Oleh kerana dia tidak dapat langsung — satu saham pun tidak dapat. Walaupun dia ada buat banyak permohonan tetapi tidak dapat dan ramai juga yang ada di sini tidak dapat. Bagaimanakah seorang yang bernama Norasiah binti Datuk Mahmud — dapat 21 juta saham di Lien Hoe Bhd. Sama ada beliau ini seorang pengarah atau tidak? Dalam syarikat apa? Beritahu kita di sini, jangan buat diam-diam. Menteri kata hendak datang ke Parlimen buat satu explanation pada 20hb Oktober baru-baru ini, tidak datang juga. Ada datang, tetapi tidak beri explanation. Sekarang ini dia ajar Yang Berhormat untuk buat explanation di sini. Janganlah hendak "jack" dia, tidak dapat juga. Saya gerenti tidak dapat syer.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, sebagai seorang bumiputera yang juga memohon, tidak dapat tetap sedih. Sedih tetap sedih. Tetapi kita tahu belum rezeki kita, belum sampai masanya kita akan terus mencuba. Pasal apa yang saya bumiputera ini tidak bising-bising, Yang Berhormat bising pasal apa? *(Ketawa)* Itu ceritanya. Okay, Yang Berhormat dia ada dua prinsip pada pandangan sayalah. Menteri jawab lepas inilah. Ini yang telah diberi penerangan kepada Dewan Perniagaan Melayu, ini bekas presidennya pun ada di sini.

Dua prinsip. Yang pertamanya, terbitan bumiputera yang diberi bukan tujuan untuk pegangan dalam syarikat. Fahamkah tidak? Kadang-kadang right issue ini diberi untuk membolehkan dia dapat sesuatu pegangan (moratorium) yang dia tidak boleh jual-beli, supaya dia boleh kekal hak bumiputera di situ.

Yang Berhormat DAP minta diberi seorang 10 lots semua supaya semua bumiputera boleh jual. Dengan itu, pegangan bumiputera akan hilang dalam syarikat yang berkenaan. Dengan ini sekali gus bahawa DAP sebenarnya menentang penyertaan bumiputera dalam perdagangan. *(Tepuk)* Nampak atau tidak?

Saya baru ternampak fasal apa DAP selama ini menentang syer ini. Fasal apa dia menentang Megat Fairouz dalam FACB, dia diberi saham begitu besar untuk membolehkan dia mendapat pegangan. Orang kata dia ada "say" sedikitlah, bukan jadi pengerusi, tak ada syer langsung. Bukan? Macam pengerusi FAMA . . . . . *(Ketawa)*

Biar dia ada pegangan untuk membolehkan dia kuasa bercakap ekuiti. Dan setengahnya macam HICOM, dia beri seorang 10 lots, DAP dapat, PAS dapat, S. 46 dapat, UMNO dapat, semua itu. Sebab pegangan bumiputera yang disertai oleh kerajaan itu sudah cukup. Hak yang ini bolehlah orang kata berbedak-bedak seorang sedikit untuk membolehkan mereka mencari modal untuk memulakan perniagaan baru. Tetapi untuk syarikat-syarikat tertentu, Yang Berhormat, diberi setengahnya untuk tujuan pegangan. Nor Asiah sudah pasti dalam Lian Hoe, saya percaya diberi untuk membolehkan dia mendapat sesuatu pegangan dalam syarikat yang berkenaan di mana sahamnya tidak boleh dijual-beli. Dia mesti pegang sampai bila-bila.

Tuan Wee Choo Keong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia bangun lagi. Hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kita beri.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Arau ini, saya rasa dia tidak berapa faham atau fasih dalam perkara ini. Dia kata saham-saham ini diberi kepada bumiputera seperti Marzuki Ibrahim, Fairouz Junid dan Nor Asiah Datuk Mahmud ini. Itu bukan untuk pegangan. Berani saya kata di sini bahawa saham-saham yang diberi kepada puak-puak ini sudah dijual oleh kerana semua ada Mercedes 500 SEL. Itu Fazrin, menantu Menteri. Right? Ainudin Tun Hamid juga — 500 SEL Mercedes dan ada ramai lagi. Semua boleh dapat Mercedes oleh kerana syer khas diberi RM1 sahaja. Sekarang Leader Universal, berapa? RM15.00 atau RM16.00 dan Lian Hoe juga RM1.00 — syer saham RM1.00 diberikan kepada mereka dan mereka sudah jual.

Berani kata di sini, katakan semua ini pegangan sahaja. Saya rasa kalau Yang Berhormat dari Arau pergi check, semua saham ini sudah hangus-hangus, sudah jual habis. Itukah untuk penerangan? Janganlah cakap di sini yang tidak benar untuk hendak 'jack' Menteri sahaja supaya boleh dapat syer khas untuk bumiputera. Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya mempunyai Mercedes lebih besar daripada mereka. *(Ketawa)* Saya tidak dapat saham. 600 SELlah! *(Ketawa)* Saya punya Mercedes lebih besar. Harganya hampir RM1 juta. Saya tidak dapat saham. Adakah kerana mereka dapat saham, inilah yang Yang Berhormat menghina bumiputera. Dapat saham, Yang Berhormat kata dia beli kereta. Tak bagus mengatakan itu, Yang Berhormat. Kita rasa malu sebab kita rakyat Malaysia yang harus hidup, aman damai antara satu dengan lain. Kalau dia dapat beli kereta besar, dia dapat saham. Tak boleh, Yang Berhormat. Dia beli kereta, biarlah dia beli kereta. Dia muda, dia melawa, dia punya fasallah. Kita sudah tua. Macam you belum kahwin lagi, walaupun tua belum kahwin, okaylah. Boleh beli Mercedes juga. *(Ketawa)* Tak boleh remain bachelor lama-lama. *(Ketawa)*

Walau bagaimanapun, kita kena ingat bahawa itu adalah merupakan pegangan. Okay. Yang tidak akhirnya untuk DAP sebab saya sentuh Belanjawan. Ada lagi?

Tuan Wee Choo Keong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) Ya, hendak beri jalan lagi?

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sama ada Yang Berhormat dari Arau tahu atau tidak bahawa menantu Menteri ini, Ainudin Tun Hamid, Fairouz ini, semua bukannya orang tua. Semua orang itu, umurnya 20 tahun lebih sahaja. Bagaimanakah puak-puak ini berumur 20 tahun lebih boleh beli saham RM14 juta? RM5 juta? Wang dari mana? Saya tahu Yang Berhormat dari Arau tidak ada banyak wang. Tak boleh lawan puak-puak ini!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak!

Tuan Wee Choo Keong: Sedih, sedih atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak! Saya rasa saya lebih hebat daripada mereka.

Tuan Wee Choo Keong: Sedih atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya rasa sebab bukan sebab wang yang menentukan . . . . .

Tuan Wee Choo Keong: Yang Berhormat sedihlah itu!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bukan manusia yang kebendaan semata-mata. Saya seorang yang seimbang. Dunia

sudah akhirat. Bukan wang sahaja yang menentukan saya sedih atau gembira. Kena ingat, Yang Berhormat. Saya rasa tidak perlukan wang walaupun mungkin saya ada atau tidak. Itu tidak boleh cakap sebab ini bukan tempat untuk bercakap. Tetapi saya rasa, saya berpuas hati dengan hidup yang ada sekarang. Tetapi saya kata Yang Berhormat tidak boleh sebagai seorang ahli undang-undang (lawyer).

Tuan Wee Choo Keong: Sedih atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat kena tutup itu, maknanya salah itu. *(Ketawa)* Salah itu. Kita punya sistem ini, kita minta betulkan sebab tiap-tiap kali dihidupkan dua lampu, saya pun ambil kesempatan kadang-kadang tadi — sekali-sekali dua lampu. Sebab tiga lampu, jangan membolehkan orang-orang yang tidak berhak bercakap untuk bercakap.

Yang Berhormat, kes ini kita kena tutuplah. Yang Berhormat daripada undang-undang, Yang Berhormat mesti tahu bahawa umur 20 atau 19 lagi ada hak boleh pinjam duit. Hendak pinjam pinjaman bank, umur berapa? Dia hendak beri syarat atau tidak? 18 ke atas atau 20 ke atas? Tetapi kalau 20 ke atas, dia sudah layak. Bank pula lebih suka pinjam wang kepada orang muda yang mempunyai saham macam ini sebab dia tahu umurnya berpanjangan. Tetapi kalau sudah 60 tahun, dia sukar sedikit hendak beri. Macam saya, saya dengan Yang Berhormat, bank fikir dua kali. Terutama sekali, bila cakap banyak, jantung bergerak kencang, silap-silap boleh jatuh ke sini. *(Ketawa)* Kena ingat.

Jadi, orang-orang muda ini, bank beri kesempatan. Oleh sebab itu mereka gunakan Mercedes, berilah peluang kepada mereka untuk hidup gembira. Sebab kalau tidak, siapa hendak beli Mercedes kalau mereka tidak beli. Beri kepada mereka peluang. Ini menunjukkan kemewahan rakyat Malaysia gunakan Mercedes Sport. Ini orang gunakan Mercedes Sport, Yang Berhormat marah. Inilah saya kata ini sebut "anger habit". Sikap kemarahan yang berlaku dalam masyarakat Amerika sekarang telah melanda ke masyarakat Malaysia. *(Ketawa)* Inilah yang patut ditekankan oleh pemimpin PAS, DAP dan juga Barisan Nasional, bagaimana kita hendak menghapuskan atau mengurangkan 'habit' budaya marah dalam masyarakat Malaysia. Saya bercakap hak elok pun kadang-kadang nampak macam marah sebab kadang-kadang terpengaruh. Tetapi saya kadang-kadang boleh control balik sebab kadang-kadang saya perlahan balik, saya ingat mengapa saya harus marah. Mengapa saya terlalu berdegar-degar, bukan ramai atau beribu orang. Tiga orang di sini sahaja. Saya sedar cepat sebab saya dilantik dalam Biro Tatanegara untuk sedar cepat. Kalau buat salah, hendaklah perbetul. Habit.

Kemudian kes MITI ini, saya ingat sudah clear. Saya menyokong pihak kerajaan, cara-cara mereka beri saham. Cumanya selepas ini, kalau boleh, perluaskanlah pemberian itu kepada mereka yang saya rasa ingin berniaga. Habis cerita. Saya tidak perli kepada siapa. Tetapi apa yang telah dibuat oleh Menteri yang berkenaan, sudah cukup tenat, bahawa tidak pernah disebut dalam peraturan, anak Perdana Menteri, Menteri ini tidak boleh. Dia tidak sebut. Kalau dia tidak sebut, makna kata boleh. Habis cerita. Kita cakap dari segi undang-undang. Sebab kita orang yang menggubalkan undang-undang. Jangan cakap berbolak balik. Pergi ke sana, ke sini, susah. Terutamanya berhujah dengan lawyer. Habis cerita itu, kita tutup buku dan kita harap kita tidak bincangkan lagi kes MITI ini sebab ini penuh mengarut kita bincang fasal kes budget.

Dan juga kes-kes rasuah, Yang Berhormat sebut. Kalau saya dengar elok, saya akan bangun untuk menyokong. Saya cakap betul tetapi Yang Berhormat kena sebut dengan cara terang. Yang Berhormat juga beritahu siapa beri laporan kepada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat harus tangkap kerana melanggar Akta Rahsia Rasmi. Mencuri, habis dokumen kerajaan. *(Ketawa)*

Jadi, saya ulang balik, kes Rahim juga pada hari ini boleh tutup. Yang Berhormat dari Kepong, janganlah kecil hati. Sila bangun, saya akan beri jalan. Bangun, bangun. *(Ketawa)* Bangun, Yang Berhormat dari Kepong. Sila. Bangun, Yang Berhormat dari Kepong boleh tanya soalan. Boleh. Apa doktor ini merajuk tak tentu fasal? *(Ketawa)* Saya yang susah hati sebab dia baik, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tidak boleh paksa dia minta jalan. *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab dia bangun tadi, saya tidak beri sebab bahasanya keras. Tetapi sebab dia kuat merajuk, kalau dia bercakap, dia tengok mata saya. Sekarang dia tengok sebelah sana. Apa ini doktor merajuk! Malu dekat orang!

Seorang Ahli: Jauh hati.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jauh hati, ya! Okaylah. Keluar nanti saya belanja minum, tetapi kalau Yang Berhormat hendak tanya, sila bangun — boleh, saya benarkan. Oleh kerana dia merajuk terus biarkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah ditimbulkan oleh Pembangkang tadi, saya rasa kesal kerana mereka mestilah ingat bahawa mereka tidak boleh jadi hakim. Yang jadi hakim telah pun dilantik, dan mereka tidak boleh membuat tuduhan melulu tentang rasuah dan sebagainya. Kalau betul-betul ada rasuah, kita ambil tindakan dan Kerajaan Barisan Nasional mempunyai rekod yang cemerlang dengan mengambil tindakan rasuah kepada beberapa orang pemimpin Barisan Nasional, termasuk sesetengahnya pegawai kerajaan. Tetapi Barisan Nasional serahlah kepada mahkamah berhubung dengan rasuah yang berlaku kepada Ahli Yang Berhormat dari Puchong dan juga sahabat-sahabatnya di sana yang terselamat.

Akhir sekali, Tuan yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada Belanjawan. Episod yang ketiga ini dan saya akan sentuh tidak lebih dari 10 minit, sebab Pasir Mas tidak sabar juga macam Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Belanjawan ini adalah Belanjawan yang 'berhemat'. Belanjawan yang mengambil kira pendapat orang ramai, pendapat ahli-ahli perniagaan, pendapat DAP pun diambil. Pendapat S. 46, pendapat PAS, semua pendapat-pendapat ini dikumpul, dijadikan Belanjawan 1995 sampai DAP dan juga pihak Pembangkang tidak tahu lagi apa hendak kritik. Begitulah hebatnya Belanjawan ini, 'Belanjawan berhemat dan juga berimbang'. Cumanya dalam mengawal inflasi, saya tengok dalam senarai Kepong boleh buka buku ini, Kepong! Lihat dia tidak mahu tengok *(Ketawa)*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka orang merajuk di dalam Parlimen ini, kalau tidak mahu pergi keluar *(Ketawa)* — susah. Kepong, dalam buku Belanjawan ini . . . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dak! Saya tidak suka tengok orang jauh hati dengan saya, tidak tahan saya dibuatnya. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pendapat Yang Berhormat dari Arau, bila orang tua-tua ini merajuk muka nampak 'hodoh', tambah kalau Kepong merajuk, kulit nampak 'kedut'. Setuju dengan saya Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Dengan rasa simpati, saya setujulah. Tetapi Kepong boleh bertanya soalan, jangan kecil hati.

Saya tidak ada berniat untuk mengecewakan saudara, tetapi saudara boleh terus bertanya, cuma tadi saya tidak tahan sebab menggertak saya, "beri jalan!" *(Dengan nada yang kasar)* — mana boleh macam itu.

Saya tengok dalam 2,600 jenis barangan yang telah dikecualikan daripada cukai, kalau Bukit Bintang tidak dapat ini boleh ambil daripada saya satu salinan, saya ada di sini. Baca buku ini. Di sini ada beberapa barangan yang dikenakan A.P — kuota atau syarat oleh pihak kerajaan, kuota import. Contohnya macam cabbage kalau tidak salah saya . . . . .

Seorang Ahli: Cabbage tidak ada.

Tuan Shahidan bin Kassim: Cabbage tidak ada.

Beberapa Ahli DAP: Rosak — rosak — tidak baca! *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Kobis!

Tuan Yang di-Pertua, dalam 2,600 jenis barangan ini terdapat barangan sayur-sayuran yang dikenakan kuota A.P. Sebab tujuan dikenakan A.P ini, yang pertamanya penyertaan bumiputera.

Yang keduanya untuk mempertahankan penanam-penanam sayur terutamanya di Cameron Highlands. Nampaknya angka ini terlampau kecil, mata saya sukar hendak nampak, sebab selalu bertelagah hebat dengan kawan-kawan sebelah sana, jadi saya tidak nampak tulisan yang begini kecil, tetapi sebagai Pengerusi FAMA, ini sahabat saya Pengerusi FAMA, *(sambil menunjuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerai)* kita tahu, kita banyak mengeluarkan kuota import kobis dan sebagainya, untuk tujuan yang kita sebutkan tadi.

Kerajaan juga telah mengisytiharkan, saya hendak minta apakah cara-cara yang lebih khusus untuk kerajaan menolong petani-petani yang sudah pun terlibat dalam usaha-usaha penanaman sayur ini. Penanam sayur ini ramai bukan bumiputera, saya tahu DAP seorang pun tidak cakap, bukan bumiputera pun dia tidak mahu tolong. Penanam sayur kena ingat ramai bukan bumiputera — ada sedikit bumiputera, tetapi sebagai rakyat Malaysia saya tidak kira, yang penting ialah hak mereka. Bagaimanakah usaha-usaha kerajaan dibuat untuk memastikan bahawa mereka ini dibantu dari segi aspek-aspek lain?

Kita kena ingat bahawa kos untuk tanaman sayur di Malaysia dua kali lebih tinggi daripada kos negara jiran. Kos untuk tanam padi dan akhirnya jadi beras dua kali lebih tinggi di Malaysia, jika dibandingkan dengan negara jiran. Di Malaysia kos untuk mengeluarkan beras segantang harganya katakan lebih kurang RM1.20 sen, tetapi di Thailand, di Vietnam dan sebagainya di antara 60 sen sehingga 80 sen. Jadi, bagaimanakah kerajaan boleh buat untuk memastikan bahawa petani-petani kita yang sekarang ini terpaksa menghadapi saingan yang serius daripada barang-barang import yang dibawa ke negara ini? Kita juga meminta kerajaan supaya menyiasat tentang barangan-barangan yang diimport yang mengandungi racun, yang saya rasa daripada negara jiran, tidak terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kerana saya seorang yang jarang makan daging, malah tidak makan langsung. Saya suka makan ikan. Tiap-tiap kali saya makan di Japanese restaurant, saya tengok semua mata ikannya segar.

Satu hari saya tertanya, fasal apa semua ikan segar pada hal ikan ini datang daripada Jepun? Dia kata dia bubuh sejenis ubat untuk membolehkan ikan itu segar dan ubat itu amat merbahaya kepada kesihatan, kalau sekiranya dia bubuh terlampau banyak, luar daripada had yang telah ditentukan, demikian juga sayur-sayuran. Itu sebab ramai kawan-kawan saya termasuk bekas Timbalan Menteri Pertanian dahulu, dia tidak mahu makan sayur yang dibeli di sini. Dia suka pergi ambil sayur di Kelantan, fasal apa? Dia kata "kandungan racun tinggi". Tetapi itu hak tempatan, Tuan Yang di-Pertua, macam mana yang datang dari negara jiran yang tidak terkawal kemasukannya? Saya takut sebab ramai rakyat Malaysia sekarang yang terlibat dengan sakit perut, saya sendiri pun selalu sakit perut, sebab saya suka makan sayur dan saya tidak tahu kes racun ini. Jadi, kerajaan mesti beri satu pembelajaran dalam T.V. untuk menentukan rakyat Malaysia sebelum makan sayur kena rendam dua hari ataupun sehari untuk membolehkan kandungan racun itu keluar. T.V. bukan sahaja menunjukkan filem-filem yang mengecewakan bagi sesetengah pihak.

Jadi, sampailah ke tajuk yang berikutnya iaitu berhubung dengan pelaburan kerajaan. Pelaburan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah sebut, saya ulang balik ya. Kerajaan mendapat pendapatan sebahagian besarnya daripada cukai pendapatan, daripada cukai langsung, daripada cukai tak langsung. Tetapi kerajaan membelanjakan balik lebih banyak kepada emolumen dan juga hanya 13.1% sahaja yang dibelanjakan untuk perkhidmatan ekonomi.

Saya hendak cadangkan perbelanjaan kita bukan sahaja 'perbelanjaan berimbang' dari segi pendapatan dan perbelanjaan, tetapi berimbang dari segi sektor-sektor. 'Sektor kutip' dengan 'sektor belanja' mesti seimbanglah kalau boleh, jangan kita kutip terlebih hak yang lain, kita pergi belanja hak yang lain terlebih. Sepatutnya yang sektor perkhidmatan ekonomi ini harus diperbesarkan, tetapi perbelanjaan saraan kepada Kerajaan Negeri itu boleh diperkecilkan sebab banyak Kerajaan Negeri tidak bayar hutang, termasuk Kerajaan Kelantan yang berhutang sampai lebih RM500 juta dan enggan untuk bayar.

Saya hendak cadangkan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak hendak bayar, jangan beri hutang. Fasal Perlis, negeri yang susah — miskin, hutang RM100 juta dia boleh bayar, caranya panggillah konsultan daripada Perlis, Menteri Besar dia boleh cerita cara-cara hendak bayar hutang. Walaupun kadang-kadang orang marah pada dia, fasal apa jual habis bangunan, jual habis syarikat? Dia kata "Syarikat dok di Perlis, bukan orang Perlis korek syarikat bawa ke Terengganu — tidak ada dok di Perlis, rakyat Perlis akan untung di segi pekerjaan". Katanya "rakyat Perlis hendak untung dari segi pekerjaankah hendak untung syarikat? Hendak untung syarikat kamu bukan punya syarikat? Syarikat ini kerajaan punya". Sekarang ini untung dari segi pekerjaan, tetapi kerajaan untung dari segi dapat penilaian semula. Dahulu kita buat harga RM10 juta, sekarang RM50 juta — kita dapat untung. Kelantan juga mempunyai banyak hotel-hotel dan juga projek-projek dan mereka boleh dapat penilaian semula.

Jadi, saya hendak minta supaya Kementerian Kewangan di samping memuji-muji ingin meminta supaya perkhidmatan ekonomi itu dilebihkan

berdasarkan kepada kutipan yang telah dibuat, supaya kita juga berimbang dari segi sektor. Walaupun kadang-kadang kita kata, kita tidak perlu berbuat demikian, saya rasa — perlu. Tempat yang kita kutip itu, kita kena perbesarkan.

Berbalik kepada T.V. Tuan Yang di-Pertua, T.V. juga memberi perhatian kepada perkara-perkara yang positif, perkara-perkara berhubung dengan racun dan jangan cerita sangat fasal filem muda-muda, terutamanya filem-filem yang saya tengok, filem yang agak sengsara pemikiran dibuatnya sekarang ini, termasuk keimbangan dari segi cerita-cerita Cina dan juga cerita-cerita Melayu, harus dibuat.

Saya hendak bertanya dari segi pelaburan kerajaan. Setiausaha Parlimen — Ya! masa depannya cerah. Kerajaan sekarang sedang menswastakan projek-projek kerajaan, tetapi bila pula kerajaan begitu mudah dan murah untuk melaburkan pula dalam syarikat-syarikat yang saya tidak terfikir — kalau saya ada duit pun saya tidak akan labur. Contohnya, kerajaan sepatutnya melabur dalam syarikat-syarikat yang memang boleh mendatangkan manfaat dan berfaedah kepada rakyat jelata. Kita tidak patut terlibat dalam perkara-perkara yang pihak swasta boleh buat. Contohnya, macam kerajaan melabur dalam HVD Holdings Sdn. Bhd. Tuan Yang di-Pertua ada ini? Saya ada laporan ini —

Tahun 1994 syarikat ini dijangka mendapat untung RM8.2 juta; 1995 dijangka mendapat untung RM14 juta; 1996 dijangka mendapat untung RM21 juta; 1997 dijangka dapat untung RM23 juta dan 1998 dijangka dapat untung RM25 juta. Ini jangkaan dia dapat untung. Kalau dia boleh dapat untung, buat apa kita pergi melabur? Berilah kepada syarikat swasta. Ataupun kalau dapat untung sedemikian banyak, tawar kepada saya atau kawan-kawan saya dan kita boleh berpakat ramai-ramai ataupun mana-mana syarikat besar di Malaysia yang kerajaan telah tolong.

Yang Berhormat Menteri Kewangan, mengapa kerajaan mesti melabur ini? Kerajaan melabur 1994 – RM15 juta; 1995 – RM5 juta; jadi RM20 juta, tetapi pegangan kerajaan hanya 30%. Kerajaan ini menilai macam mana?

Saya mendapat laporan bahawa peralatan mengambil gambar itu sudah lama dan buruk, tetapi dinilai baru bila dia hendak menilai kepada kerajaan hartanya banyak mana. Saya hendak bertanya Menteri Penerangan — saya geram ni! Geram! Mana dia ? Dia tidak ada! Tak mengapa! Saya hendak bertanya, di manakah yang membolehkan pemikirannya menyuruh kerajaan melabur? Sebab mendapat hak untuk mengadakan filem ini adalah duit! Hak untuk mengadakan filem itu sudah merupakan sumber kewangan yang penting! Mengapa kerajaan mesti melabur lagi? 30% pula tu! Kalau 70% tak apa juga, boleh beri kepada MARA kalau untung macam ini! Menteri Perusahaan Awam yang bijaksana pasti akan bersetuju — boleh beri kepada MARA. Fasal apa Menteri Penerangan melabur RM20 juta dalam syarikat yang memberi hak untuk membuat filem sampai habis syarikat-syarikat lain terpaksa tutup buku.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, laporan ini saya dapat daripada Ahli Jerai. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat pernah menonton filem-filem yang dikeluarkan oleh syarikat ini di saluran 2

TV/RTM di mana syarikat ini tidak langsung mencerminkan budaya Malaysia. Walaupun filem itu filem Tionghua tetapi apa salahnya kita adakan filem Malaysia, gambar-gambar scenery Malaysia. Kalau signboard kedai, di belakangnya itu Malaysia dan sebagainya. Jadi, kita eksport gambar ini keluar sekurang-kurangnya rakyat negara lain nampak majmuknya rakyat Malaysia. Kehidupan kita begitu aman dan tenteram. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk menasihati Kementerian Penerangan supaya memberi peraturan dan mengawasi pelaburan ini supaya jangan diperalatkan untuk golongan-golongan yang tertentu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya. Saya hendak minta supaya Kementerian Penerangan dan juga pihak kerajaan — saya minta Menteri Kewangan campur tangan. Yang pertama, pelaburan kerajaan ini dijual kepada orang. Tawarkan kepada sesiapa, sebab untungnya lumayan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau Yang Berhormat kata hendak jual, saya ingin mencadangkan supaya kita mencadangkan kepadanya supaya menjual kepada konsortium penjual-penjual filem bumiputera yang banyak bersepah di tanah air kita ini, yang buka satu, dua filem, tutup. Tidak boleh hidup. Tidak cukup cari makan. Jadi, Yang Berhormat cadangkan supaya beri kepada mereka ini supaya mereka boleh join dengan group ini supaya mereka jadi kuat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya! Saya bersetuju supaya diberi kepada pengeluar-pengeluar yang sudah lama berkecimpung. Sebab kita kena ingat, kita kena simpatilah kepada para pengeluar filem, kepada artis, kepada pelakon dan sebagainya sebab mereka ini kadang-kadang ditohmah, digossip, difitnah — hidupnya seolah-olah begitu glamour tetapi dari segi pendapatan tidak ke mana. Tolonglah mereka ini. Tiba-tiba muncul 'giant' yang semacam ini yang membunuh yang sedang ada ini. Macam mana ceritanya? Saya setuju, tetapi saya tidak hendak tengok. Anak saya tidak pernah miss. Kadang-kadang dia pergi sembahyang Maghrib, saya kata sembahyang cepat. Kadang-kadang dia pergi sembahyang, saya tanya, "Dah doa?" Dia kata, " pakai ikut yang kelmarin, dah". Dia cakap macam itu! Tetapi oleh sebab dia belum umur akil baligh, saya kata saya boleh pukul. "Doa macam mana?" "Pakai ikut yang kelmarin itu". Saya kata, "Doa di situ!" Sebab dia hendak mengejar filem. Saya tidak pernah tengok. Yang saya tengok filem "Baba dan Nyonya" ada sekali. Saya tanya, yang berlakon itu lelaki atau perempuan? Mereka kata lelaki tetapi dia pakai perempuan. Tetapi itu siapa buat, saya tidak tahulah.

Yang penting di sini, saya bersetuju bahawa budaya-budaya serta ciri-ciri ke-Malaysiaan telah dihukum dengan ditiadakan langsung. Kalau sekiranya untuk tujuan eksport, orang tidak tahu filem ini datang dari mana. Sekurang-kurangnya filem dari Hong Kong, dia ada gambar Hong Kong. Anak saya tahu — Lai Meng. Anak saya berumur 13 tahun tahu itu — Lai Meng. Kadang-kadang saya telefon ke rumah, saya tanya, "siapa cakap ini?" "Ini Lai Meng daripada Hong Kong", dia kata. Dia main-mainkan saya pula! Dia tahu daripada Hong Kong. Dan filem dari Taiwan pun dia tahu. Filem itu dari Taiwan. Tetapi kalau filem dari Malaysia ditunjuk di Taiwan orang tidak tahu. Begitulah.

Saya kirim salam kepada Tok Mat untuk memikirkan supaya hak yang kerajaan ada ini dijual kepada mereka ini. Kerajaan bagaimanapun sudah beli, kerajaan tidak perlu terlibat dalam ini. Kerajaan patut libatkan dalam benda-benda yang besar seperti pelaburan dalam IPP, seperti pelaburan dalam projek janakuasa yang besar. Itu yang kerajaan

patut buat. Tiba-tiba kerajaan pergi berlakon filem, jadi pengarah filem. *(Disampuk)* Saya tak tahu, saya tak tahu! Saya dengar orang dok cerita, khabar angin di luar saya dengar macam-macam. Ini saya tak mahu, sebab saya tak suka dengar fitnah. Saya minta penjelasan, apa sudah jadi dengan HVD ini?

Saya tengok cara persembahan ini dan tuan punya syarikat ada sebut nama beberapa orang kawan saya termasuk bekas Ahli dari Tanah Merah. Tetapi tiada. Itu sebab saya bercakap ini. Yang ada Sabastian Foo Kok Leong – 40%; Adnan Zakaria – 30%; Leong Wai Seong — yang ini, ada! Nama-nama mereka ini tidak terlibat, saya tidak tahu dan saya tidak mahu ambil tahu. Tetapi yang penting ialah kenapa kerajaan terlibat? Dan yang keduanya, kenapa kerajaan tidak memikirkan bahawa ciri-ciri budaya dalam filem yang berkenaan telah hilang sifat-sifat keMalaysiaannya.

Apakah kerajaan tidak memikirkan perkara ini? Cuba tengok, kita bantai kerajaan kalau kerajaan tidak betul. Pembangkang, dia kira bantai seumur hidup. Dia kata kita mengampu. Kita bukan jenis mengampu, ya! Tetapi bila saya bercakap di peringkat akhir sampai tentang budget, mereka tidak sesuai, mereka habis lari keluar. Dia suka kita bantai sahaja, baru dia tunggu.

Tuan Yang di-Pertua, yang berikutnya, yang akhirnya, sebab apa, Yang Berhormat Pasir Mas minta saya berhenti. Saya kata, tunggu sekejap. Saya tidak boleh diganggu sebab nanti pemikiran saya tidak tenteram dibuatnya. Jadi, saya minta supaya dipastikan Belanjawan itu mengikut sektor dan pelaburan kerajaan mestilah dalam syarikat-syarikat yang kita rasa boleh mendatangkan manfaat kepada semua.

Akhir sekali, sebab tentang Bina Insan dan semuanya ini, saya serahlah kepada kawan-kawan untuk bercakap. Saya harap saya akan mengambil masa yang pendek. Ini fasal penswastaan.

Penswastaan mewujudkan kumpulan-kumpulan korporat yang besar — ahli-ahli tokoh korporat. *(Disampuk)* Mereka sebut yang lain, saya tak tahu. Tetapi akhirnya, sikap dan tingkah laku mereka seperti yang mereka sebutkan tadi — 'corporate monkey'. Orang ini asalnya siapa? Saya mengucap tahniah dan bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dan tahniah kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang saya cukup sayangi, sanjungi, orang yang saya cukup hormat termasuklah pembantu-pembantu kanannya yang berada di sana kerana telah mewujudkan tokoh-tokoh korporat yang menyebabkan mereka berjaya mengembangkan ekonomi yang bukan sahaja dihormati di Malaysia tetapi di dunia. Majalah *Fortune* tidak pernah mengeluarkan berita orang yang lekeh-lekeh tetapi mereka mengeluarkan nama seorang tokoh korporat Malaysia yang bernama Tajuddin Ramli. Hebat!

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Ada. Hak bulan ini. Ada! *(Disampuk)*. Korporat apa pula, ini majalah *Fortune*.

Jadi, menunjukkan pengiktirafan yang hebat yang telah diberikan oleh dunia dan juga orang tempatan. Siapa yang menaikkan mereka ini? Tidak lain tidak bukan, kerajaan. Malah orang kata Tan Sri Azman Hashim dia muncul sendiri. Tan Sri Azman Hashim tak muncul sendiri, tetapi kerajaan tolong. Termasuk Tan Sri Lim Goh Thong kerajaan tolong, termasuk Tan Sri Vincent Tan kerajaan tolong, termasuk Tan Sri Arumugum kerajaan tolong, termasuk Tan Sri Ananda Krishna, termasuk Dato' Halim Saad, termasuk Dato' Tajuddin Ramli, termasuk

Tan Sri Wan Azmi, termasuklah Tan Sri Ting Pek Khiing — semua kerajaan tolong. Malah kita yang ada di sini yang berniaga sedikit-sedikit macam Datuk Ibrahim Ali — tahniah dapat 'Datuk', dia pun berniaga, kerajaan tolong, Ahli Yang Berhormat dari Jerai, berniaga kerajaan tolong, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar nak berniaga, kerajaan kena tolong, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, Syarikat Jawakie yang besar yang akan menjadi penaja seminar Perdana kita selepas ini juga kerajaan tolong, beri kontrak padanya dan sebagainya. Semuanya muncul kerana kerajaan. Malah muka-muka ini asalnya, macam Tajuddin Ramli, seorang Peguam — mana nak ada, macam peguam sana, tak ada apa, lebih kurang sahaja.

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan, dia beritahu dia Peguam, tak apalah. Seorang di antaranya Tajuddin Ramli, Halim Saad seorang Akauntan, Wan Azmi – Akauntan. Semua ini muncul kerana kerajaan tolong. Apa fasal kerajaan tolong, Tuan Yang di-Pertua? Kerana untuk memulihkan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian supaya kita mempunyai masyarakat yang seimbang, masyarakat yang sama rata, dan dalam masa yang sama kerajaan berharap tokoh-tokoh bumiputera ini dan juga bukan bumiputera yang kerajaan tolong, menolong orang-orang lain pula untuk mengembangkan perniagaan — 'konsep payung', walaupun kerajaan tak beritahu.

Tuan Yang di-Pertua, mereka bukan sahaja buat konsep payung, tetapi mereka buat konsep 'kepong'. Dalam bahasa Kedah, di Padang "Terak" tempat Dato' Affifudin orang panggil bahasa 'kepoi'. Kita kena ingat, Malaysia semasa kita merdeka dahulu orang kata tak reti buat jarum, sampai orang Malaysia terutama orang Melayu di Kedah, sampai mesin jahit tangan itu dia panggil 'kilang'. Dia bukan kata mesin jahit, tetapi dia panggil 'kilang'. Sekarang ini bila Singer jual, orang panggil 'Singer'. Fasal apa, kita terlampau seronok sebab boleh ada 'kilang'. Ada 'kilang' itu kita hebatlah — Kedah/Perlis.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta Arau perbetullah balik. Orang Kedah taklah perak sampai macam itu. *(Ketawa)* Dia kata orang Kedah sahaja, orang Perlis juga. Nanti Kedah ambil balik Perlis, dia hendak pergi ke mana? *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau apa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak minta penjelasan atau hendak beri penjelasan?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang kedua, saya hendak minta penjelasan — Yang Berhormat tak berasa penatkah kerana bercakap sudah lama? *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya akan sambung ucapan saya selepas Deepavali, saya minta maaf, sebab saya ada tiga benda lagi hendak bercakap, saya minta maaf. Deepavali kita boleh beraya bersama, okay. Tentang 'kilang', Pak Wan Hanafiah beritahu saya tadi, dia kata orang Kedah dan Perlis panggil 'kilang'. Kalau di Perlis dipanggil 'keliang' dia ada pelat sedikit. Makna kata kita seronok kalau ada 'kilang'. Tetapi sekarang ini kita ada kilang yang begitu hebat dan sebagainya.

Jadi, tokoh korporat ini sekarang ini mengepong. Saya tengok, contohnya syarikat-syarikat subsidiary company, mereka tidak langsung dibenarkan untuk bumiputera ataupun bukan bumiputera luar masuk. Dia buat di kalangan Lembaga Pengarah, lepas itu apabila sampai tentang 'right issue' pun, hak bumiputera pun, mereka sama-sama dapat. Lepas itu, sudahlah, Tuan Yang di-Pertua, sombong pula setengah itu. Malah bila tengok orang politik macam tengok tak ada apa-apa. Hari ini saya pergi berjumpa seorang — bukan saya hendak buat apa, saya hendak berjumpa dia, saya hendak tanya dia fasal apa jalan berlubang-lubang. Dia kata jalan itu elok. Saya kata, kenapa jalan highway daripada Gurun sampai ke Bukit Kayu Hitam berombak, bila hendak perbaiki? Saya kata dahulu semasa hendak buat jalan, cepat bukan main, siang malam. Sekarang ini bubuh papan di situ dan biar selepas itu. Saya balik tiap-tiap minggu, hampir-hampir saya hadapi kemalangan, tetapi sebab saya mempertahankan mata saya supaya jangan tidur — sekejap lagi hendak balik bawa kereta lagi, Tuan Yang di-Pertua, lepas bercakap ini tahulah penat bukan main. Tetapi kalau jalan sudah berombak — tol tak kuranglah, berombak macam mana pun. Bila dia beri tanda untuk jalan rosak hendak perbaiki, saya kata dahulu buat 24 jam, sekarang ini kalau hujan turun tak buat kerja. Sepatutnya buat kerja 24 jam jugalah, sebab kita pun hendak benda itu elok. Saya pergi jumpa dia bertanya berkenaan itu. Dia kata, 'Apa! Hendak apa? Kata kat orang 'terjai-terjai', sama-sama negeri. Saya ini jenis orang penyabar. Kalau orang 'cengei' dengan saya, saya terus sabar, tetapi kalau orang baik dengan saya, saya 'cengei' balik, saya jenis sabarlah. Saya kata tak ada apalah cuma hendak cakap fasal jalan. Tak apalah, kita pun baiklah. Saya kata okay, terima kasih, tahniahlah. Dia terasa sebab dia tak puas hati hendak 'lutu' saya, dia kata, 'tunggu, tunggu sekejap'. Saya kata, tak perlu. Saya kata, tahniahlah, sebab kamu sudah jadi billionaire, tetapi kamu jangan jadi kera, jangan jadi 'corporate monkey', selepas itu jangan kurang ajar dengan orang. Itu saya terlepas sebiji, saya bye-bye, assalamualaikum — jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bandar Kuching bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan siapakah corporate monkey, billionaire itu? Sebab kalau mengikuti logik Yang Berhormat dari Arau, kebanyakan dari mereka dapat kaya sebab pertolongan daripada kerajaan? Dan jika mereka sekarang sudah melupakan apa yang kerajaan membantu mereka, jadi mereka jadi 'kacang lupa kulit'. Jadi, saya haraplah Yang Berhormat dari Arau sebut nama Yang Berhormat sebutkan tadi, siapakah jadi begini sombong, tidak grateful lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kesombongan mereka ramai, tetapi kebaikan mereka juga banyak, kita kena ingat. Saya tahu mereka ini di antara penyumbang-penyumbang sosial yang hebat. DAP maki sahaja. Depa ini kadang-kadang derma orang capik, orang cacat RM100,000 sana sini. Orang miskin masuk surat khabar, mereka derma. Sumbangan sosial mereka juga hebat. Tetapi cuma yang saya minta nombor satu, biak-pilah kita ikut, mereka jenis sombong dan kaya, biak-pilah, kaya-kayalah. Tetapi yang penting bila mereka memperbesarkan perniagaan, biarlah perniagaan itu dikembangkan juga untuk orang lain sama ada bumiputera dan juga bukan bumiputera, dan bukan di kalangan Ahli Lembaga Pengarah sahaja.

Sebab sebenarnya bila kita ada satu syarikat yang besar yang modalnya berbilion ringgit, kita berhak membuat subsidiary sampai dua tiga puluh yang boleh kita kembang. Dan pasaran kita sekarang ini bukan pasaran yang berdasarkan fundamental sahaja. Kadang-kadang rumours pun — katakanlah yang ini akan dapat kasino di Cina, maka belilah oleh orang, tiba-tiba esok tak jadi, tetapi sudah beli, sebab kadang-kadang sentimen. Macam hari ini naik balik, tak tahu.

Jadi, demikianlah saya hendak tunjukkan bahawa mereka ini tak patut berlagak demikian rupa. Nama, saya tak perlu sebut, sebab apa?

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Silakan Kuching.

Tan Sim Kwang Yang: Saya mengenali Ahli Yang Berhormat dari Arau sebagai orang yang berani selalunya. Kepada siapa pun Yang Berhormat berani; dia hentam jikalau perlu. Jadi, dari diskripsi tadi, orang kaya ini paling tidak berbudi bahasa kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau, kepada Ahli Parlimen, juga kepada kerajaan, menurut logik Yang Berhormat dari Arau. Jadi, sebutkan nama dia, jangan takut, saya sokong. *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Sikap mereka, kekurangajaran mereka kepada saya, saya ketepikan, sebab saya bukan manusia yang emosional tak tentu fasal. Saya suka mencari logik. Yang saya hendak tekankan bahawa kalau sekiranya mereka hendak tubuh anak-anak syarikat dan sebagainya, berilah peluang kepada bumiputera dan juga bukan bumiputera, sebab kerajaan tolong mereka ramai; tolong Lim Goh Thong, tolong Vincent Tan, tolong Ananda, tolong Halim Saad, tolong Tajuddin, termasuklah saya hendak sebut, Tajuddin baru ambil alih kapal terbang. Tak payah provok saya, saya bukan jenis itu, saya bukan budak-budak, Yang Berhormat. Macam Yang Berhormat dari Kuching, kita sebut Kuching, kadang-kadang saya sebut 'meow' sahaja, sebab kadang-kadang kucing dengan 'meow' sama. *(Ketawa)*

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Tajuddin Ramli, minta maaf, *(Ketawa)*

Tuan Sim Kwang Yang: Ini hal lama, saya mahu selesai, Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya berdiri dalam masa Soal-Jawab Mulut, Yang Berhormat dari Arau selalu bunyi 'meow, meow!' dari sana. *(Ketawa)* Saya minta penjelasan. Saya Wakil Rakyat Bandar Kuching, bukan 'kucing', di sini tak ada binatang. *(Ketawa)* Tetapi jika ada binatang, ada kucing, saya adalah kucing tulen. Jikalau Yang Berhormat mahu 'meow! meow! dia jadi kucing tiruan. Jadi, Yang Berhormat dari Arau janganlah meow! meow! lagi. Jangan buat bunyi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini tuduhan yang tak patut, sebab kita tidak ada bukti, sebab bunyi 'meow' ramai. Saya dengar di sebelah sana bunyi 'meow!' di sebelah sini bunyi 'meow!'. Dekat DAP pun saya dengar bunyi 'meow!' Yang Berhormat tuduh saya seorang, tak betul. Saya pernah kata sekali, tetapi itu pun sebab saya tengah berucap, Yang Berhormat ganggu saya, saya kata kucing 'meow! meow!'

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tak ganggu, saya tak ganggu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay! Okay, baik, saya hendak sebut . . . . .

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tak ganggu, saya ingin minta sedikit sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya!

Tuan Sim Kwang Yang: Bilakah Yang Berhormat hendak menamatkan ucapan yang panjang lebar begini. *(Ketawa)* Saya pun tunggu Ahli Yang Berhormat tamat ucapan. Terlalu lama. Dua jam saya duduk di sini. Walaupun ucapan Ahli Yang Berhormat paling menghiburkan, saya mintalah beri chance kepada kami semua. Ahli Yang Berhormat dari Keningau pun menunggu. Sudah telalu lama, dua jam.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tahu, tetapi saya akan tamatkan, saya pasti akan tamatkan, saya bersimpati tetapi saya hendak sebut . . . . .

Tuan Sim Kwang Yang: Yang Berhormat sudah berjanji sepuluh kali.

Tuan Shahidan bin Kassim: Setiap kali saya diganggu saya akan tambah lima minit. *(Ketawa)* Ingat! Siapa ganggu saya lagi, saya tambah lima minit. Jangan ada harapan sebab memang niat saya hendak sambung lagi dua jam selepas Deepavali tetapi sebagai manusia yang adil, saya akan habiskan dalam masa lima atau sepuluh minit lagi.

Yang Berhormat, saya hendak minta supaya mereka ini bertindak waras. Saya baca baru-baru ini Tajuddin Ramli baru dapat MAS — tahniah! Saya tahu, saya pasti sudah beliau dapat mengendalikan MAS ini dengan baik walaupun dia bukan Superman, bila dia masuk MAS dia boleh buat semua dengan baik. Saya hendak minta sebab MAS dahulu, ada anak-anak syarikat MAS yang MAS buat joint venture dengan syarikat lain tetapi baru-baru ini dia isytihar semua ini akan dipunyai oleh MAS. Jadi, Tajuddin Ramli saya hendak minta walaupun sudah masuk dalam Majalah Fortune janganlah fikir boleh kepong semua, beri-berilah kepada orang lain setengah. Kalau setengah yang boleh kita joint venture dengan syarikat lain sebab dengan cara kita mengembangkan, dengan cara kita buat usaha sama dengan orang lain, kita akan mendapat sokongan. Kita kena ingat, orang tengah dok pertikai MAS, lapangan terbang dan sebagainya kerana kita buat sorang-sorang. Tetapi kalau semua orang terlibat, semua orang bertanggungjawab. Itu ceritanya. Tetapi setengah daripada mereka ini tak payah sebut nama, terus hendak sahaja daripada kerajaan. Bila tak dapat mereka pun merajuk macam Kepong — jauh hati dan sebagainya.

Jadi, kita tidak boleh berbuat demikian sebab tugas kerajaan sekarang untuk mengembangkan kepada semua mereka ini.

Akhir sekali, pasti sudah dalam masa lima minit, iaitu supaya syarikat-syarikat yang hendak diswastakan saya minta walaupun ada MBO dan sebagainya supaya dilibatkan swasta sebab kita kena ingat MBO tidak ada pertambahan modal, tahu atau tidak? MBO tidak ada pertambahan modal luar. Tetapi kalau kita ambil syarikat luar, dia ada pertambahan modal luar. Walaupun kadang-kadang kita kata MBO tetapi kalau MBO dia pinjam daripada bank dia kena libatkan interest dan sebagainya tetapi kalau MBO dan juga syarikat luar dengan itu modal luar boleh masuk. Saya minta supaya MBO tak boleh 100%.

Seorang Ahli: Capital injection.

Tuan Shahidan bin Kassim: Capital injection. Saya minta supaya MBO ini yang Tun Daim buat dahulu dia hanya benarkan 30% tetapi sekarang orang tak ikut, setengah MBO 100%. Kalau 100% orang itu, duit luar tak masuk. Ini Kementerian Kewangan punya polisi tetapi bila mereka mengubah, saya tak tahulah. Saya bukan apa, supaya duit modal luar itu dimasukkan, yang tidak dibuat dengan pinjaman, kalau semua orang pakat pinjam bank, jadi company itu hendak membesar macam mana? Jadi, MBO mestilah 30%.

Akhir sekali ini fasal PEMADAM, saya minta supaya kerajaan memberi perhatian yang serius, dan saya minta maaflah kepada Pemberita sebab saya tak dapat baca laporan saya yang telah disediakan sampai 30 muka ini sebab saya ingat saya tak perlu lagi berbuat demikian. Saya minta supaya kerajaan memberi perhatian yang serius kepada gerakan-gerakan untuk mencegah dadah, supaya kerajaan menambahkan peruntukan. Sebab tiap-tiap kali peruntukan dia beri RM100,000 setahun sebab sekarang ini dadah sudah menjadi masalah yang serius dan saya hendak mencadangkan kepada kerajaan tetapi di Perlis saya akan buat sebagai Pengerusi PEMADAM semua sekali penduduk Perlis adalah ahli PEMADAM. Ha! cerita, jadi siapa yang hisap dadah? Jadi, kalau semua penduduk Malaysia, macam ini, askar Wataniah akan jadi ahli itu jadi siapa hendak pergi perang lagi? Jadi, macam itulah lebih kurang. Saya sekarang ini semua JKK di kampung-kampung saya mesti syaratkan menjadi ahli PEMADAM dengan mengeluarkan kad-kad kuasa. Dengan itu Perlis akan merupakan negeri yang pertama, negeri yang tidak terlibat dengan dadah. Jadi, saya minta supaya kerajaan memberi perhatian yang serius untuk membantu gerakan-gerakan anti-dadah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengucap terima kasih dan saya memohon maaf, saya tahu Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah bersedia panjang — ucapan dia menarik pasti sudah. Saya mohon maaf jika saya terkasar bahasa dan kita berdoa semoga dan marilah kita sama-sama berdoa semoga Belanjawan tahun ini merupakan Belanjawan yang kita dapat nikmati bersama semoga bila ada pilihan raya nanti insya-Allah kita akan bersama, kita akan balik ke sini bersama-sama, terutamanya kalau boleh semualah Barisan Nasional dalam Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keningau.

6.16 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan terlebih dahulu atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Belanjawan 1995.

Nampaknya kalau diambil kira daripada segi penerimaan dan sokongan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga orang ramai yang telah sempat untuk memberi komen mengenai dengan Belanjawan ini tidak boleh dinafikan bahawa memang ramai yang telah memberi komen yang amat baik sekali. Komen-komen seperti ini adalah seperti 'the best Budget ever', 'a very good Budget', 'a Budget for the family', dengan izin, dan lain-lain lagi ternyata di dalam surat-surat khabar.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan Malaysia yang telah membentangkan suatu Belanjawan yang merangkumi perkara-perkara yang begitu luas sekali yang telah dirancangkan dengan begitu teliti, mungkin memang pasti mengambil kira pilihan raya yang akan datang dan penuh dengan tujuan untuk cuba mengambil kira semua aspek pembangunan dan kemajuan di negara kita. Walau pun demikian, ada beberapa perkara yang harus juga diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, yang saya ingin sentuh di sini ialah bahawa saya telah terbaca di dalam surat-surat khabar bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah memohon tambahan kewangan mereka sehingga ke tahap RM30 juta. Walaupun ini tidak ternyata secara terperinci di dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan, tetapi tentu sekali ini menarik perhatian orang ramai khususnya di Negeri Sabah disebabkan di samping

Suruhanjaya Pilihanraya memohon supaya diluluskan tambahan peruntukan untuk menjalankan perbelanjaan mereka ataupun tanggungjawab mereka, waktu Suruhanjaya Pilihanraya mengadakan seminar di Kota Kinabalu, mereka juga telah memohon supaya media massa di RTM diberi kepada pihak Pembangkang sama dengan pihak kerajaan. Tentu sekali ini menekankan keadilan Sistem Demokrasi Berparlimen di negara Malaysia.

Di samping itu juga mereka telah memohon supaya apabila diadakan Pilihanraya Umum, transparency, dengan izin, harus ditentukan supaya apa sahaja keraguan orang ramai mengenai dengan keputusan pilihan raya tidak lagi diragu-ragukan. Tentu sekali permohonan serupa ini adalah amat penting sekali dan harus dipertimbangkan memandangkan imej Malaysia yang kian meningkat di kalangan antarabangsa.

Dalam pada itu saya berharap, agar permohonan ataupun rayuan daripada Suruhanjaya Pilihanraya sendiri diambil kira dan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, hanya apa yang saya khuatiri ialah bahawa segala permohonan yang baik yang bertujuan untuk meningkatkan imej Malaysia ke tahap yang lebih baik tidak akan diberi pertimbangan dan tidak akan diluluskan sama sekali.

Untuk meninggikan lagi imej Malaysia di kalangan antarabangsa adalah difikirkan sangat-sangat mustahak sekali untuk meluluskan rayuan daripada orang ramai, khususnya, pengundi-pengundi dan pemimpin-pemimpin politik mengenai dengan permohonan untuk membersihkan Buku Daftar Pemilih di negara ini, khususnya untuk negeri Sabah.

Tidak boleh dinafikan, bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini pemimpin-pemimpin politik di Negeri Sabah dan pengundi-pengundi serta orang ramai telah merayu kepada pihak Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Pilihanraya supaya menerima rayuan-rayuan mereka. Rayuan ini dikemukakan semasa bantahan dan juga melalui teguran-teguran. Selain daripada itu, pihak Suruhanjaya Pilihanraya sendiri telah mengakui bahawa Buku Daftar Pemilih memang mempunyai pengundi-pengundi hantu (phantom voters) dan mengikut apa yang diakui oleh Suruhanjaya Pilihanraya sendiri, Buku Daftar Pemilih memang mempunyai pengundi-pengundi hantu (phantom voters) dan mengikut pengakuan Suruhanjaya, sekurang-kurangnya 10% pengundi-pengundi yang terdaftar adalah pengundi hantu.

Ini amat merunsingkan dan menyusahkan rakyat yang menyanjung tinggi penekanan daripada pihak pemimpin-pemimpin atasan, pihak Barisan Nasional dan pihak Kerajaan Persekutuan yang sentiasa menekankan dan melaung-laungkan sistem demokrasi berparlimen yang berasaskan kehendak rakyat. Kalaulah kita semua bersetuju bahawa sistem demokrasi berparlimen ini adalah berasaskan kehendak rakyat dan aspirasi rakyat dan di samping itu, kalaulah pemilih-pemilih dalam pilihan raya di peringkat negeri dan di peringkat negara adalah berasaskan kepada kelayakan sebagai warganegara Malaysia, tentu sekali kita tidak ingin melihat adanya pengundi-pengundi hantu dan yang bukan warganegara Malaysia yang termasuk di dalam Buku Daftar Pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya tentu sekali perlu prihatin terhadap apa yang dikemukakan oleh pihak rakyat berasaskan kesedaran dan pengetahuan tentang perkara ini supaya keadilan itu betul-betul ternyata dan kehendak peraturan-peraturan serta undang-undang itu dipatuhi untuk meningkatkan kepercayaan rakyat

Malaysia dan pemimpin-pemimpin politik bahawa keputusan pilihan raya itu adalah betul, adil serta demokratik. Setelah Suruhanjaya Pilihanraya mengakui bahawa adanya phantom voters, dengan izin, dalam Buku Daftar Pemilih, Suruhanjaya Pilihanraya serta Kerajaan Persekutuan harus mengambil tindakan yang ternyata atau terbuka supaya Buku Daftar Pemilih itu dapat dibersihkan seperti mana yang sepatutnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa teguran ini diterima dengan baik, memandangkan bahawa kita berniat untuk menuntut keadilan bagi pihak rakyat, warganegara Malaysia dan juga membantu dalam hal meninggikan imej Malaysia dan Kerajaan Malaysia ke tahap yang boleh kita semua banggakan. Adalah amat dikesali jika sekiranya selepas pengakuan Suruhanjaya Pilihanraya bahawa Buku Daftar Pemilih itu mempunyai pengundi-pengundi hantu sebanyak 10%, jika sekiranya tidak ada tindakan positif yang diambil oleh pihak yang berkenaan, dan jika sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan tidak memberi arahan yang bertujuan untuk membersihkan Buku Daftar Pemilih ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu dinyatakan di sini dengan kesedaran tentang adanya phantom voters, di dalam Buku Daftar Pemilih, warganegara Malaysia, bahawa Buku Daftar Pemilih ini juga mempunyai kelemahan-kelemahan yang lain. Ini berasaskan beberapa perkara yang telah diterima apabila pihak kami telah mengadakan pemeriksaan terhadap Buku Daftar Pemilih ini. Kelemahan yang lain adalah seperti berikut:

(i) Buku Daftar Pemilih juga mempunyai nama-nama pengundi yang lebih daripada satu yang bermakna seorang itu dua kali dicatat dalam Buku Daftar Pemilih itu dan kadang-kala ianya berlainan tempat;

(ii) nama-nama pengundi ditukar ke lain stesen mengundi tanpa pengetahuan atau kebenaran mereka yang terdaftar sebagai pengundi;

(iii) ianya juga mempunyai nama-nama orang yang sudah meninggal yang sepatutnya dikeluarkan, supaya phantom voters tidak boleh menggunakan nama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita gembira dan senang hati mendengar ucapan Belanjawan yang begitu baik sekali didengar, berasaskan kepada apa yang telah dirancangkan dalam ucapan Belanjawan itu, namun kita ada juga keraguan, disebabkan pada tahun 1995, pilihan raya umum akan diadakan dan tentu sekali yang kita khuatiri ialah bahawa ucapan Belanjawan yang menunjukkan banyak faedah dan merangkumi banyak perkara — tetapi ini adalah hanya menjadi 'tebu yang ditanam di bibir' seperti mana yang disentuhkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan Malaysia.

Saya katakan demikian, disebabkan dalam pilihan raya baru-baru ini di Negeri Sabah, pihak Barisan Nasional telah menyampaikan kepada orang ramai isi kandungan manifesto yang penuh dengan janji-janji yang begitu besar, tinggi dan banyak dan ternyata sekali selepas mereka dapat merebut kuasa daripada Parti Bersatu Sabah (PBS), janji-janji yang diumumkan dalam manifesto, khususnya, 100 hari untuk memulihkan ekonomi Sabah telah tidak menjadi kenyataan dan kita sedar bahawa janji yang terlalu tinggi seperti janji untuk menghapuskan kadar kemiskinan dalam 6 tahun di Negeri Sabah ke tahap yang "0", iaitu di mana semua orang di negeri Sabah menjadi orang kaya dan bukan lagi orang miskin amat mustahil sekali dilaksanakan,

disebabkan, kalau ditinjau di Semenanjung sendiri, masih begitu ramai juga orang yang termiskin, sedangkan di negeri Kedah, masih mempunyai kadar orang termiskin sebanyak 17% dan di Amerika Syarikat, negara yang sudah menbangun selama 200 tahun lebih masih juga mempunyai orang-orang yang termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bererti kita tidak ingin perlaksanaan janji ini. Kita ingin pastikan janji ini ditunaikan supaya rakyat di negeri Sabah betul-betul menjadi orang kaya dan bukan miskin. Walau bagaimanapun, yang kita khuatiri ialah janji ini tidak akan dapat ditunaikan seperti yang dijanjikan. Saya masih teringat janji bekas Timbalan Perdana Menteri, waktu pilihan raya kecil di Sipitang bahawa katanya, "Kerajaan Barisan Nasional akan membina hospital yang besar yang akan menelan belanja RM100 juta". Tetapi apa yang kita lihat, yang ditunaikan dan dilaksanakan, hanyalah 37% sahaja atau RM37 juta dan bukan RM100 juta seperti mana yang dijanjikan. Tuan Yang di-Pertua . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung.

Datuk Dr. Joseph Pairin Kitingan: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Majlis Mesyuarat ditangguhkan, saya mengucapkan selamat Hari Deepavali kepada masyarakat yang beragama Hindu.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.